



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2781]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun Getah [Ruangan 2840]
Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan), [Ruangan 2892]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM — DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Ben Stephens, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiddeen (Sarawak)

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman (Dilantik)

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif (Dilantik)

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar, A.M.N. (Dilantik)

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, P.C.M. (Dilantik)

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim (Dilantik)

Tuan Ahmad bin Othman, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said (Dilantik)

Tuan Bee Yang Sek (Kedah)

Tuan Fadzil bin Mahmood, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)

Puan Hajjah Habibah binti Abdul Ghani, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)

Tuan Harun bin Hassan (Terengganu)

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim @ Hasanah Fatimah binti Haji Mohd. Kassim, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)

Tuan Hassan bin Nam (Dilantik)

Tuan Haji Hussein bin Ahmad (Dilantik)

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang (Negeri Sembilan)

Datuk Ishak bin Abdul Rahman, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)

Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik)

Tuan Jaafar bin Harun (Dilantik)

Datuk James Bernard Willie, P.G.D.K. (Sabah)

Puan Sri Janaki Athi Nahappan, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Dato Kamaruzaman bin Ahmad (Dilantik)

Tuan Kenneth Kenyan Anak Temenggong Koh, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak)

Dato Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)

Tuan Kuan Peng Soon @ Kuan Peng Ching (Perak)

Dato K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Dilantik)

Tuan Lim Kean Siew (Dilantik)

Cik Lim Sean Lean @Lim Hiang Nai, K.M.N. (Dilantik)

Datuk Loh Fook Yen, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)

Tuan Loo Swee Mok, A.M.N., P.P.N. (Pahang)

Tuan Haji Mohamed bin Yahya, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik)

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah (Kelantan)

Tuan Mohd. Noor bin Bedah, P.J.K., P.J.B. (Perlis)

Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim (Perak)

Tuan Mohd. Yusoff @Yusof Haji Md. Nor (Kelantan)

Tuan Nasir bin Haji Manap, A.M.N., P.J.K, (Melaka)

Puan Nen Abidah binti Abdullah, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)

Tuan Ng Ah Poi, P.P.N., J.P. (Melaka)

Tuan M.G. Pandithan (Selangor)

Tuan Paramjit Singh (Dilantik)

Dato G. Pasamanickam, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)

Puan Rokiah @ Maimun binti Zainuddin, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Tan Sri C. Selvarajah, P.S.M. (Dilantik)

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar @ A.S. Dawood (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Stephen Timothy Wan Ullok (Dilantik)

Tuan Haji Shuaib bin Lazim (Dilantik)

Tuan Tan Chang Soong, A.M.N. (Dilantik)

Tuan Tay Chee King, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)

Tuan Tiong Hiew King (Dilantik)

Tuan Wong Yau Ket (Sabah)

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAIKANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 31hb Julai, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.1

**SEKOLAH MENENGAH RENDAH -
BILANGAN**

1. Tuan Loo Swee Mok (di bawah S.O.23(2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan yang hanya mengelolakan kelas-kelas sehingga peringkat SRP;
- (b) jumlah Sekolah tersebut yang akan mengadakan kelas-kelas aliran sains di Tingkatan 4, apabila pelajar-pelajarnya telah menamatkan pelajaran SRP; dan
- (c) sama ada Sekolah Menengah Kebangsaan yang mengelolakan kelas SRP sebagai peringkat tertinggi dalam sistem pelajaran di sekolahnya akan melanjutkan sistem pelajarannya kepada peringkat SPM.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Sekolah Menengah Kebangsaan yang hanya mengelolakan kelas-kelas sehingga peringkat SRP adalah dikelaskan kepada Sekolah Menengah Rendah dan bilangannya pada tahun 1985 adalah sebanyak 216 buah.
- (b) Dari 216 buah sekolah tersebut, sebanyak 31 buah sekolah akan mengadakan kelas-kelas aliran Sains di Tingkatan 4 apabila pelajar-pelajar telah menamatkan pelajaran mereka di peringkat SRP.
- (c) Kementerian Pelajaran akan menimbang untuk melanjutkan kelas-kelas Sekolah Menengah Rendah kepada peringkat SPM apabila bilangan murid, tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan fizikal seperti bilik darjah dan makmal didapati mencukupi.

Tuan Haji Saharom bin Maasom: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa daripada 31 Sekolah-sekolah Menengah Rendah yang ada mempunyai kelas sains itu tadi tidak lengkap alat-alat sainsnya. Jika sedar, berapa lama perkara ini akan dibiarkan begitu sahaja?

Dato Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran tidak menerima laporan iaitu makmal-makmal yang ada sekarang tidak lengkap dan saya haraplah Yang Berhormat itu boleh memberi laporan kepada Kementerian dan siasatan boleh diambil.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Kementerian yang berkenaan sedar atau tidak bahawasanya ramai daripada murid-murid lepasan SRP yang mendapat aggregate yang baik tidak mendapat tempat di asrama sains penuh dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan Sekolah Sains Berasrama Penuh?

Dato Dr Ling Leong Sik: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah soalan lain.

PROJEK PUSAT BALAI BOMBA

2. **Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof bin Haji Mohd. Nor** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak mengadakan peruntukan bagi projek pusat Balai Bomba baru yang dicadangkan di Kota Bharu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Jabatan Bomba masih mempunyai sebuah Balai Bomba di Jalan Doktor, iaitu terletak di Pusat Bandar dan strategik dalam urusan Jabatan Bomba untuk menentang kebakaran dengan cepat di dalam kawasan Pusat Bandar. Saya berpendapat Balai Bomba ini adalah cukup untuk menampung keperluan kebombaannya di Kota Bharu pada masa ini dan oleh yang demikian, Kementerian saya tidak mendapat peruntukan bagi tujuan membina Balai Bomba yang baru. Walau bagaimanapun, keperluan kebombaannya masa depan di Kota Bharu sememangnya diberi perhatian yang berat oleh Kementerian saya.

Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof bin Haji Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perancangan telah dibuat bahawa suatu pusat Balai Bomba yang baru diadakan di Kota Bharu dan pembiayaannya telah dikenakan kepada Tabung Haji untuk membina satu Balai Bomba baru kerana pengambilan alih tapak Bomba yang ada sekarang?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengetahui perkara itu tetapi perkara-perkara yang berkaitan khasnya tentang bayaran bagi tapak dan juga pembinaan bangunan baru belum lagi diselesaikan.

BANK BUMIPUTRA - FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB PETRONAS

3. **Dato G. Pasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan fungsi PETRONAS untuk mengendalikan Bank Bumiputra dan tanggungjawabnya terhadap kerugian oleh BMF.

Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, peranan PETRONAS berhubung dengan pengurusan Bank Bumiputra adalah untuk memastikan bahawa operasi bank itu dijalankan dengan betul dan cekap mengikut objektif-objektif, dasar dan garis panduan yang telah ditentukan. Pada masa ini dua orang ahli Lembaga Pengarah PETRONAS menganggotai Lembaga Pengurusan Bank Bumiputra; seorang daripadanya sebagai Pengerusi Eksekutif bank tersebut.

Semua usaha untuk memperolehi kembali kerugian yang dialami oleh BMF termasuk tindakan undang-undang yang sedang diambil adalah dilakukan oleh PETRONAS sebagai pewaris utama (principal beneficiary).

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengapakah rancangan membina kilang penapis minyak PETRONAS di Melaka itu ditangguhkan dan sehingga bila, dan dijangka tahun berapakah projek itu akan dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak berkaitan dengan soalan asal.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Amat Berhormat adakah wang yang disalurkan oleh PETRONAS kepada Bank Bumiputra merupakan sebagai pembelian saham kepada Bank Bumiputra atau wang yang disalurkan oleh PETRONAS itu bagi mengganti kerugian itu sebagai wang yang dipinjamkan kepada Bank Bumiputra atau skandal dan wang itu akan dikembalikan kepada PETRONAS bilamana Bank itu mendapat keuntungan semula.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS telah membeli Bank Bumiputra.

Oleh kerana itu wang itu menjadi wang pembelian saham dan tidaklah akan dipulangkan balik kepada PETRONAS. Sebenarnya wang itu masih lagi menjadi hak PETRONAS sebagai pemegang saham.

KILANG BATU PADANG RENGAS PENCEMARAN

4. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa pembukaan kilang batu di Padang Rengas mengeluarkan debu yang banyak, membimbangkan penduduk di sekitar kilang tersebut, apakah ikhtiar Kementerian berkenaan untuk mengatasi perkara ini, dan sudahkah Kementerian berkenaan menyaksikan keadaan ini dan nyatakan tindakan yang akan diambil.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara kilang batu di Padang Rengas dan masalah pencemaran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Pejabat Wilayah Jabatan Alam Sekitar di Ipoh telah menjalankan penyiasatan di sekitar kawasan Padang Rengas pada 24hb Julai ini. Adalah didapati bahawa sebuah kuari, iaitu Sendayan Rock Products, telahpun beroperasi semenjak tahun 1984 tanpa apa-apa alat kawalan pencemaran dan cadangan membuka kilang batu itu tidak dimajukan kepada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu.

Jabatan Alam Sekitar telah mengarahkan pihak kilang supaya memasang alat-alat kawalan yang perlu dan tindakan undang-undang akan diambil jika kehendak-kehendak itu tidak dipatuhi oleh pihak kilang tersebut.

FARDHU HAJI — KEMUDAHAN

5. Tuan Jaafar bin Harun minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memberi kemudahan menunaikan Fardhu Haji kepada semua kakitangan yang beragama Islam; jika ya, nyatakan kemudahan-kemudahan yang akan diberikan serta syarat-syarat yang akan dikenakan dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed); Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sudah ada menyediakan kemudahan menunaikan Fardhu Haji kepada kakitangan yang beragama Islam yang telah disahkan di dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat tidak kurang daripada 4 tahun seperti yang diperuntukkan di dalam Perintah-perintah Am dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 1984. Kemudahan tersebut boleh dinikmati sekali sahaja di sepanjang perkhidmatan seseorang pegawai dan cuti yang dibenarkan itu untuk tujuan menunaikan Fardhu Haji, pada masa ini ialah selama 40 hari.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

Dato K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.6.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN — RASUAH

6. Dato K. Kumaran (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membentaras dan menghapuskan rasuah di dalam Jabatan pengangkutan Jalan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara yang dibangkitkan ini adalah di bawah bidang kuasa Badan Pencegah Rasuah dan Polis Diraja Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan khususnya mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak tersebut serta membantu mereka di dalam menjalankan siasatan dengan cara memberi segala maklumat yang diperlukan.

Jabatan Pengangkutan Jalan hanya akan mengambil tindakan tata tertib ke atas pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan rasuah setelah mendapat laporan dari pihak tersebut. Aduan-aduan rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan yang diterima dari orang-orang awam akan diserahkan kepada agensi-agensi tersebut untuk siasatan dan segala kemudahan serta maklumat lanjut akan diberi.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan:

- (a) bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa ramai-ka pegawai-pegawai Kementerian ini dan orang awam yang telah diberkas selama ini kerana menerima rasuah serta dihadapkan ke muka pengadilan dan berapa ramai-ka di antara mereka yang sabit kesalahan;
- (b) bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa ramai-ka pegawai Kementerian ini yang telah dengan sendirinya memberitahu atau melaporkan kepada pihak berkuasa bahawa ia telah diberi rasuah dan melalui cara ini berapa ramai-ka orang awam yang telah dihadapkan ke Mahkamah. Adakah pegawai-pegawai yang jujur seperti ini diberi apa-apa penghargaan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soal nombor satu, jika Yang Berhormat hendakkan angka-angka yang berkaitan dengan pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan, saya perlu notis.

Berhubung dengan orang awam ini jika mereka terlibat dengan rasuah, saya minta Yang Berhormat menghubungi pihak jabatan yang berkenaan.

Berhubung dengan soalan kedua yang memberitahu kepada Jabatan ini, sepertimana yang telah saya sebutkan tadi jika ada orang awam memberitahu kepada kami bahawa pegawai-pegawai JPJ ini terlibat dengan rasuah hendaklah mereka menyerahkan perkara itu kepada pihak yang berkenaan. Jabatan kita sendiri akan menyampaikan maklumat-maklumat jika Badan Pencegah Rasuah mendapati bahawa betul pegawai-pegawai itu terlibat dan kita akan membantu jabatan-jabatan yang berkenaan untuk maklumat-maklumat lanjutan.

DARA/LKWJ — KEMAJUAN

7. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar bahawa tahap pencapaian kemajuan di Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan di

Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) tidak tercapai sebagaimana diharap-harapkan dan wang yang dibelanjakan tidak seimbang dengan pembangunan yang dicapai; jika benar, apakah perancangan Kerajaan supaya kemajuannya dapat dicapai sebagaimana dirancang-kan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa tahap pencapaian kemajuan di Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan di Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) tidak tercapai sebagaimana diharap-harapkan dan wang yang dibelanjakan tidak seimbang dengan pembangunan yang dicapai.

Untuk maklumat Dewan dan Yang Berhormat, saya tidak menafikan bahawa tidak semua yang dirancangan oleh DARA dapat dicapai sepenuhnya. Tetapi pada keseluruhannya kemajuan yang telah dicapai oleh DARA selepas 14 tahun ia ditubuhkan bolehlah dibanggakan. Dalam pembangunan fizikal didapati kemajuannya adalah seperti yang dirancangan. Kemajuan ini dapat dilihat misalnya dalam pembinaan jalan-jalan, terdapat 3 jalan utama iaitu di Lebuhraya Kuantan/Segamat, Jalan Bahau/Keratong dan Jalan Endau/Rompin. Sepanjang 278 kilometer telah siap dan telah digunakan sepenuhnya.

Di samping itu beberapa batang jalan masuk ke bandar-bandar baru dan pusat-pusat penempatan baru sepanjang 93.5 kilometer telah juga siap.

Dengan adanya rangkaian jalan-jalan ini pembangunan DARA telah berjalan dengan lebih pesat lagi.

Pertanian yang merupakan asas kepada pembangunan di kawasan DARA terus berkembang dengan memuaskan.

Sehingga akhir tahun 1984 seluas 179,166 hektar telah dimajukan dengan pelbagai tanaman. Pencapaian ini merupakan 53% daripada 340,536 hektar yang dirancangan sehingga tahun 1990.

Dalam pembinaan bandar-bandar baru dan pusat-pusat penempatan baru pula, sebanyak 17 buah bandar yang dibangunkan oleh DARA sedang dalam berbagai peringkat pembangunan. Berbagai kemudahan telahpun diadakan di bandar-bandar dan di pusat-pusat penempatan baru ini.

Sesungguhnya kejayaan yang telah dicapai itu telah merubah kawasan asal DARA dari hutan belantara bertukar menjadi ladang-ladang kelapa sawit dan getah, pusat-pusat penempatan dan bandar-bandar baru serta jalan-jalan yang dapat menghubungkan dari satu tempat ke satu tempat lain.

Pembangunan di DARA juga telah dapat mewujudkan sebanyak 24,646 peluang-peluang pekerjaan di sektor pertanian, perindustrian, perniagaan dan institusi-institusi awam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah utama yang dihadapi oleh DARA ialah kadar penghijrahan penduduk yang begitu rendah. Pada akhir tahun 1984 jumlah penduduk yang terdapat di bandar-bandar dan pusat-pusat penempatan baru DARA ialah seramai 71,835 orang iaitu 23% daripada matlamat 315,863 yang dirancang pada tahun 1990.

Prestasi pertumbuhan penduduk yang agak lembab inilah yang telah menyebabkan orang beranggapan bahawa pembangunan di DARA telah tidak mencapai matlamat yang dirancang.

Untuk mengatasi masalah ini DARA telahpun diarahkan supaya tidak lagi membina bandar-bandar dan pusat-pusat penempatan baru. Tumpuan hendaklah diberikan kepada bandar-bandar yang berpotensi untuk dibangunkan dengan lebih pesat lagi pada masa-masa hadapan seperti Bandar Muazam Shah, Tun Razak dan Cini.

Selain daripada itu, DARA juga telah diarahkan supaya membangunkan kampung-kampung tradisional dalam kawasannya mengikut dasar urbanisasi luar bandar yang telah diputuskan oleh Kerajaan.

Saya yakin dengan adanya perubahan strategi ini pencapaian DARA akan bertambah baik lagi pada masa-masa akan datang.

Mengenai dengan prestasi perbelanjaan pula, sehingga akhir tahun 1984 DARA telah membelanjakan sejumlah \$475.8 juta untuk projek-projek berikut:

(1) Pembinaan jalan	-	\$153.7 juta
(2) Bekalan air	-	\$41.4 juta
(3) Bekalan elektrik	-	\$21.4 juta
(4) Pembinaan bandar	-	\$224.7 juta
(5) Perumahan dan ruangniaga		\$34.6 juta
Jumlah		\$475.8 juta

Perbelanjaan yang besar di peringkat awal ini adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan, memandangkan bahawa kawasan DARA ketika ia diwujudkan ialah kawasan baru yang belum diterokai.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai pencapaian Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka pula, sukalah saya menyatakan di sini bahawa LKWJ (Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka) baru sahaja ditubuhkan, iaitu pada 1.8.1983 yang lalu, setelah Kerajaan Persekutuan bersetuju mengambilalih Perbadanan Kemajuan Jengka (PKJ) dari Kerajaan Negeri Pahang. Dengan pengambilalih ini Kerajaan Pusat telah dapat menyalurkan peruntukan pembangunan sebanyak \$20,730,000 kepada LKWJ untuk melaksanakan program-program pembangunan seperti pembangunan bandar, pembangunan kampung tradisional, perumahan, bekalan air dan bekalan elektrik.

Dato' K. Kumaran: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan pusat-pusat bandar baru yang diwujudkan di DARA dan JENGKA merupakan gerai-gerai yang nampaknya sebagai setinggan dan bukan bangunan-bangunan yang sempurna?

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Sedang diperbaiki, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengapa pemindahan orang ramai ataupun mereka yang ingin mengubah cara

hidup pergi ke DARA ini begitu lembab, apakah sebab-sebab besar yang boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan dalam Dewan ini?

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, seperti kita ketahui bahawa DARA merupakan Lembaga Kemajuan Wilayah yang ulung, yang pertama, yang diwujudkan satu ilham daripada Allahyarham Tun Abdul Razak dan ketika kita berharap untuk memindahkan pusat-pusat yang agak pesat penduduknya seperti di Kota Bahru, di Melaka, di Pulau Pinang dan sebagainya. Tetapi dalam Rancangan Malaysia Ketiga, mula penekanan terhadap pembangunan wilayah (regional development) dan banyak lagi Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang telah ditubuhkan dan pada hari ini ada 7 iaitu KEJORA, DARA, JENGKA, KESEDAR, KETENGAH, KEDA, PERDA dan sebagainya, masing-masing mempunyai program pembangunan bandarnya sendiri. Maka orang yang hendak dibawa itu tidak ada lagi, kecuali orang-orang di Pahang dan sebagainya yang ingin masuk dan ini ialah sebab utama dan sebab, yang kedua ialah banyak pembangunan-pembangunan ladang dan juga pembangunan FELDA menempatkan penduduk-penduduk di tempat ladangnya itu sendiri, maka pusat-pusat bandar-bandar ini agak kurang membangun. Walau bagaimanapun kita sedang mengkaji kemungkinan mencari economic support dalam bidang industri supaya bandar-bandar seperti Muadzam Shah, Bandar Tun Razak dan sebagainya dapat dibangunkan lebih pesat lagi.

AKTA PEMBAHAGIAN 1958 — PEMINDAHAN

8. **Puan Lim Sean Lean** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meminda Ordinan Pembahagian 1958 (The Distribution Ordinance 1958) demi memberi hak yang sama dalam soal pemilikan hartabenda sepertimana yang dinikmati oleh seorang suami kepada seorang isteri seandainya seorang suami meninggal dunia tanpa meninggal wasiat.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Peba-

hagian 1958. Walau bagaimanapun adalah diakui bahawa undang-undang ini sedang dikaji oleh pihak-pihak tertentu dan setakat ini kajian itu nampaknya masih belum selesai.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah terdapat kes-kes di mana apabila seorang suami meninggalkan satu wasiat (will), yang hanya menyebutkan tentang pembahagian harta si mati itu kepada seorang isterinya sahaja, manakala seorang atau lebih isterinya tidak disebutkan sama sekali dalam wasiatnya? Adakah Kerajaan bercadang meminda undang-undang yang ada sekarang untuk membolehkan bahawa semua isteri, si suami yang meninggal itu menerima pembahagian hartanya sama rata?

Datuk Dr. James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, kita akui yang undang-undang ini sedang dikaji oleh pihak-pihak tertentu dan sebenarnya yang saya dengar-dengar, tetapi belum lagi diselesaikan perbincangan-perbincangan itu, antara lain ialah untuk mencapai keadilan dalam perkara ini di masa akan datang.

EKONOMI MALAYSIA — KEDUDUKAN

9. **Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pandangan Menteri yang berkenaan tentang ekonomi negara bagi separuh akhir tahun ini serta bagi tahun-tahun yang berikutnya; dan penjelasan-penjelasan yang boleh diberi untuk meyakinkan rakyat yang ekonomi negara tetap teguh dan akan berkembang pesat.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr. Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, pada separuh akhir tahun 1985 ini negara-negara maju dijangka berkembang sebanyak 3.3% berbanding dengan 3% bagi separuh pertama tahun ini.

Pada tahun 1986, perkembangan ekonomi mereka dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 2.8% dan 3% pada tahun berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan prestasi ekonomi negara-negara maju adalah sederhana sahaja, ekonomi Malaysia pada berakhir

separuh tahun ini dianggap akan berkembang pada kadar 5.6%. Pada tahun 1986 dan berikutnya ekonomi Malaysia dijangka akan mencatat pertumbuhan yang memuaskan dengan mengambil kiraan perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara-negara maju.

Kerajaan telahpun memperkenalkan beberapa langkah yang baru untuk mengukuhkan ekonomi negara menerusi peningkatan produktiviti dan pelaburan sektor swasta. Langkah-langkah ini yang saya pun sebutkan pada hari semalam ialah termasuk pengurangan cukai pendapatan individu, pengurangan kadar faedah bagi pelaburan, penubuhan kumpulan-wang berjumlah \$1 billion untuk pinjaman kepada pelabur-pelabur, pelonggaran syarat-syarat ekuiti asing untuk industri atau projek yang berorientasikan eksport dan pengurangan kadar bayaran telefon antarabangsa.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan institusi-institusi kewangan dan industri-industri untuk meningkatkan pelaburan dan prestasi sektor swasta. Kerajaan juga melalui MIDA telah mempercepatkan proses meluluskan permohonan sektor swasta untuk melabur di negara ini.

Pada tahun 1984, jumlah permohonan yang diluluskan telah meningkat sebanyak 54% kepada 766 projek yang mempunyai modal yang dicadangkan sebanyak \$3.8 billion berbanding dengan 498 projek yang bermodal \$2.4 billion pada tahun 1983.

Bagi 6 bulan pertama tahun ini, 323 projek telah diluluskan dengan modal yang dicadangkan sebanyak \$2.7 billion iaitu 56.8% melebihi modal yang diluluskan pada tempoh yang sama tahun lalu.

Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi dengan menarik dan menggalak pelaburan-pelaburan baru telah mendapat sambutan yang positif dari pelabur-pelabur. Keadaan ini merupakan satu kepercayaan pelabur-pelabur terhadap keteguhan, kestabilan dan kekukuhan ekonomi Malaysia pada masa hadapan. Di samping menggalakkan pelabur-pelabur, Kerajaan juga

terus melaksanakan projek-projek pembangunan dan menggalakkan penubuhan industri-industri kecil yang dapat menyokong aktiviti-aktiviti industri besar dan berat. Tindakan-tindakan ini bukan sahaja akan mengadakan peluang pekerjaan tetapi juga telah menyumbang terhadap usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup dan membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki kedudukan ekonomi. Usaha-usaha ini telah menunjukkan kesan-kesan yang positif dan membina. Prospek ekonomi Malaysia adalah cerah dan ramalan-ramalan dan anggaran yang dinyatakan diterima baik, bukan sahaja oleh pelabur-pelabur swasta tetapi juga oleh institusi-institusi kewangan antarabangsa.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pertumbuhan ekonomi negara daripada kemelesetan yang baru lalu ialah sebanyak 5.6% sahaja dan sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan di Dewan ini negara kita sedang menghadapi defisit. Jadi, berapa banyakkah kadar pertumbuhan ekonomi negara yang diperlukan untuk mengatasi atau dijangka boleh mengatasi defisit negara ini. Adakah di antara 20 atau 30% lagi pertumbuhan ekonomi baru kita boleh dapat mengatasi defisit negara yang ada sekarang. Itu sahaja pertanyaan saya.

Dato Dr. Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah defisit bukan hanya mengikut angka atau peratusan pertumbuhan ekonomi sahaja tetapi juga Kerajaan memerlukan mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan jumlah hutang luar negeri dan juga dalam negeri dan juga menguatkan lagi imbalan pembayaran untuk negara dan ini tidaklah berkaitan dengan satu angka sahaja, tetapi mesti diambil keseluruhannya.

Toh Muda Dr. Abdullah Fadil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawasanya telah terdapat kesan-kesan yang baik daripada berbagai usaha

yang telah diperolehi oleh Kerajaan. Tetapi setahu kita usaha-usaha ataupun cadangan-cadangan - yang telahpun dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sahaja dibuat, boleh dikatakan tak sampai sebulan pun lagi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini lebih spesifik lagi apakah kesan-kesan positif yang telah dapat dilihat kita telah pelbagai perubahan dan perancangan dibuat bagi memperkuhkan ekonomi negara.

Dato Dr. Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua sedia maklum, kemelesetan ekonomi sedunia ini telah dirasakan pada tahun 1981 dan Kerajaan Malaysia pun telah mengambil langkah positif pada tahun 1982 di mana langkah-langkah untuk mengurangkan pinjaman luar negeri dan juga mengambil beberapa langkah pun telah dimulakan.

Sepertimana kita semua maklum juga, kemelesetan ekonomi sedunia ini pada hari ini ada lagi dan di Amerika Syarikat defisit untuk satu negara yang telah membangun dan begitu kuat dalam bidang ekonomi kian meningkat.

Untuk negara kita sendiri dengan kerjasama semua pihak dan juga mengurangkan khabar-khabar angin dan juga kegiatan-kegiatan lain yang tidak begitu sihat, saya ingat dengan langkah-langkah yang telah diambil sejak tahun 1982 ini kita akan mengatasi masalah ekonomi.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya merupakan kepada soalan asal, iaitu mengenai kemungkinan ekonomi pada tahun-tahun yang seterusnya dan tidak ada kaitan dengan soal-soal cerita ataupun khabar-khabar angin.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri jika sekiranya kita hendak menghadapi masalah ekonomi sekarang maka kita terpaksa membuat perubahan struktur berdasarkan kepada perubahan yang berlaku dalam ekonomi dunia. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh mana kita yakin dan seterusnya meletakkan harapan kita kepada pembangunan industri berat walhal kita tahu bahawa kita mempunyai

kos lepasan yang begitu tinggi berdasarkan kepada jumlah wang yang terpaksa disalurkan kepada sektor tersebut.

Selain daripada itu, kita tahu bahawa pasaran dunia mengenai industri tersebut adalah terhad dan juga kita tahu bahawa sektor industri kecil dan pertengahan masih lagi belum teguh berkembang dan membangun dan seterusnya kita tahu bahawa kita punya tenaga manusia ataupun 'human resource development' di negara ini masih lagi di peringkat awal untuk mengatakan bahawa kita mempunyai keupayaan untuk mengubah struktur ekonomi kita ke arah tersebut.

Jadi saya bertanya, Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana sepatutnya Kerajaan menghadapi cabaran sekarang untuk 20 tahun akan datang dengan meletakkan keyakinan dan harapan kepada sektor tersebut?

Dato Dr. Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Kerajaan ingin selalunya mengikut teori-teori economists, barangkali Kerajaan tidak mungkin memulakan apa-apa rancangan baru untuk memodenkan industri dan juga menguatkan lagi ekonomi negara kita. Walaupun ada pendapat-pendapat yang berlainan, Kerajaan ingat langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk menguatkan lagi sektor industri ekonomi negara kita bukan hanya bergantung sahaja dari sektor pertanian adalah tepat dan sesuai untuk rancangan-rancangan masa hadapan.

Berkenaan pada masa sekarang apabila kita menghadapi kemelesetan ekonomi perlukah kita menggunakan modal yang begitu banyak, pada pendapat saya, saya ingat di peringkat sekarang jikalau kita mulakan industri-industri yang sesuai untuk negara kita di mana 'raw material' dan juga lain-lain alat-alat atau 'machinery' yang begitu murah sekarang ialah masa yang sesuai.

Jikalau kita tunggu ke satu masa di mana ekonomi sedunia sudah pulih balik, saya ingat itulah masa yang kurang tepat dan barangkali kos untuk memulakan projek-projek heavy industry akan bertambah lebih dari apa yang kita telah laburkan dari peringkat sekarang.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Berapa banyak deficit yang ada sekarang, bolehkah memberikan satu angka?

Dato Dr. Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tahun 1984 kedudukan imbangan pembayaran pada tahun itu ialah seperti berikut:

Akaun Dagangan	\$6,913juta
Akaun Perkhidmatan (minus)	\$10,543 juta
Akaun Semasa (minus)	\$3,743 juta
Imbangan keseluruhannya	\$312 juta

Untuk angka tahun 1985, saya perlukan notis.

KEMALANGANJALANRAYA

10. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kemalangan jalanraya di akhir-akhir ini merupakan pembunuhan nombor satu di negara ini; jika sedar, nyatakan tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan bagi mengurangkan kemalangan-kemalangan tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa jumlah kemalangan jalanraya telah meningkat di akhir-akhir ini tetapi ianya bukan merupakan pembunuhan nombor satu di negara ini. Mengikut rekod Kementerian Kesihatan, kematian akibat kemalangan jalanraya merupakan kategori nombor tiga kematian-kematian yang berlaku di hospital-hospital di negara ini.

Tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan bagi mengurangkan kemalangan tersebut adalah berpandu kepada punca-punca utama yang menyebabkan kemalangan berlaku. Punca-punca kemalangan untuk tahun 1984 serta bilangan dan peratusannya adalah seperti berikut:

(i) Kesalahan pemandu	68,875	(93.44%)
(ii) Kesalahan pejalan kaki	2,334	(3.16%)
(iii) Keadaan jalan	971	
(iv) Kesalahan haiwan	776	
(v) Keadaan jentera kereta	304	
(vi) Keadaan cahaya	269	

Memandangkan bahawa sebilangan besar daripada kemalangan jalanraya yang berlaku adalah akibat daripada kesalahan-kesalahan pemandu, iaitu memandu tanpa bertimbang rasa, memandu dengan merbahaya, memandu dengan keadaan mabuk hasil dari minuman keras dan kesalahan-kesalahan lain, maka Kementerian saya dan Jabatan Pengangkutan Jalan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan telah dan akan terus mengambil tindakan bagi memupuk semangat kesedaran keselamatan jalanraya di golongan pemandu-pemandu kenderaan moto seperti berikut.

- (i) Mengadakan ceramah-ceramah kepada organisasi-organisasi yang mempunyai ramai golongan pemandu;
- (ii) Mengeluarkan filem-filem keselamatan jalanraya untuk ditayangkan di televisyen dan pawagam;
- (iii) Mengeluar dan mengedarkan bahan-bahan keselamatan jalanraya seperti pelekat-pelekat kereta dan poster-poster untuk kegunaan pamiran-pamiran yang diaturkan oleh pihak Kerajaan Negeri masing-masing.
- (iv) Mengadakan forum dan ceramah menerusi televisyen dan radio;
- (v) Menguatkuasakan undang-undang lalulintas yang lebih ketat oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Di Raja Malaysia terutama kesalahan-kesalahan menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau dengan bahaya, memandu dengan lalai dan tidak bertimbang rasa dan memandu semasa di bawah pengaruh arak atau dadah dan memandu semasa keadaan mental atau fizikal tidak layak untuk memandu;
- (vi) Melalui Sistem Keselamatan Jalanraya atau KEJARA yang diperkenalkan pada 1hb April, 1984, mengadakan dialog dengan persatuan-persatuan tertentu seperti Persatuan Pengajar Sekolah Memandu tentang keperluan sentiasa menjaga mutu tinggi pengajaran mereka dan menambah mata-mata pelajaran yang perlu;

(vii) Jabatan Pengangkutan Jalan juga sedang merancang untuk mengadakan latihan-latihan kepada pengajar-pengajar pemandu dengan tujuan bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran mereka supaya dapat melahirkan pemandu-pemandu yang lebih cekap dan bertimbang rasa.

Saya ingin menekankan di sini bahawa agensi-agensi Kerajaan berkenaan boleh mengambil semua langkah-langkah dan usaha yang tersebut tadi dan lebih-lebih lagi untuk mendisiplinkan pemandu-pemandu kenderaan motor supaya mengurangkan kemalangan jalanraya berlaku tetapi kekesanan semua usaha dan langkah-langkah ini adalah terpulang kepada pemandu-pemandu sendiri sama ada mereka bersedia bekerjasama dan menerima langkah-langkah tersebut seterusnya mengubahsuai sikap perangai, kelakuan dan sikap mereka supaya janglah bermaharajalela di atas jalanraya.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila seseorang belajar memandu kereta maka terdapat seorang tutor (pengajar) memandu di sampingnya. Tetapi apabila seseorang membawa motosikal dengan plet L maka dia tidak ada pengajar di sampingnya untuk mengajar atau memandu dia. Ini kalau bawa wanita susah sedikitlah. Sungguhpun begitu ini menjadikan timbul banyak kemalangan yang melibatkan pembawa motosikal. Memandangkan ini, bolehkah Kementerian menimbang mengeluarkan lesen plet L selepas seseorang penunggang motosikal itu benar-benar faham akan Undang-undang Lalulintas dan cara-cara memandunya sebelum dia membawa motosikal ke jalan raya.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang itu ingin mengambil lesen L untuk motosikal, dia perlu mendaftarkan dirinya di sekolah memandu. Di sekolah memandu kita mempunyai jurulatih-jurulatih yang mesti mempunyai pengalaman dalam bidang membawa kenderaan ataupun motosikal sekurang-kurangnya 5 tahun yang mempunyai rekod yang baik. Apakala dia dalam proses melatih dirinya untuk memandu dan mempunyai lesen L, dia perlu mempunyai satu latihan yang cukup. Sebab itulah saya

sebutkan dalam penjelasan saya tadi bahawa sekolah-sekolah memandu ini perlu kita awasi sentiasa dan kita ada satu-usaha sekarang ini supaya jurulatih-jurulatih ini diberi satu kursus yang khusus untuk sesuatu bidang itu. Walau bagaimanapun, apakala mereka ini mengambil ujian yang akhir di jalanraya, semuanya berlaku dengan baik, semuanya mengikut tatatertib dan syarat-syarat yang kita kenakan waktu dia hendak mengambil peperiksaan ataupun lesen L ataupun lesen penuhtadi. Selepas daripada itu tuan-tuan dan puan-puan pun ada jawapannya.

Berkenaan dengan susah kata Yang Berhormat tadi kepada wanita, sebenarnya kita dapati jurulatih-jurulatih wanita itu lebih banyak melatih dengan cara yang lebih baik lagi.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pengangkutan bercadang untuk memastikan alat-alat dalam lori dan bas-bas yang bukah sahaja mensyaratkan lampu merah tetapi menghadkan laju kenderaan itu ke satu tahap kerana kebanyakan kemalangan jalan raya adalah disebabkan speeding kenderaan berat?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu sebenarnya oleh kerana kita telah sedar perkara inilah maka sekarang ini kita ada satu alat mengesan kelajuan itu yang baru kita lancarkan pada 1hb. Julai ini.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebab-sebab berlaku kemalangan ialah disebabkan oleh kesalahan pemandu. Adakah munasabah kalau saya katakan bahawa hukuman kepada pemandu apabila sabit kesalahannya itu terlampau ringan, sebab itulah mereka tidak menghiraukan sangat sekiranya berlaku juga kemalangan? Kalau kita bandingkan dengan negara jiran kita di Thailand, sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pemandu, hukumannya terlampau berat dan sebab itulah kemalangan tidak berlaku sangat di negara jiran kita itu iaitu di Thailand. Adakah kerana hukuman kepada pemandu itu terlalu ringan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat, salah satu daripada perkaranya dan dengan sebab itulah Majlis Keselamatan Jalan Raya yang bermesyuarat empat bulan dahulu mengemukakan satu cadangan untuk mengkaji semula undang-undang ataupun hukuman-hukuman yang dikenakan kepada pemandu-pemandu yang begitu cuai dan sebagainya dan perkara ini sedang kita kaji pada keseluruhannya.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah hasil daripada sistem KEJARA yang telah dilancarkan semenjak tahun 1984 mendatangkan kepuasan kepada pihak JPJ atau perlu dikaji semula?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setengah-setengah sekolah memandu apabila ada pelajar-pelajar baru yang ingin mahu cepat lulus ujian dikenakan bayaran-bayaran tertentu misalnya kalau bayaran \$280, jamin tiga kali keluar ke bandar akan lulus?

Yang ketiga, mengenai alat kesan laju, adakah dikenakan juga kepada bas-bas ekspres yang apabila melarikan basnya seperti daripada Kuala Lumpur/Banting sejauh 60 kilometer dia boleh sampai dalam 55 minit?

Sebab-sebab kemalangan satu daripadanya kerana kesalahan itu oleh keadaan jalan, adakah benar apa yang dilaporkan oleh surat-surat khabar baru-baru ini bahawa di antara terowong di Karak itu ada satu sindiket mencurahkan minyak atau satu jenis benda yang boleh menyebabkan jalan licin dan boleh menimbulkan kemalangan sehingga menyebabkan kematian.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tadi berkenaan dengan sistem KEJARA, adakah berhasil atau tidak. Jawapan kepada soalan ini telah saya buat beberapa kali di dalam Dewan ini. Setelah kita lancarkan pada bulan April 1984 sehingga sekarang ini agak sukar bagi kita untuk mengatakan bahawa ianya berkesan atau tidak. Tetapi pada setakat ini kita telah

mengambil tindakan kepada 53 orang pemandu-pemandu yang telah mencapai mata maksima 20: Dan mereka ini kita minta supaya memberi surat kepada kita kenapa lesen mereka tidak boleh kita batalkan, sehingga setakat ini saya tidak ada maklumat yang akhir sama ada ke 53nya sudah pun berjawab kerana ianya baru sahaja berakhir bulan ini.

Soalan yang kedua, berhubung dengan bayaran yang disebutkan kepada setengah-setengah sekolah memandu, kita mempunyai satu sistem sekarang ini iaitu semua sekolah memandu disyaratkan mesti ada buku catatan di mana pelajar-pelajar mesti mengikut jumlah hari dan jumlah masa yang ditentukan untuk mereka yang hendak mengambil lesen itu. Berasaskan kepada buku itulah di peringkat yang akhir baru kita berikan satu tarikh untuk dia mengambil ujian terakhir.

Soalan yang ketiga berkenaan dengan alat kesan laju tadi untuk bas-bas, memang walaupun kita cadangkan kenderaan yang berat yang lebih daripada 4,500 kilogram diwajibkan meletak alat ini.

Soalan yang keempat berhubung dengan sindiket itu, perkara ini belum sampai laporannya kepada pengetahuan saya.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN PULAU PINANG - MEMINDAHKAN

11. **Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk memindahkan pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Pulau Pinang yang sekarang terletak di kawasan kesesakan lalulintas ke satu kawasan yang lebih sesuai.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedang mengkaji rancangan untuk memindahkan pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Pulau Pinang yang sekarang ini terletak di Jalan Batu Uban, ke suatu kawasan yang lebih sesuai di Butterworth. Apabila rancangan ini dilaksanakan kelak, pejabat Jabatan Pengangkutan

Jalan, Negeri Pulau Pinang di Jalan Batu Uban akan diturunkan tarafnya supaya menjadi sebuah-pejabat cawangan sahaja. Dengan yang demikian aktiviti-aktiviti di pejabat cawangan itu akan berkurangan dan kesesakan juga turut dapat dikurangkan.

MAKTAB PERGURUAN BAGI GURU-GURU TAMIL

12. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa 90 orang pelatih sahaja dari keturunan India yang diambil ke Maktab Perguruan, apabila lebih kurang 200 guru Sekolah Tamil bersara tiap-tiap tahun dan nyatakan juga sama ada beliau sedar bahawa perbuatan demikian mengakibatkan kekurangan guru terlatih di Sekolah-sekolah Tamil dan apa pula langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan calon-calon untuk mengikuti kursus di Maktab-maktab Perguruan, termasuk Kursus Pendidikan Sekolah Rendah (pengajian Tamil) adalah berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Oleh kerana itu hanya calon-calon yang memenuhi syarat-syarat yang diperlukan sahaja telah terpilih.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ialah dengan menambah pengambilan guru-guru pelatih bagi Kursus Pendidikan Sekolah Rendah (Tamil) pada setiap tahun di samping mengadakan Kursus dalam masa cuti bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang mempunyai kelayakan yang telah ditetapkan. Kekosongan di SRJK. (T) diisi dengan guru-guru sandaran tanpa latihan yang didapati sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bilangan guru SRJK (T) yang bersara tinggi bilangannya berbanding dengan pengambilan guru-guru baru untuk sekolah tersebut. Bagi tahun 1985 seramai 25 orang guru dijangka bersara tetapi bilangan guru pelatih yang diambil ialah seramai 110 orang.

PENANAMAN POKOK KETIAU

13. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerannya bercadang hendak menggalakkan penanam pokok buah ketiau bagi tujuan memproses minyak seperti yang disarankan oleh Kerajaan Negeri Perak.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan); Tuan Yang di-Pertua, penanaman ketiau di negara ini masih lagi terhad dan hanya didapati di kawasan Parit, di Negeri Perak. Kaedah penanamannya dan kualiti minyak belum diketahui. Di peringkat ini, penyelidikan awal sedang dijalankan oleh MARDI untuk mendapat maklumat yang lebih mengenai tanaman ini.

JAWATAN TINGGI KEPADA PEGAWAI WANITA

14. Puan Sri Datin Janaki Athi Nahappan minta Perdana Menteri menyatakan rancangan untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai wanita berpangkat tinggi untuk dilantik ke dalam jawatan-jawatan yang lebih tinggi seperti Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Dewan ini pada 23hb April, 1985, faktor jantina seseorang pegawai itu tidak diambil kira dalam lantikan ke jawatan-jawatan tinggi seperti jawatan Ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan sebagaimana halnya dengan kenaikan pangkat. Semua pegawai yang layak adalah dipertimbangkan berdasarkan kepada kebolehan yang diukur berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Kecekapan yang ditunjukkan ketika menjalankan tugas-tugasnya;
- (b) Sifat-sifat peribadi;
- (c) Kelulusan;
- (d) Kesesuaian dengan jawatan yang hendak diisi.

Disebabkan dasar yang sedang diamalkan sekarang adalah wajar dan adil kepada semua

pegawai awam, maka Kerajaan tidaklah mempunyai rancangan untuk mengambil langkah-langkah tertentu secara berasingan bagi menentukan lebih ramai kaum wanita dinaikkan pangkat ke jawatan-jawatan tertinggi.

KBSR — KAJIAN KEJAYAAN PELAKSANAAN

15. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian Beliau telah membuat kajian terhadap sistem KBSR yang telah dilaksanakan selama tiga tahun dan apakah kesannya.

Dato Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sentiasa menjalankan kajian ke atas sistem KBSR. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada bulan Oktober 1984, didapati pencapaian murid-murid tahun ketiga KBSR adalah lebih tinggi dalam semua aspek kemahiran asas - membaca, menulis dan mengira.

Daripada penilaian-penilaian yang dibuat oleh guru-guru yang mengajar KBSR dalam bilik darjah adalah didapati pada amnya murid-murid ini lebih aktif dan riang dalam pembelajaran mereka.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah ramai murid-murid sebenarnya yang dinisbahkan bagi satu-satu kelas. Apa yang saya tahu berlaku sekarang ini dalam satu-satu darjah itu terlampau sesak dengan murid-murid dan guru-guru tidak dapat menjalankan kaedah KBSR dengan begitu lancar kerana ramai sangat murid. Bagaimanakah cara hendak mengatasinya, adakah disebabkan oleh kekurangan guru atau sebagainya dan bagaimana untuk mengatasinya?

Dato Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar iaitu di beberapa sekolah pada masa ini murid-murid di dalam sesuatu kelas adalah sesak sekali tetapi ini adalah oleh kerana pada setakat ini kita tidak mencukupi guru-guru sesuai dengan nisbah guru dan kelas yang telah ditetapkan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam masa kita menjalankan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR), nisbah guru-guru dengan kelas adalah 1:2 iaitu 1:2 guru bagi sesuatu kelas, tetapi untuk KBSR telah ditetapkan iaitu kita hendaklah meningkatkan nisbah itu kepada 1:5 dan langkah-langkah sedang diambil untuk melatih lebih guru-guru untuk memenuhi keperluan yang kita menghadapi sekarang.

Dato K. Kumaran: Soalan tambahan. Adakah benar atau tidak Kementerian Pelajaran belum mengambil tindakan untuk melatih guru-guru K.BSR untuk mengajar bahasa ibunda di kelas-kelas POL di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dalam Darjah III mulai tahun ini?

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA

16. Tuan Haji Suaib bin Lazim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan bilangan pelancong-pelancong dari luar negeri yang datang melancong ke negara kita ini dan nyatakan tindakan yang akan diambil supaya lebih ramai lagi pelancong-pelancong datang ke negara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelancong yang melawat Malaysia telah bertambah dari tahun ke setahun. Dalam tahun 1983 seramai 2,750,397 orang pelancong asing telah melawat Malaysia dan adalah dianggarkan seramai 2,873,711 lagi telah membuat lawatan dalam tahun 1984. Ini menunjukkan kenaikan sebanyak 4.5%. Sungguhpun bilangan ini telah bertambah, Kerajaan berhasrat meningkatkan dengan lebih banyak lagi pelancong melancong ke Malaysia.

Dalam hasrat Kerajaan untuk menambahkan bilangan kedatangan pelancong ke Malaysia, Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan

Pelancongan Malaysia (TDC) giat menjalankan beberapa usaha tertentu termasuk:

- (1) meningkatkan tahap kesedaran mengenai Malaysia sebagai destinasi pelancongan di pasaran-pasaran yang telah dikenal-pastikan melalui kempen pengiklanan di media pengguna dan perdagangan di pasaran-pasaran tersebut dan juga melalui aktiviti-aktiviti perhubungan awam, memperhebatkan kempen penggalakkan di pasaran-pasaran tertentu melalui penyertaan penggalakah pelancongan antara-bangsa;
- (2) pusat makanan dan kebudayaan;
- (3) penganjuran misi jualan ke pasaran-pasaran tertentu dan sebagainya;
- (4) mengekalkan perhubungan irat dan memberi galakan serta membantu pengusaha-pengusaha pelancongan luar negeri yang mengendalikan lawatan ke Malaysia dalam memperbaiki, meningkatkan mutu dan memperluaskan program lawatan ke Malaysia;
- (5) menambahkan penerbitan bahan penggalakan seperti risalah-risalah pelancongan dalam beberapa bahasa asing serta memperluaskan penyebaran mereka.
- (6) sebagai satu lagi usaha memperkenalkan Malaysia, negara kita akan menjadi tuanrumah kepada Persidangan PATA dan Pacific Travel Mart pada bulan April, 1986 yang akan dihadiri oleh seramai 2,500 wakil-wakil terkemuka dalam industri pelancongan dari merata rantau Asia Pasifik. Pada jangka masa tersebut, Kuala Lumpur akan menjadi tumpuan media-massa dari seluruh dunia dan Malaysia akan mengambil peluang keemasan untuk menarik minat dunia antarabangsa terhadap Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang istimewa.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kandungan jawapan Yang Berhormat Mulia Menteri tadi mengatakan bahawa lebih ramai pelancong datang ke negara kita, maka lebih

eloklah untuk negara kita sama ada dari segi ekonomi ataupun mungkin kemasyarakatan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri adakah pihak Kerajaan sedar bahawa lebih ramai pelancong tidak semestinya lebih elok untuk negara kita kerana kita tahu bahawa tukaran wang asing yang mungkin kita dapati tidaklah sebanyak mana apabila kita melihat siapa yang memiliki hotel, siapa yang menguruskan hotel dan kos yang ditanggung dari segi pencemaran alam sekitar ataupun pencemaran budaya (culture) negara ini.

Banyak bukti telah dapat kita tunjukkan di negara-negara Mediteranean dan Bali misalnya. Jadi saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita berusaha untuk meramaikan pelancong, adakah kita telah menilai semula sama ada faedahnya ataupun kosnya industri pelanconaan ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu kalau kita hendak menarik pelancong, kita mesti berani menghadapi masalah-masalah yang dibentangkan sekejap tadi dan memang Kerajaan sedar akan masalah yang akan dihadapi.

Walau bagaimanapun, kita berharap dengan kesedaran menerusi penyebaran maklumat dan penerangan yang diberi di seberang laut dan juga kepada mereka yang sempat melawat ke negara kita supaya kaedah-kaedah sebagaimana yang dibayangkan itu tidak akan berlaku dan kita berharap dengan kerjasama, bukan sahaja daripada pelawat-pelawat tetapi juga mereka yang menguruskan lawatan mereka itu, maka gejala-gejala buruk seperti yang dibayangkan tadi tidak akan berlaku dengan begitu hebat.

Kita percaya dengan kedatangan pelancong-pelancong yang ramai maka sudah tentu ia akan membawa banyak faedah kepada negara kita, terutama sekali dari segi penambahan pelaburan dan dengan itu dapat pula menjimatkan tukaran wang asing yang mengalir ke luar dan sudah tentu akan menambah banyak bilangan ataupun peluang pekerjaan bagi muda mudi kita dan sudah tentu banyak lagi

usaha-usaha sampingan yang boleh diwujudkan dengan penubuhan perusahaan pelancongan ini. Misalnya, dalam tahun 1980 sebagaimana saya sebutkan tadi dengan kunjungan seramai lebih kurang 2,250,000 orang kita mendapat \$317 juta dari segi tukaran asing.

Dalam tahun 1983, seramai 2,927,147 orang telah melawat Malaysia dari luar negeri. Dan kita telah memperolehi hampir dua kali ganda daripada apa yang didapati oleh negara kita dalam tahun 1980 berjumlah \$1,329 juta. Dan kalaulah unjuran yang dibuat oleh kita terhadap kedatangan pelancungan luar negeri ke Malaysia ini menepati ramalan kita maka dalam tahun 1990 jumlah pelancung diharap akan datang seramai 4.3 juta orang, mendatangkan faedah dari segi tukaran wang asing berjumlah \$3,200 juta lebih. Jadi, kalaulah ini dan lain-lain lagi faedah yang terdapat dan diperolehi dari negara dari usaha galakan pelancungan yang dilakukan oleh kita bersama maka sudah tentu negara kita akan mendapat banyak faedah daripada usaha ini.

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, apakah sebenarnya strategi Kerajaan tentang bidang pelancungan di negara Malaysia ini. Adakah kita ingin melihat Malaysia menjadi negara yang pertama dalam bidang perindustrian pelancungan ini di dalam negara ASEAN. Adakah pihak Kerajaan berpuashati dengan keadaan yang sedia ada di mana negara Malaysia hanya mengikuti sahaja di belakang negara-negara yang lain seperti Indonesia, Thailand, Filipina ataupun Singapura sendiri. Apakah sebenarnya strategi Kerajaan tentang dasar pelancungan negara?

Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dalam usaha-usaha kita hendak menarik pelancung ke negara kita dan dalam usaha hendak memajukan perusahaan pelancungan dalam negara ini. Sememangnya kita hendak meningkat dengan seberapa yang boleh, seberapa ramai pelawat datang ke Malaysia. Kalaulah dengan usaha-usaha yang kita jalankan itu mengikut strategi yang diatur oleh Kerajaan maka kita akan menjadi destinasi pelancung yang terkemuka dirantau ini maka terhasillah strategi yang diadakan oleh kita. Walau bagaimanapun kita

memang memahami dan menyedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang kecil dan barangkali tidak berupaya hendak menampung seberapa ramai pelancung untuk datang kemari. Ada hadnya dan ada had juga terhadap keupayaan kita melayan pelawat-pelawat ini. Tetapi dengan keadaan yang dihadapi oleh negara pada masa ini dari segi imbalan pembayaran misalnya maka kalaulah dapat digalakkan dengan banyak pelancung datang ke Malaysia, sudah tentu kita akan memperolehi tukaran wang asing dengan lebih banyak seperti yang saya bayangkan tadi.

Yang kedua pula kalau boleh kita menggalakkan rakyat kita hanya berkunjung semasa tutup sekolah ataupun semasa cuti ke tempat-tempat yang terdapat dalam negara tetapi tidak ke luar negeri maka ini juga akan menghasilkan penjimatan dari segi tukaran wang asing dan sudah tentu akan menyumbang terhadap penyelesaian masalah yang di hadapi oleh negara terhadap imbalan pembayaran negara yang kurang pada masa ini. Jadi, usaha-usaha ini sudah tentu akan meningkatkan keupayaan kemampuan negara supaya menjadi destinasi pelancungan yang utama di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga No. 49 adalah diberi di bawah ini.)

IMPORT LEMBU DAGING/SUSU

17. **Tuan Mohd Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah import lembu daging (mengikut negeri-negeri) dari luar negeri, bagi tahun 1983 dan 1984.
- (b) jumlah lembu daging dan lembu susu yang dternakan dan luas kawasannya diseluruh negara; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil bagi menggalakkan petani-petani menternak lembu dalam usaha Kerajaan mengurangkan import daging.

Tuan Luhut Wan:

- (a) Import lembu daging bagi tahun 1983 dan 1984 adalah

	1983 (ekor)	1984 (ekor)
Negeri Thai	4,420	3,300
Australia	3,187	5,861
	7,607	9,161

- (b) Jumlah lembu yang diternak adalah 425,000 ekor jenis pedaging dan 93,000 ekor jenis tenusu. Luas kawasan yang sudah dimajukan khusus untuk penternak di seluruh negara adalah hanya 22,061 hektar sahaja, iaitu kurang daripada 0.6% daripada tanah pertanian.
- (c) Penternakan lembu di dalam unit ber-ekonomik dan bercorak komersial sedang digalakkan bagi menarik lagi minat petani-petani. Penggemukan lembu secara sistem feedlot dengan menggunakan hampas Isirong Palma dan sisa-sisa pertanian sebagai makanan asas digalakkan untuk meningkatkan kadar pengeluaran daging.

MEMELIHARA ALAM SEKITAR

18. **Tuan Abdul Ghani Othman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa alam sekitar adalah anugerah Tuhan yang tidak terhingga nilainya kepada manusia dan harus dipelihara untuk dinikmati oleh kita bersama dan generasi akan datang jika sedar mengapakah Kerajaan hanya bertindak apabila sesuatu masalah kritikal tercetus dan apakah dasar dan rancangan menyeluruh dan jangkamasa panjang Kerajaan untuk memelihara alam sekitar supaya generasi yang mewarisinya tidak akan kutuk kita sebagai generasi yang tidak bertanggungjawab.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze Saya juga sedar bahawa alam sekitar adalah anugerah Tuhan yang tidak terhingga nilainya kepada kita dan generasi kita akan datang. Dengan

kesedaran ini, Kerajaan tidak hanya bertindak apabila sesuatu krisis berlaku, tetapi Kerajaan telahpun mengwujudkan dasar-dasar dan rancangan yang menyeluruh untuk memelihara alam sekitar di negara ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, undang-undang yang meliputi hal-hal alam sekitar, iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, telah diperkenalkan sejak 10 tahun dahulu dan berbagai peraturan telah dikuatkuasakan kemudian, manakala sebelum itu banyak aktiviti pembangunan telahpun dijalankan termasuk penubuhan kilang seperti kilang getah, minyak kelapa sawit dan lain-lain industri perkilangan yang telah membawakan pencemaran alam sekitar. Dengan keadaan yang wujud pada ketika itu, Jabatan Alam Sekitar terpaksa bertindak untuk membersihkan alam sekitar dengan menguatkuasakan peraturan-peraturan alam sekeliling.

Sementara itu, lebih banyak tanah telah diluluskan untuk pembangunan dan juga penubuhan kilang-kilang diluluskan oleh berbagai pihak berkuasa seperti pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri tanpa rujukan kepada Kementerian saya. Hanya dalam 3 tahun kebelakangan, barulah pihak-pihak berkuasa yang berkenaan telah mengambil langkah-langkah positif untuk menerima garis-garis panduan Jabatan Alam Sekitar dan merujuk kepada Jabatan itu tentang soal-soal kawalan pencemaran dari pencadang projek.

Kementerian saya telah menggunakan strategi-strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang untuk mengendalikan masalah pencemaran di dalam negara ini.

Strategi jangka masa pendek meliputi kawalan pelepasan effluen cecair dan pencemar udara dari kilang-kilang yang sedia wujud dan baru.

Strategi jangka masa sederhana meliputi garis panduan alam sekitar untuk agensi-agensi perancangan dan pembangunan bagi membantu mereka untuk mengambilkira langkah-langkah perlindungan alam sekitar di dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek mereka.

Strategi jangka masa panjang ialah untuk menentukan bahawa kualiti alam sekeliling termasuk kualiti alam sekeliling fizikal dan kualiti hidup rakyat yang dijejaskan oleh projek pembangunan diambil kira di dalam pembangunan. Ini bermakna satu strategi yang meliputi suatu pendekatan yang bersepadu (integrated) dengan merangkumi perancangan awal di dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan alam sekeliling. Tambahan lagi, strategi ini bertujuan mengadakan dimensi alam sekeliling di dalam perancangan pembangunan.

Walau apapun, strategi yang disebutkan itu hanya akan berjaya dengan kerjasama penuh dari pihak-pihak berkuasa tempatan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan pencadang-pencadang projek.

Berkenaan aspek pemeliharaan, Kerajaan Pusat berkerjasama rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan beberapa taman negara, hutan simpanan, kawasan pemuliharaan flora dan fauna telah diwujudkan baik di darat maupun di laut.

Satu Pelan Induk bagi Pemeliharaan Alam Semulajadi telahpun disediakan oleh Kementerian saya. Cadangan-cadangan untuk mengadakan taman-taman negara, rezab dan sanctuari hidupan liar telahpun dikemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, memandangkan soal tanah ialah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Cadangan untuk mengekalkan kawasan hutan di kawasan-kawasan tadahan air juga dibentangkan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri.

Bagi kawasan yang telah dimajukan, cadangan juga dibuat untuk meminta pihak-pihak yang berkenaan untuk mengindahkan kawasan yang dibuka untuk pembangunan supaya kawasan itu dapat dipulih dan alam semulajadi kawasan itu akan menjadi lebih sempurna.

Yang penting sekali untuk diingati ialah usaha-usaha Kerajaan akan menjadi sia-sia belaka melainkan rakyat menyedari kepentingan perlindungan alam sekitar dan bertindak ke arah tersebut.

KERETA JENAZAH - PENGGUNAAN

19. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kereta-kereta Jenazah yang disediakan di Hospital-hospital itu boleh dimunafaatkan bagi kegunaan:

- (i) penduduk kawasan bandar yang sukar mendapat kereta-kereta jenazah untuk urusan membawa jenazah dari rumah kediaman ke tanah perkuburan; dan
- (ii) menampung kekurangan kereta Jenazah yang disediakan oleh Jabatan Agama Negeri atau Badan-badan Kebajikan Islam.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Dasar bagi kegunaan kereta-kereta jenazah yang disediakan di hospital-hospital adalah bagi maksud berikut:

- (i) Menghantar jenazah dari hospital rujukan ke hospital asal jika pesakit itu dirujuk dari hospital asal itu untuk rawatan.
- (ii) Kereta jenazah dapat digunakan untuk menghantar jenazah dari hospital ke rumah kediaman simati di atas permintaan keluarga simati, dengan syarat kereta jenazah tersebut ada dan tidak digunakan pada masa itu oleh pihak Hospital.

Memandangkan kepada beban kerja pada ketika ini, Kementerian Kesihatan tidak dapat membantu membawa jenazah dari rumah kediaman ke tanah perkuburan atau membantu Jabatan Agama Negeri atau lain-lain Badan Kebajikan.

KAPAL DI PELABUHAN KUANTAN

20. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan semenjak pelabuhan Kuantan beroperasi, berapa banyak kapal yang telah menggunakan pelabuhan tersebut, dan sama ada mendapat sambutan yang memuaskan dari kapal-kapal untuk menggunakan pelabuhan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Semenjak Pelabuhan Kuantan beroperasi sepenuhnya pada Januari 1984, sebanyak 652 buah kapal telah menggunakan pelabuhan ini. Pelabuhan Kuantan seperti dengan pelabuhan-pelabuhan baru yang lain pada mulanya akan menghadapi masalah dari segi mendapat sambutan yang baik dari kapal-kapal. Walau bagaimanapun Pelabuhan Kuantan sedang dan akan sentiasa berusaha meningkatkan lagi perkhidmatan bagi menarik lebih banyak kapal dan kargo ke pelabuhan itu.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE EROPAH

21. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri kelima negara Eropah baru-baru ini dan sama ada Perdana Menteri telah mengundang rakan-rakan sejawatnya di negara-negara tersebut untuk melawat Malaysia pada masa akan datang dan jika ada, bila.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Dengan hormatnya saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telahpun diberi semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Luar menjawab soalan dari yang Berhormat Senator Hassan bin Nam pada 29hb. Julai 1985. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan tersebut.

RUMAH KEBAJIKAN ORANG-ORANG TUA

22. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada beliau akan mengkaji kemudahan aktiviti-aktiviti di rumah kebajikan orang-orang tua dikaji semula dan diperbaiki supaya penghuni-penghuni tidak berasa bosan dan dapat mengeluarkan hasil seumpamanya barang-barang pertukangan dan sebagainya.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Abu Hassan bin Haji Omar):

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya memang ada rancangan untuk mengkaji dari

masa ke semasa segala kemudahan dan aktiviti yang diadakan di Rumah Orang-orang Tua yang diselenggarakan oleh Kementerian saya.

2. Dasar Kementerian saya terhadap Rumah Orang Tua tersebut bertujuan bukan sahaja bagi memberi jagaan dan perlindungan kepada orang-orang tua yang berkeperluan tetapi juga untuk menentukan kesejahteraan hidup mereka dalam suasana aman dan tenteram. Untuk melaksanakan dasar ini, beberapa aktiviti telahpun disediakan seperti berikut:

2.1 Nasihat dan Bimbingan - Kaki-tangan Rumah Orang Tua seperti Penguasa dan Pembantu Rumah sentiasa mengadakan temuramah secara individu untuk membantu orang tua mengatasi masalah emosi, masalah peribadi, penyesuaian dan sebagainya.

2.2 **Carapuluh Kerja atau 'Occupational and Diversional Therapy'** - Aktiviti ini bertujuan memupuk perasaan bahawa mereka masih produktif dan dihargai. Dengan cara ini diharap maruah peribadi dapat dikekalkan. Semua penghuni yang berdaya digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti seperti membuat barangan daripada buluh dan rotan, berkebun, menternak ayam, kambing dan burung, membuat sampul surat, membuat kerja kontrak ringan yang ditawarkan oleh firma dan lain-lain. Aktiviti seperti ini bukan sahaja memberi faedah kewangan mereka tetapi juga mengelakkan mereka dari merasa bosan dan kesepian.

2.3 **Kemudahan Peribadi** - Untuk memenuhi keperluan rohaniah dan juga mententeramkan fikiran, orang tua digalakkan mengamalkan ibadat menurut agama masing-masing. Surau disediakan untuk orang tua yang beragama Islam. Guru agama datang mengajar

serta membincangkan masalah agama. Orang tua yang beragama lain diberi peluang serta galakan untuk beribadat dan diberi pengajaran agama mengikut cara masing-masing.

- 2.4 **Riadah** - Kemudahan untuk riadah seperti permainan dalam, televisyen, radio, suratkhabar dan lain-lain adalah disediakan. Perbekalan ke tempat-tempat yang indahjuga dianjurkan. Orang tua digalakkan mengambil bahagian dalam berbagai jenis riadah yang disediakan bagi mengisi masa lapang serta mengekalkan dari merasa bosan.
3. Selain daripada aktiviti-aktiviti tersebut, saya juga berpendapat bahawa penglibatan dan sumbangan keluarga, komuniti dan badan-badan kebajikan sukarela adalah juga penting demi keperluan emosi dan sosial orang-orang tua. Oleh itu, Kementerian saya sedang berusaha untuk meningkatkan lagi penglibatan pihak-pihak tersebut dalam aktiviti-aktiviti Rumah-rumah Orang Tua.
4. Saya percaya bahawa dengan mengadakan dasar dan aktiviti-aktiviti yang disebutkan tadi, masalah yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat tidak harus timbul.

RUMAH KOS RENDAH - PENCAPAIAN

23. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan matlamat membina 176,000 unit rumah kos rendah oleh sektor awam dan 90,000 unit sektor swasta dalam Rancangan Malaysia Keempat dapat dilaksanakan; dan
- (b) langkah-langkah Kerajaan untuk mendapatkan sokongan institusi-institusi kewangan di negara ini membantu golongan berpendapatan rendah membeli rumah.

Dato S. Subramaniam:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai langkah telahpun diambil oleh Kerajaan bagi memastikan pencapaian sasaran program perumahan kos rendah bagi kedua sektor awam dan swasta di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Antara langkah-langkah utama yang dimaksudkan ialah peraturan mempercepatkan proses kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan untuk tujuan pembangunan perumahan. Selain daripada itu, Kerajaan telah juga mewujudkan satu skim pinjaman khas bagi pembelian rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 seunit. Tindakan-tindakan lain, termasuklah penyediaan pelan-pelan seragam bagi perumahan kos rendah, penggalakkan penggunaan sistem binaan pasang-siap serta pengenalan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Bagaimanapun, Kementerian saya tidak menjangka bahawa sasaran program perumahan kos rendah bagi kedua sektor awam dan swasta dapat dicapai sepenuhnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Keadaan ini bukanlah sama sekali satu perkara yang luar biasa atau di luar dugaan memandangkan kepada ciri industri perumahan itu sendiri dan juga wujudnya keadaan ekonomi yang meleset dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Sungguhpun demikian, prestasi sektor awam adalah memuaskan, berbanding dengan prestasinya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.
- (b) Dalam usaha mendapatkan sokongan institusi-institusi kewangan untuk membantu golongan berpendapatan rendah membeli rumah seperti yang telah saya maklumkan Kerajaan telahpun mewujudkan satu skim pinjaman khas untuk pembelian rumah di bawah harga \$100,000 seunit. Di bawah skim tersebut, Kerajaan telah menetapkan pinjaman penuh pada kadar faedah tidak melebihi 10% setahun untuk bank perdagangan bagi rumah yang berharga kurang daripada

\$60,000 seunit. Bagi rumah yang berharga di antara \$60,000 hingga \$100,000 pula, pembeli hanya dikenakan kadar faedah 11% setahun atas pinjaman bank mereka. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah juga menyediakan garis panduan mengenai pembiayaan perumahan kepada bank-bank perdagangan. Bagi tahun 1985, bank-bank perdagangan dikehendaki membiayai sekurang-kurangnya 20,000 unit rumah yang berharga kurang dari \$100,000 seunit. Daripada sejumlah 20,000 unit ini, 6,000 unit rumah perlu dikhaskan kepada pembeli Bumiputra persendirian.

Pihak kami masih lagi menunggu jawapan resmi dari pihak Vietnam mengenai cadangan tersebut dan kita berharap pihak Vietnam akan menyambut baik cadangan itu.

Dalam pada itu, ASEAN juga telah membuka pintu perundingan dengan Vietnam melalui dialog yang serius dan bermakna. Bagi tujuan ini, ASEAN telahpun melantik Indonesia sebagai wakilnya atau 'Interlocutor'. ASEAN yakin bahawa hanya penyelesaian secara politik sahaja yang boleh menamatkan sengketa di Kampuchea itu dan oleh kerana itu, ASEAN akan terus berusaha mencari jalan damai ke arah penyelesaian tersebut.

PEPERANGAN VIETNAM - KAMPUCHEA

24. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi peperangan antara Vietnam dan Kampuchea.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sepertimana yang kita sedia maklum, Malaysia bersama-sama dengan negara ASEAN yang lain telah menjalankan berbagai usaha-usaha untuk mencari satu penyelesaian politik yang menyeluruh ke atas soal Kampuchea semenjak penduduk Vietnam di Kampuchea pada bulan Januari, 1979. Tetapi malangnya, segala usaha-usaha ASEAN itu telah tidak mendatangkan hasil kerana pihak Vietnam masih berdegil dan menolak ke semua usaha-usaha tersebut.

Walau bagaimanapun, kita tidak akan berputus asa dan tidak akan jemu untuk terus berikhtiar mencari satu penyelesaian damai bagi soal Kampuchea. Baru-baru ini, semasa Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN yang ke-18 di Kuala Lumpur, ASEAN telahpun mengemukakan cadangan Rundingan Berperantara (Proximity Talks) kepada pihak Vietnam sebagai satu lagi usaha diplomatik yang dijalankan oleh ASEAN untuk memecahkan kebuntuan masalah soal Kampuchea itu.

LEBUHRAYA KEPADA KONTRAKTOR ASING - PEMBINAAN

25. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa pembinaan lebuh raya di negara ini diberikan kepada kontraktor asing.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin): Lembaga Lebuh Raya Malaysia telah ditubuhkan untuk membina di antaranya lebuh raya tol utara selatan yang panjangnya lebih kurang 1000 km, dan juga jambatan Pulau Pinang. Setakat ini, lembaga lebuh raya Malaysia telahpun meminjam lebih kurang \$1.5 ribu juta untuk melaksanakan projek-projek itu. Hampir kesemua wang itu telah diperolehi dari pinjaman komersial dengan kadar faedah sebanyak 10 - 12% setahun. Pelaksanaan keseluruhan kedua-dua projek itu dianggarkan akan menelan belanja lebih kurang \$6 ribu juta, yang mana wang tersebut akan diperolehi dari pinjaman. Dengan wang pinjaman sebegitu besar dan kadar faedah yang tinggi, adalah wajar bagi Kerajaan memastikan pemberian kerja pembinaan lebuh raya-lebuh raya di negara ini kepada kontraktor-kontraktor yang bukan sahaja boleh menawarkan harga yang 'competitive', tetapi juga mutu kerja yang tinggi, termasuk kemungkinan pemindahan teknologi baru kepada pekerja-pekerja dan kontraktor-kontraktor tempatan, demi kepentingan industri pembinaan negara ini.

Berdasarkan kepada kaedah-kaedah itu, adalah perlu dan bijak bagi Kerajaan mempelawa tawaran-tawaran dengan seluasnya, bukan sahaja kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang layak, tetapi juga kontraktor-kontraktor Antarabangsa. Oleh yang demikian, tidak hairanlah terdapat ramai kontraktor Antarabangsa terkenal, termasuk dari Jepun dan Korea, yang telah menawarkan untuk membina lebuh raya-lebuh raya di negara ini.

Sukalah saya menekankan bahawa sungguhpun tawaran-tawaran dibuat secara Antarabangsa, tetapi Kerajaan telah tidak lupa dan mengabaikan kepentingan penglibatan kontraktor-kontraktor tempatan. Penglibatan itu dipastikan dengan cara menggalakkan kontraktor-kontraktor Antarabangsa yang ingin mengambil bahagian di dalam pembinaan lebuh raya, mengujudkan usahasama dengan kontraktor-kontraktor tempatan. Kerajaan juga telah mengenakan syarat tertentu di dalam perjanjian kontrak-kontrak supaya sekurang-kurangnya 30% kerja-kerja tawaran itu dilakukan oleh kontraktor-kontraktor tempatan.

Di samping itu, bagi memastikan lagi kepentingan kontraktor-kontraktor tempatan terpelihara, beberapa bahagian lebuh raya lembaga lebuh raya Malaysia yang akan dibina dikenalpasti dan akan dikhaskan untuk ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan sahaja. Misalnya package Jitra - Alor Setar, sejauh 24 km yang mana kosnya dianggarkan lebih kurang \$195 juta, telahpun ditawarkan kepada gabungan kontraktor tempatan pada awal tahun ini. Syarikat gabungan itu telahpun mengadakan usahasama dengan syarikat Jepun untuk mengusahakan projek itu, yang mana kemajuannya setakat ini ialah lebih kurang 20% dan dijangka siap pada tahun 1987.

PELAJAR ORANG ASLI DI UNIVERSITI MALAYA

26. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar Orang Asli yang telah masuk belajar di Universiti Malaya hingga sekarang, bidang-bidang kursus yang diambil dan bilangan yang lulus dan gagal.

Dato Dr Lin Liong Sik Bilangan pelajar Orang Asli yang diterima masuk belajar ke Universiti Malaya adalah seperti berikut:

Tahun Masuk	Bilangan masuk	Bidang Kursus	Tahun Lulus	Bil. Lulus	Bil. Gagal
1976		Ekonomi dan Pentadbiran	1978		0
1978		Sastera dan Sains Sosial	1980		0
1980			1983		0
JUMLAH					0

SEKIM PERUMAHAN KAMPUNG

27. **Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan 'Sekim Perumahan Kampung' untuk menolong orang-orang kampung mendirikan rumah-rumah mereka; jika ya, nyatakan butir-butir lanjut mengenainya.

Dato S. Subramaniam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan satu sekim pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sekim ini dibiayai oleh Kumpulanwang Amanah Pinjaman Perumahan yang diluluskan oleh Kerajaan pada 2hb Julai, 1975. Sebanyak \$10 juta peruntukan permulaan telah diluluskan pada 17hb. Disember, 1975. Wang peruntukan tersebut telahpun dibelanjakan sepenuhnya dan Kerajaan telahpun meluluskan peruntukan \$10 juta yang kedua pada bulan Januari, 1983.

Sekim ini adalah satu program bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah iaitu golongan yang menjadi sasaran di bawah sekim ini untuk menikmati peluang mendapat pinjaman bagi membina rumah sendiri. Dengan adanya peluang ini golongan berpendapatan rendah termasuk yang tinggal di kampung-kampung, ladang-ladang, di persekitaran sesuatu estet perindustrian, lombong dan kampung-kampung baru dapat dibantu untuk meninggikan mutu penghidupan dan juga dapat menghasilkan penambahan rumah-rumah bagi golongan berpendapatan rendah daripada punca pinjaman yang diberi oleh Kerajaan. Program ini merupakan pinjaman daripada Kerajaan kepada rakyat terutama kepada mereka yang terdiri daripada golongan awam

seperti penoreh getah, nelayan, petani, pekerja lombong, pekerja kilang, buruh, peniaga kecil, pemandu teksi dan lain-lain lagi yang tidak diberi perhatian ataupun peluang oleh mana-mana pihak bagi mendapat pinjaman bagi membina rumah sendiri.

PASARAN SAHAM MALAYSIA

28. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menanam semangat di dalam Pasaran Saham Malaysia.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Kerajaan telah mengambil berbagai langkah bagi menarik para pelabur luar negeri dan tempatan untuk membuat pelaburan di negara ini. Ini termasuklah kelonggaran ke atas syarat pemegangan ekuiti di mana para-pelabur luar diberi kebenaran memegang ekuiti hingga 100% bergantung kepada peratus eksport barang-barang keluaran mereka. Disamping itu, Bank Negara membenarkan bank-bank perdagangan memberi pinjaman untuk membeli saham, menurunkan kadar faedah dan menyalurkan sumber kewangan baru ke dalam pasaran bagi mengurangkan masalah kecairan yang ketat dalam sistem Bank.

Untuk memulihkan keyakinan ke atas pasaran saham Kuala Lumpur dengan segera, saya telah mengadakan perbincangan dengan Tabung kumpulan wang dan institusi-institusi yang mengendalikan portfolio pelaburan dan menasihatkan mereka memasuki semula ke pasaran saham dan memainkan peranan sebagai 'market leader' dalam pasaran saham Kuala Lumpur. Saya juga telah mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat yang disenaraikan di pasaran saham Kuala Lumpur dan meminta mereka membuat pelaburan dan menyalurkan tindakan mereka supaya tidak menjejaskan pasaran saham.

INTERGRASI KAUM

29. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan intergrasi kaum di dalam negara.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Berbagai usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk menggalakkan intergrasi antara kaum. Beberapa dasar negara telah dilaksanakan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Nasional dan sebagainya yang pada asasnya bertujuan untuk menggalakkan intergrasi antara kaum. Di samping itu, seperti yang mungkin Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa sebuah agensi Kerajaan, iaitu Jabatan Perpaduan Negara telah diberi tanggungjawab khusus untuk menggalakkan perhubungan muhibah antara kaum serta memupuk perpaduan dan intergrasi nasional supaya dapat dibentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bersatupadu.

Berbagai program dan aktiviti untuk menggalakkan perpaduan antara kaum telah dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara. Antaranya ialah program interaksi yang mengandungi aktiviti-aktiviti kejiwaan, program pendidikan, penerangan dasar-dasar Kerajaan, penerbitan dan penyelidikan. Jabatan Perpaduan Negara juga melaksanakan program pencegahan yang bertujuan untuk mengesan perhubungan kemasyarakatan dan perkembangan sesuatu isu perkauman dan mencegah daripada berlakunya sesuatu kejadian yang boleh menjejaskan hubungan antara kaum.

Dari segi program dan aktiviti yang dijalankan, Jabatan Perpaduan Negara sentiasa membuat penilaian dari masa ke masa untuk menentukan keberkesannya dan meningkatkan prestasinya jika difikirkan perlu. Dalam hal ini satu kajian khusus sedang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk menentukan strategi dan program yang sesuai bagi meningkatkan semangat kejiwaan di kalangan rakyat di negara ini. Selain daripada itu, Jabatan Perpaduan Negara sedang memikirkan langkah-langkah yang harus diambil untuk meningkatkan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti perpaduan, memperbaiki program pendidikan dan menambah aktiviti-aktiviti yang bertujuan mengasuh dan menyatukan pemikiran rakyat, khasnya di kalangan golongan muda iaitu belia dan pelajar-pelajar.

Jabatan Perpaduan Negara adalah dibantu oleh sebuah badan yang dinamakan Panel Penasihat Perpaduan Negara. Tugas Panel ini,

antara lain, ialah untuk menasihati Kerajaan atas tindakan yang perlu diambil dalam usaha meningkatkan perpaduan negara. Panel Penasihat mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun, dalam mana dibincangkan perkara-perkara semasa, dan juga jika perlu, mengemukakan pendapat-pendapat Panel, melalui Jabatan Perpaduan Negara, kepada agensi-agensi Kerajaan tertentu, untuk mengambil tindakan sewajarnya. Umpamanya dalam perkara polarisasi di kalangan pelajar-pelajar sekolah, Panel Penasihat telah bersama dengan pihak Jabatan Perpaduan Negara berunding dengan Kementerian Pelajaran untuk sama-sama mengambil tindakan sewajarnya bagi mengurangkan polarisasi ini.

Selain daripada Jabatan Perpaduan Negara, beberapa agensi Kerajaan lain juga melaksanakan program dan aktiviti yang mengambilkira kepentingan intergrasi kaum. Pihak swasta telah digalakkan untuk menganjurkan kegiatan-kegiatan yang boleh membantu menggalakkan hubungan antara kaum. Ahli-ahli politik juga telah dinasihatkan supaya tidak membangkitkan perkara-perkara yang boleh dijadikan isu perkauman. Begitu juga dengan media massa, yang telah dinasihatkan supaya mementingkan berita yang mendorong kepada semangat muhibah dan mengurangkan berita yang membangkitkan sentimen perkauman.

PELAJAR INDIA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

30. **M.G.Pandithan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mengkaji semula dasar untuk menawarkan tempat kepada pelajar-pelajar keturunan India yang sedang menghadapi kesusahan untuk mendapat tempat di Institut-institut Pengajian Tinggi, Institut Teknologi MARA dan Institut Kemahiran MARA.

Dato Dr Ling Liong Sik: Dasar kemasukan pelajar ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi ini telah dilaksanakan untuk mencapai matlamat negara khususnya matlamat Dasar Ekonomi Baru. Setakat ini, Kementerian Pelajaran mendapati, calon-calon dari semua keturunan, termasuk dari keturunan India, yang mempunyai kelayakan yang sesuai, telah diberi tempat mengikut kekosongan tempat yang ada.

BIASISWA KEPADA BUKAN BUMIPUTERA

31. **Tuan M.G. Pandithan** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bukan Bumiputera yang mendapat Biasiswa Kerajaan untuk melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri.

Dato Mohamad Khalil bin Yaakob: Sejak tahun 1972 sehingga akhir Jun 1985, sejumlah 588 orang pelajar Bukan Bumiputera telah menerima Biasiswa Kerajaan melanjutkan pelajaran di luar negeri.

PADI JENIS IR 42

32. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah beza hasil padi jenis MR73 dengan IR42 dan adakah MR73 tidak mendatangkan masalah kepada petani.

Tuan Luhut Wan: Dari maklumat-maklumat yang diperolehi, petani-petani memperoleh hasil 5 tan/ha dengan menanam padi IR42 dibandingkan dengan 4.5 ton yang didapati dari MR.73. Sifat-sifat kedua jenis padi tersebut adalah seperti berikut:

	IR42	MR73
1. Keupayaan Hasil (ton/ha)	5	4.5
2. Gred Padi (LPN)	B	A
3. Peratus Perolehan Kisaran (milling recovery)	68.7	66.3
4. Peratus beras kepala (Head rice)	48.3	82.5
5. Kebaikan:	Hasil tinggi, stabil dan ketahanan terhadap penyakit.	Rintang terhadap karah dan hawar daun. Hasil tinggi, Mutu beras baik, panjang dan mutu pengilang yang baik, Mutu masak baik.
6. Kelemahan/cara mengatasi:		Rentan (terhadap PMV dan Bph. Mengalami sedikit rebah.

JAWATANKUASA TERBITAN MODAL (CIC)

33. Dato' K.Kumaran minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah kebenaran yang diberi kepada pihak tertentu oleh CIC (Capital Investment Committee) untuk mengambil alih (take over) syarikat-syarikat di negara ini semenjak tahun 1980;
- (b) polisi garis panduan dan bidang kuasa CIC membenarkan permohonan mengambil alih oleh pihak-pihak tertentu; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kelulusan CIC tidak menjejaskan imej negara terhadap syarikat-syarikat negara lain.

Dato Dr Tan Tiong Hong:

- (a) Semenjak tahun 1980, Jawatankuasa Terbitan Modal telah meluluskan 186 permohonan pengambilan alih syarikat-syarikat di negara ini.
- (b) Garispanduan Jawatankuasa Terbitan Modal berhubung dengan pengambilan alih oleh syarikat-syarikat, sedang dikaji semula dan akan dikeluarkan dalam sedikit masa lagi. Kuasa untuk memberi pertimbangan dan meluluskan pengambilan alih oleh syarikat-syarikat awam ada diberi kepada CIC seperti di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.
- (c) Adalah menjadi hasrat utama Kerajaan untuk melindungi kepentingan orang ramai dan negara dalam melaksanakan polisi dan projek di negara ini. Jawatankuasa Terbitan Modal iaitu sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 bertindak selaras, dengan objektif ini dan senantiasa mengekalkan tahap kepakaran, keadilan dan integriti dalam membuat sesuatu keputusan.

BANGUNAN SEKOLAH YANG USANG

34. Puan Sri Datin Janaki Athi Nahappan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak bangunan-bangunan sekolah di negara ini telah usang dan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk memperbaiki sekolah-sekolah tersebut.

Dato Dr. Ling Liong Sik: Kementerian Pelajaran memang menyedari bahawa ada bangunan-bangunan sekolah di negara ini yang telah usang. Oleh kerana itu usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk mengganti, naengubahsuai ataupun menyelenggara bangunan-bangunan tersebut. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek-projek ini bergantung kepada keadaan kewangan negara kita.

SISWAZAH UNIVERSITI YANG MENGANGGUR

35. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sehingga akhir tahun 1980, jumlah siswazah keluaran universiti tempatan dan luar negeri yang menganggur dan nyatakan sebab-sebabnya; dan
- (b) jumlah penuntut Malaysia di luar negeri pada masa ini mengikut pecahan (i) perbelanjaan sendiri (ii) perbelanjaan Kerajaan (iii) Bumiputera dan (iv) bukan Bumiputera.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:

- (a) Sehingga akhir tahun 1980, sebagaimana yang dikehendaki dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat, seramai 412 orang siswazah keluaran universiti tempatan dan luar negeri adalah menganggur.

Pada bulan Mac 1985, seramai 1,068 orang siswazah yang menganggur adalah mendaftarkan diri di Biro Pekerjaan Ikhtisas, Jabatan Tenaga Rakyat.

Sebab-sebab siswazah tersebut menganggur ialah kerana kebanyakan mereka baru tamat pengajian dan

mencari kerja untuk pertama kalinya dan kemungkinan juga kelulusan mereka tidak selaras dengan permintaan pasaran buruh.

- (b) Mengikut maklumat yang terkumpul terdapat seramai 39,192 orang pelajar Malaysia sedang menuntut di luar negeri pada masa ini.

SKIM KUMPULAN WANG PENCEN

36. **Puan Sri Datin Janaky Athi Nahappan** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan mengalami kekurangan kewangan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggunakan skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada semua golongan kakitangan Kerajaan termasuk kakitangan yang telah dimasukkan ke dalam skim berpencen.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Kajian sedang dibuat atas kemungkinan mengadakan skim Kumpulan wang Pencen yang bertanggungjawab mengenai pembayaran pencen kepada kakitangan awam. Sama ada Kumpulan wang Pencen ini akan membuat kutipan daripada semua kakitangan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Kerajaan sahaja yang menyumbangannya, masih belum lagi ditetapkan. Walaubagaimanapun sebarang keputusan yang akan diambil kelak akan mengambil kira kepentingan kakitangan Kerajaan yang telah dimasukkan ke dalam skim berpencen.

KERJA RUMAH BAGI MURID- MURID

37. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tidak ada satu garis panduan bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah di dalam memberi kerja rumah 'homework' kepada murid-murid yang menyebabkan murid-murid tidak cukup masa di rumah untuk belajar memandangkan beban kerja yang perlu disediakan dan jika sedar sama ada satu garis panduan hendaklah diberi supaya murid-murid akan lebih membaca di rumah daripada membuat kerja-kerja amali.

Dato Dr Ling Liong Sik: Memang benar Kementerian Pelajaran tiada menyediakan garis panduan bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah untuk memberi kerja rumah (home work). Biasanya kerja rumah diberi oleh guru-guru mengikut kemampuan murid-murid, supaya mereka dapat memahami pelajaran dengan lebih berkesan. Oleh kerana itu Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengadakan garis panduan kerja rumah bagi semua sekolah.

MENJUAL AL-QURAN

38. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah perlu yang akan diambil bagi mengatasi masalah pekedai-pekedai/toko-toko/penjual buku yang bukan beragama Islam menjual Al-Quran, buku-buku Agama dan apatah lagi menjual Mushab Al-Quran.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Kerajaan sedar adanya kedai-kedai dan penjual-penjual yang bukan beragama Islam menjual Al-Quran dan telah menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan umat Islam di negara ini. Oleh itu isu ini telah dibincangkan dalam majlis muzakarah mufti-mufti seluruh Malaysia pada bulan Julai 1985 baru-baru ini. Kajian yang teliti sedang dibuat dan hasilnya akan dipanjangkan untuk perhatian dan tindakan Kerajaan seterusnya.

PEPERIKSAAN STPM SECARA OBJEKTIF

39. **Tuan Haji Shuib bin Lazim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia akan diadakan secara objektif dan jika ya bila dan nyatakan jumlah perbelanjaan yang terlibat.

Dato Dr. Ling Liong Sik: Buat masa ini Kementerian Pelajaran sedang membuat kajian untuk menambahkan beberapa matapelajaran lagi ke dalam senarai matapelajaran-matapelajaran yang menggunakan ujian berbentuk objektif. Oleh kerana itu soal bila ia akan dilaksanakan dan berapa banyak perbelanjaan yang terlibat belum dapat ditentukan. Buat masa ini terdapat empat matapelajaran, yang salah satu dari kertasnya menggunakan ujian berbentuk

objektif. Matapelajaran-matapelajaran itu ialah Fizik, Kimia, Biologi dan Ekonomi. Kemungkinan Majlis Peperiksaan dapat menambahkan ujian berbentuk objektif ini adalah bergantung kepada adanya pakar-pakar yang diperlukan.

BANK BUMIPUTRA/BANK RAKYAT/ BANK PERTANIAN — URUSNIAGA

40. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa usaha-usaha sedang dibuat supaya Bank Bumiputra, Bank Rakyat dan Bank Pertanian dijalankan selaras dengan operasi yang dijalankan oleh Bank Islam Malaysia Berhad.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusniaga sesebuah bank adalah tertakluk kepada Akta penubuhan masing-masing. Bank Bumiputra adalah tertakluk kepada Akta Bank, 1973 dan berurusniaga sebagai sebuah bank perdagangan manakala Bank Rakyat dan Bank Pertanian bukanlah merupakan bank perdagangan dan masing-masingnya adalah di bawah pengawasan Pendaftar Syarikat Kerjasama dan Kementerian Pertanian. Bank Islam Malaysia Berhad pula adalah tertakluk kepada Akta Bank Islam 1983 dan menjalankan urusniaga berlandaskan hukum-hukum Islam. Buat masa ini belum tagi ada rancangan bagi Bank Bumiputra, Bank Rakyat dan Bank Pertanian berurusniaga selaras dengan prinsip-prinsip urusan Bank Islam.

RAKYAT THAILAND — KEMASUKAN SECARA HARAM

41. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan keadaan yang terdapat di sempadan negara Malaysia/Thai dan sama ada beliau sedar bahawa sering berlaku kemasukan secara haram rakyat negeri Thai ke negara kita yang menjalankan penyeludupan barang-barang tanpa cukai termasuk senjata api; dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengawal keadaan tersebut demi kepentingan dan keselamatan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Keadaan yang terdapat di sempadan negara Malaysia-Thailand

pada amnya adalah terkawal. Walau bagaimanapun Kerajaan sedar bahawa masih terdapat kejadian kemasukan secara haram rakyat Thailand ke negara ini yang menjalankan kegiatan penyeludupan barang bercukai dan barang tegahan. Bagi maksud membenters kegiatan ini, Kerajaan telah mengadakan beberapa langkah di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand, yang antaranya adalah seperti berikut:-

- (a) Menempatkan Unit Pencegahan Penyeludupaa dikawasan tertentu di Perlis, Kedah, Perak (Pengkalan Hulu) dan Kelantan.
- (b) Membina pagar keselamatan dan tembok di kawasan-kawasan strategik di sempadan Malaysia-Thailand.
- (c) Mengadakan Sekatan Jalan Raya tetap di Kodiang dan Kuala Sanglang di Kedah dan di Bukit Lata dan Simpang Empat (Rantau Panjang) di Kelantan.

Selain daripada itu langkah-langkah kawalan dan pencegahan biasa oleh agensi-agensi penguatkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen dan LPN turut juga dilaksanakan bagi membenters masalah yang sama.

PENUNTUT KE UNIVERSITI - MENAMBAHKAN

42. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa wang ringgit Malaysia yang berjumlah 1.4 billion ringgit adalah dibelanjakan tiap-tiap tahun untuk tujuan pelajaran tinggi penuntut-penuntut kita di luar negeri; dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk menyelamatkan begitu banyak wang mengalir keluar negeri dan sama ada beliau ada rancangan untuk menambahkan bilangan penuntut-penuntut di dalam Universiti-universiti yang sedia ada di negara kita.

Dato Dr. Ling Liong Sik: Kerajaan memang sedar bahawa jumlah wang yang dibelanjakan setiap tahun untuk membiayai penuntut-penuntut kita di luar negeri adalah besar. Oleh kerana itu Kerajaan sedang berusaha untuk

mengurangkan perbelanjaan ini dengan menambah pengambilan pelajar-pelajar di universiti-universiti tempatan dan menghantar pelajar-pelajar ke negara-negara yang mengenakan yuran pengajian yang berpatutan, seperti Amerika Syarikat, Kanada, Jepun, Korea dan lain-lain.

SEKOLAH BERASRAMA PENUH

43. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) jumlah Sekolah Berasrama Penuh di seluruh negara dan jumlah tempat yang diberikan kepada penuntut bandar dan luar bandar; dan
- (b) jumlah Sekolah Berasrama Penuh yang akan dibina di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Kelima mengikut tiap-tiap negeri.

Dato Dr. Ling Liong Sik:

- (a) Jumlah Sekolah Berasrama Penuh di seluruh negara pada masa sekarang ialah 28 buah. Tempat yang diberikan kepada penuntut dari luar bandar adalah 70%, manakala penuntut dari bandar ialah 30%
- (b) Kementerian Pelajaran bercadang untuk membina beberapa buah lagi Sekolah Berasrama Penuh pada masa akan datang, tetapi bilangan dan tempat di mana sekolah tersebut akan dibina belum lagi diputuskan. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek-projek ini bergantung kepada keadaan kewangan negara kita pada masa akan datang.

PAKAR ANASTATISTS DI UNIVERSITI HOSPITAL

44. **Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa pakar 'Anastatists' adalah berkurangan di Universiti Hospital dan jika benar apakah tindakan beliau akan ambil untuk mendapat lebih ramai lagi pakar tersebut.

Dato Dr. Ling Liong Sik: Memang benar Universiti Hospital mengalami kekurangan pakar Anastatists. Walau bagaimanapun usaha-usaha sedang diambil bagi mengatasi perkara ini, termasuk usaha menggalakkan doktor-doktor tempatan membuat pengkhususan dalam bidang tersebut.

KERETA TEKSI-ISYARAT LAMPU LAJU

45. **Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kereta teksi akan dikenakan isyarat lampu laju memandangkan teksi yang membawa penumpang selalu sahaja lari deras dan membahayakan penumpang-penumpangannya.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Kementerian Pengangkutan belum bercadang untuk mensyaratkan kereta sewa dan teksi diperlukan memasang alat amaran had laju mengikut undang-undang di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan, Peralatan dan Penggunaan) (Alat Amaran Had Laju) 1985. Ketika ini kaedah-kaedah yang dinyatakan adalah meliputi beberapa jenis kenderaan yang berikut sahaja:

- (a) kenderaan-kenderaan barangan yang dilesenkan di bawah Bahagian V Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang mempunyai berat dengan muatannya 4,500 kilogram atau lebih dan yang didaftarkan pada atau selepas 1hb Julai 1985; dan
- (b) bas persiaran dan bas ekspres yang dilesenkan di bawah Bahagian V, Ordinan yang sama juga dan mempunyai berat dengan muatannya 4,500 kilogram atau lebih yang didaftarkan pada atau selepas 1hb. Julai 1985.

RUMAH DI SEKTOR SWASTA/AWAM

46. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) jumlah aduan yang beliau terima dari orang ramai mengenai berbagai masalah yang berkaitan dengan pembinaan rumah di sektor swasta dan awam tahun lalu, berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya; dan

- (b) langkah-langkah penguatkuasaan untuk menjamin aduan-aduan orang ramai dapat dibela.

Dato' S. Subramaniam:

- (a) Pada tahun lalu, Kementerian saya telah menerima sebanyak 658 aduan mengenai pelbagai masalah perumahan. Jumlah ini adalah jauh berkurangan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya di mana aduan diterima:

1981	-	1131 aduan
1982	-	1413 aduan
1983	-	1156 aduan

- (b) Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan yang wajar untuk mengatasi masalah-masalah yang diadakan. Tindakan penguatkuasaan yang diambil ialah:-

- (i) Tindakan undang-undang terhadap sebarang kes pelanggaran Akta (mengawal dan melesen) Pemaju Perumahan 1966 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.
- (ii) Tindakan pentadbiran seperti menangguhkan permohonan membaharui lesen dan permit sehingga aduan-aduan diselesaikan.
- (iii) Memberikan amaran dan ingatan kepada pemaju-pemaju yang enggan menerima arahan Kementerian ini.
- (iv) Memberikan arahan kepada pemaju perumahan berdasarkan kuasa Menteri di bawah peruntukan Seksyen 11 dan 12 Akta (mengawal dan melesen) Pemaju Perumahan 1966 dengan tujuan supaya kepentingan pembeli-pembeli rumah terpelihara.

PENYEBAR KHABAR ANGIN

47. **Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Perdana Menteri menyatakan siapakah yang memulakan penyebaran khabar-khabar angin memburuk-burukan iklim politik dan ekonomi negara ini; dan apakah tindakan yang diambil bagi membentasi dakyah ini dan bagaimana pula untuk menyekat perkara-perkara seumpama ini supaya tidak berlaku lagi.

Dato Mohamad Khalil bin Yaakob: Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penyebaran khabar-khabar angin mengenai sesuatu kejadian atau keadaan bukanlah satu perkara baru dalam kehidupan masyarakat sesebuah negara. Pada amnya individu atau kumpulan yang memulakan penyebaran khabar-khabar angin ini mempunyai niat buruk terhadap seseorang atau kumpulan yang lain. Lazimnya khabar-khabar angin ini dibawa pula dari mulut ke mulut oleh orang-orang yang suka menghabiskan masa mereka di kedai-kedai kopi atau sebagainya untuk bercakap mengenai sebarang perkara yang sebenarnya mereka tidak mengetahui, tetapi bercakap seperti seorang yang pakar dalam semua bidang. Sehingga sekarang tidaklah dapat dipastikan siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab menyebarkan berita-berita angin mengenai keburukan suasana politik dan ekonomi di negara ini. Siasatan yang rapi sedang dijalankan dan perhatian sentiasa diberikan terhadap perkara ini supaya berita-berita yang tidak benar itu tidak terus merebak dan dieksploitasikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Suka jugalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidak akan bertolak ansur dan akan mengambil sebarang tindakan di bawah undang-undang dan peraturan yang ada kepada mereka yang bertanggungjawab melakukan perkara ini.

Walau bagaimanapun, khabar-khabar angin mengenai keadaan ekonomi negara yang dikatakan bertambah buruk terpaksa diberi perhatian yang lebih serius, kerana jika dibiarkan, ianya boleh menjejaskan kepercayaan pelabur-pelabur terhadap negara ini. Dengan demikian, YB. Menteri Kewangan telah terpaksa membuat beberapa kenyataan bagi mendedahkan keadaan ekonomi negara yang sebenar. Dalam

pada itu saya percaya bahawa pelabur-pelabur yang matang tidak membuat keputusan pelaburan mereka berasaskan khabar-khabar angin tetapi berasaskan data-data yang konkrit yang boleh diperolehi dari badan-badan atau institusi-institusi ekonomi dan kewangan yang terkenal, sama ada dari dalam atau luar negeri.

Oleh kerana kedudukan ekonomi negara masih teguh dan kestabilan politik masih wujud, musuh-musuh negara yang iri hati akan kejayaan kita akan terus cuba untuk menghancurkan negara ini dengan apa cara sekalipun, termasuk menyebarkan fitnah-fitnah. Di sini sukalah saya menyeru kepada rakyat supaya tidak terpedaya dan dijadikan alat oleh musuh-musuh kita itu.

PUSAT SERENTI BAGI PEMULIHAN DADAH

48. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) punca yang membolehkan penghuni-penghuni Pusat Serenti bagi pemulihan dadah di Tampin dapat melarikan diri dari pusat tersebut;
- (b) sama ada ini disebabkan kecuaiannya pegawai-pengawal; dan
- (c) tindakan beliau akan ambil bagi membetulkan keadaan tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Berkaitan dengan soalan ini, sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Pusat Serenti Tampin adalah merupakan sebuah institusi terbuka di mana pelatih-pelatih tidak sentiasa terkurung tetapi mereka menjalankan aktiviti secara bebas di sekitar asrama kediaman, malahan mereka juga menjalankan aktiviti tertentu di kawasan luar daripada pagar yang disediakan. Oleh sebab itu adalah tidak mungkin untuk menyekat pelarian semata-mata atas kawalan fizikal.

Konsep institusi terbuka ini adalah perlu bagi membolehkan Pusat menanamkan perasaan tanggungjawab dan

kepercayaan kepada diri sendiri di kalangan pelatih-pelatih yang mana sikap ini perlu ada pada mereka apabila dibebaskan daripada Pusat, dimana mereka akan bersendirian untuk menjalani hidup sebagai anggota masyarakat biasa.

- (b) Sukalah juga saya menjelaskan bahawa tidak semua pelarian yang berlaku disebabkan oleh kecuaiannya pegawai-pengawal keselamatan. Pengawasan yang ada telah diatur begitu rupa bagi membolehkan kawalan yang maksima diberikan. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa pelarian yang boleh dibabitkan dengan kecuaiannya pegawai-pengawal keselamatan dan sekiranya ini berlaku Kementerian saya telah dan akan mengambil tindakan yang tegas sama ada mengenakan tindakan tatatertib ataupun membawa mereka ke mahkamah supaya dengan tindakan-tindakan tersebut mereka akan sentiasa berwaspada dalam tugas-tugas mereka.
- (c) Berbagai-bagai tindakan sememangnya telah diambil dari masa ke semasa bagi menghalang berlakunya pelarian dan selain daripada memperketat dan memperkemas kawalan fizikal, Kementerian saya berusaha memperbaiki pendekatan psikologi bagi membolehkan pelatih-pelatih sentiasa bersedia untuk mengikuti program dalaman tempoh yang diwajibkan kepada mereka. Antara pendekatan psikologi yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ialah:-
 - (i) Menyedia dan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang dapat menarik minat mereka seperti latihan-latihan vokesyenal, aktiviti-aktiviti kebudayaan dan rekreasi.
 - (ii) Menyediakan aktiviti-aktiviti untuk mengelakkan kebosanan di kalangan pelatih-pelatih.
 - (iii) Menanamkan perasaan betapa perlunya mereka mengikuti program rawatan supaya kehidupan mereka pada masa akan datang

lebih terjamin dan sempurna. Kesedaran ini cuba ditimbulkan melalui aktiviti seperti kaunseling, tatanegara dan juga ugama.

Selain daripada itu pihak pentadbiran Pusat juga diberi ingatan dan amaran supaya sentiasa sensitif kepada kejadian-kejadian pelarian ini dan mengambil tindakan yang perlu untuk membetulkan masalah-masalah yang ada, yang mendorong kepada berlakunya pelarian. Mereka juga diberi amaran bahawa tindakan tegas akan diambil kepada sesiapa juga yang didapati cuai dalam menjalankan tugas mereka.

PAS SEMPADAN

49. **Tuan Mohd Noor bin Bedah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah Pas Sempadan yang dikeluarkan dalam tahun 1983 dan 1984 bagi penduduk-penduduk negeri-negeri bersempadan dengan Thailand;
- (b) jumlah Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan serta rakyat negara ini yang melawat Thailand melalui Pas Sempadan; dan
- (c) Sikap Kerajaan terhadap keluar-masuk rakyat Malaysia ke Thailand.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Dalam tahun 1983, 203,708 Pas Sempadan telah dikeluarkan kepada penduduk-penduduk di negeri-negeri bersempadan dengan Negeri Thailand, Pas Sempadan 140,302 telah dikeluarkan dalam tahun 1984.

Jumlah pegawai dan kakitangan Kerajaan serta rakyat Malaysia yang melawat negara Thailand melalui Pas sempadan dalam tahun 1983 dan 1984 ialah 24,84,383.

Kerajaan bersikap liberal terhadap lawatan rakyat Malaysia ke Negara Thai. Dalam pada itu kerajaan sentiasa memastikan bahawa mereka yang melawat negara Thai itu menggunakan dokumen perjalanan yang sah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN GETAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang dipertua, saya mohon izin mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta Badan Berkanun Getah 1985 bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1985 dan Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Malaysia 1966 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkait dengannya dibaca kali kedua.

Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah 1985 telah dibentang di Dewan Rakyat pada 17hb Julai, 1985 dan pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 telah diluluskan.

Tujuan pindaan ke atas Ordinan Akta tersebut ialah untuk memperkemas lagi Ordinan atau Akta sesuai dengan tugas-tugas yang perlu dijalankan dan untuk melicinkan pentadbiran Lembaga-lembaga berkenaan. Pindaan-pindaan yang berkenaan yang berkaitan dengan Ordinan dan Akta Lembaga-lembaga yang berkait dengan getah adalah sepertimana yang saya terangkan berikutan ini.

Pindaan-pindaan kepada tajuk panjang seksyen 1, seksyen 7 dan bahagian-bahagian seksyen 15(d) dan 16 berhubungan dengan penggantian perkataan-perkataan 'The Federation' dengan perkataan 'Malaysia'. Ordinan Kumpulan Wang Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dicadangkan bagi tujuan memperkemas lagi Ordinan ini.

Pindaan kepada sub-seksyen 4, seksyen 3 Ordinan tersebut bertujuan menambah seorang lagi wakil bagi pihak sektor pekebun kecil yang khas dari RISDA serta memperuntukan pelantikan wakil-wakil yang berasingan bagi Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam Lembaga.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, walaupun wakil RISDA sebagai ahli Lembaga MRRDB telah dilantik sejak tahun 1973 tetapi perlantikan wakil RISDA adalah dibuat mengikut seksyen 3(4)(c) iaitu dengan mengambil tempat wakil pekebun-pekebun kecil dan dengan perlantikan wakil RISDA ini bermakna pekebun kecil kekurangan satu kerusi dalam Lembaga MRRDB. Oleh kerana pekebun kecil memainkan peranan utama dalam perusahaan getah Malaysia, pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan mereka adalah penting dan dengan itu adalah wajar supaya tempat mereka dalam Lembaga dikembalikan.

Di samping itu sebagai agensi pelaksana program pekebun getah kecil, peranan wakil RISDA adalah juga genting dalam Lembaga MRRDB bagi menentukan arah aliran penyelidikan dan kemajuan getah dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil keseluruhannya. Dengan itu pindaan seksyen 3(4)(e) adalah bertujuan untuk mengekalkan wakil RISDA dalam Lembaga MRRDB dan di waktu yang sama dapat mengembalikan kerusi pekebun kecil.

Di samping itu pindaan seksyen 3(5) dan 3(6) Ordinan yang berkenaan adalah bertujuan untuk memperkemaskan perlantikan ahli silih-ganti kepada anggota Lembaga selain dari pengerusi di samping bertujuan memberi kuasa kepada Menteri atas budibicaranya untuk menentukan tempoh perlantikan anggota-anggota Lembaga selain daripada pengerusi dan anggota silih-ganti mereka.

Pindaan di sub-seksyen 4 yang dicadangkan dalam seksyen 4 Ordinan ini adalah bertujuan untuk membolehkan Timbalan Pengawal atau salah seorang ahli Lembaga untuk menjadi pengurus mesyuarat Lembaga dalam keadaan di mana pengawal tidak hadir di mana-mana mesyuarat Lembaga. Walaupun di masa-masa lepas Timbalan Pengawal telah mepengerusikan mesyuarat-mesyuarat Lembaga tetapi peruntukan yang ada sekarang adalah kurang jelas mengenai kedudukan beliau. Dengan itu pindaan peruntukan ini adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Timbalan Pengawal untuk menjalankan tugas pengawal dalam keadaan yang diperlukan.

Peruntukan tambahan seksyen 6(3) Ordinan dicadangkan bagi membolehkan Lembaga dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib pegawai-pegawai dan kakitangannya selain daripada pengawal dan Timbalan Pengawal. Manakala sub-seksyen 4 yang dicadangkan di bawah seksyen 11 Ordinan adalah bermaksud untuk membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib Pengawal dan Timbalan Pengawal. Pindaan-pindaan ini diperuntukan memandangkan bahawa mengikut peruntukan Ordinan sekarang masih belum ada peruntukan khas untuk membolehkan Lembaga dan mana-mana pihak mengeluarkan perintah atau peraturan mengenai tata tertib kakitangan. Peraturan-peraturan ini perlu untuk menentukan supaya pentadbiran Lembaga dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Pindaan di seksyen 15 adalah bermaksud memasukkan perenggan baru (2) ke dalam seksyen itu untuk memberi kuasa kepada Lembaga memberi bantuan kepada Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di Malaysia yang mengajar dan melatih ahli teknologi getah asli sebagai satu daripada disiplinnya.

Pindaan ini adalah penting dan selaras dengan hasrat Lembaga untuk terus bekerjasama dengan lebih rapat dengan institusi-institusi pelajaran tinggi bagi mempertingkatkan lagi penyelidikan dalam bidang getah asli.

Peruntukan baru Seksyen 15A yang dicadangkan kepada Ordinan adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang jika perlu bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya.

Bagi Seksyen 16 pula, pindaan adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga untuk melabur dalam pelaburan-pelaburan yang lebih luas dari yang diperuntukkan dalam Ordinan sekarang yang mana terhad kepada 'securities'. Dengan adanya pindaan ini lembaga dapat menggunakan mana-mana bahagian Kumpulan Wang yang tidak dikehendaki dibelanjakan dengan serta merta ke dalam pelaburan yang dapat memberi manfaat yang baik.

Pindaan juga dibuat dengan menambah Seksyen baru 17A kepada Ordinan bertujuan untuk memperkemaskini Ordinan ini selaras dengan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 mengenai Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan bahawa beberapa pindaan kepada Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966. Di samping bermaksud untuk melengkapkan tafsiran mengenai Lembaga yang ditubuhkan di bawah Seksyen tersebut, pindaan juga dicadangkan di Seksyen 4 Akta RRIM yang bertujuan untuk mengubahsuai dan memperkemas cara perantaraan ahli-ahli Lembaga Institut ini yang didapati peruntukan yang ada sekarang adalah tidak begitu jelas. Di samping itu seksyen ini memperuntukkan seorang wakil dari tiap-tiap negeri Sabah dan Sarawak bagi menduduki Lembaga Institut ini.

Peruntukan tambahan yang dicadangkan kepada Seksyen 6 Akta ini adalah bertujuan untuk membolehkan Lembaga Institut, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib pegawai dan kakitangannya selain daripada Pengarah dan Timbalan-timbalan Pengarah, manakala pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 11 Akta adalah bermaksud untuk membolehkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib Pengarah serta Timbalan-timbalan Pengarah.

Peruntukan tambahan di Seksyen 12(1A) adalah bertujuan melicinkan pentadbiran Lembaga bagi membolehkan seseorang pegawai Institut atau seorang yang menjalankan tugas-tugas Pengarah Institut ketika ketiadaan Pengarah untuk bertindak sebagai anggota Lembaga Institut mewakili Pengarah bagi tempoh berkenaan.

Cadangan pindaan seksyen 15A kepada Akta ini adalah mempunyai tujuan yang sama seperti pindaan terhadap seksyen 17A Ordinan MRRDB, sebagaimana saya sebutkan tadi iaitu selaras dengan pengkanunan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini pindaan-pindaan lain kepada Ordinan dan Akta yang saya tidak sentuhi secara spesifik tadi adalah yang merupakan pindaan-pindaan kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekatang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat.

3.56ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin bercakap sepetah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya yakni Penyelidikan dan Kemajuan 1958 dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 seperti yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dinamakan Akta Badan Berkanun Getah 1985 ini pada hemat saya adalah satu Akta yang penting kerana penyelidikan dan kemajuan getah negara kita Malaysia ini adalah berkait rapat dengan sumber kehidupan rakyat negara kita, khususnya rakyat negara kita di luar bandar. Kerana penduduk-penduduk negara kita ini sebahagian besar, khususnya rakyat di luar bandar kehidupannya bergantung kepada hasil menoreh getah. Oleh itu, Kumpulan Wang Getah Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia ini sememangnya memainkan peranan dan mempunyai pengaruh yang rapat kepada pekebun-pekebun kecil getah negara kita ini. Oleh itu, memang sudah sewajarnya Akta ini

dibentangkan oleh Timbalan Menteri di Dewan yang mulia ini untuk dibincangkan dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya seorang yang hidup datang daripada luar bandar dan berada dalam masyarakat pekebun kecil getah maka saya suka menyentuh masalah-masalah yang timbul berkait dengan pekerjaan menoreh getah ataupun memotong getah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita sekarang sememangnya memben keutamaan kepada pekebun-pekebun kecil getah supaya menanam semula getah galakan dan memberi bantuan menanam semula supaya mereka menebang pokok-pokok getah mereka yang tua yang tidak berapa banyak mengeluarkan susunya dengan menggantikan menanam benih pokok-pokok getah yang lebih baik yang boleh mengeluarkan susunya yang banyak dengan tujuan untuk meninggikan atau meningkatkan pendapatan orang kampung di luar bandar khususnya pendapatan pekebun-pekebun kecil getah kita, dan mereka akan dapat hasilnya iaitu boleh menoreh getah dalam tempoh 6 tahun hingga ke 7 tahun, sementara itu mereka terpaksa membuat kerja-kerja lain bagi menambahkan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau petani-petani itu menanam pokok rambutan misalnya selama tiga tahun pokok ini telah mengeluarkan buah. Dan kalau mereka menanam pokok koko pula selama tiga tahun juga telah mengeluarkan hasilnya. Jikalau kita menanam pokok kelapa sawit pun selama tiga tahun juga telah berbuah dan kalau sekiranya kita menanam pokok durian pun tidak sampai lima tahun juga telah berbuah. Tetapi pokok getah pasti berumur dari enam tahun membawa hingga ke tujuh tahun baharu boleh ditoreh mengeluarkan hasilnya. Jadi, lebih kurang selama empat tahun kerugian petani-petani ataupun pekebun-pekebun kecil getah menunggukan masa untuk mendapat hasil jika kita bandingkan dengan menanam pokok buah-buahan yang saya sebutkan tadi.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Kerajaan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tidakkah ada satu kajian melalui Badan Penyelidikan Getah Negara Malaysia ini supaya pokok-pokok getah yang telah ditanam itu boleh

mengeluarkan hasil iaitu boleh ditoreh mengeluarkan susunya yang banyak dalam masa pokok getah itu berumur tiga tahun sahaja - tidak sampai berumur tujuh tahun dan hasilnya atau susunya sama mutu dengan pokok getah yang berumur tujuh tahun. Jika ini boleh dilakukan maka sudah tentu akan memberi keuntungan yang cepat kepada penoreh-penoreh getah khususnya kepada pekebun-pekebun kecil getah negara kita ini, dan ini saya fikir tidak mustahil Institut Penyelidikan Getah Malaysia mengkaji dan menyelidik menggunakan sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan kita telah melancarkan kempen menanam getah semula beberapa tahun yang lalu tetapi masih ramai lagi pekebun-pekebun kecil getah kita yang belum mengambil peluang ini untuk menebang pokok-pokok getah mereka yang tua.

Oleh itu program ini saya memanglah menyokong supaya Kerajaan meneruskan kempen tersebut sehingga semua pokok-pokok getah mereka yang tua-tua itu diganti semula dan jika sekiranya didapati kurang sambutan atau kurang menggalakkan, maka saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya meneruskan kempen menanam getah semula ini dibuat dengan bersungguh-sungguh.

Sehubungan dengan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengusulkan kepada Kerajaan kita supaya Kerajaan menimbangkan bantuan menanam getah semula ini dinaikkan daripada \$2,200 yang ada pada hari ini kepada \$3,000 seekor supaya seimbang dengan harga barang-barang yang meningkat tinggi pada masa ini. Ini satu daripada kempen menarik minat pekebun-pekebun kecil getah kita dalam mengambil bahagian projek menanam semula getah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang RISDA memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil getah kita dengan mengadakan cara mesin berkelompok dan ini telah mendapat sambutan daripada pekebun-pekebun kecil getah kita tetapi sejak akhir-akhir ini penggunaan mereka kepada mesin-mesin getah RISDA ini semakin merosot dan berkurangan.

Kira-kira sebanyak 25% sahaja lagi digunakan, sebahagian besar mereka tidak menggunakan. Kebanyakan mereka ini membuat ataupun memproses dengan menjual getah buku ataupun sekerap sahaja dalam bahasa tempatan. Jadi mereka tidak lagi membuat getah keping sebagaimana yang dikehendaki oleh RISDA hari ini. Jadi ini tentulah merugikan Kerajaan dan rakyat kita juga.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk menarik minat semula pekebun-pekebun kecil getah kita ini supaya menggunakan mesin RISDA dan menjual getah-getah mereka secara berkelompok, maka saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan memberi hadiah atau kupon kepada mereka yang menjual getah keping kepada RISDA. Pihak Kerajaan kenalah membuat satu peraturan bagi melaksanakan perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh berhubung dengan Lembaga Penyelidikan Getah Malaysia yang telah memberi kursus kepada pelatih-pelatih bukan sahaja kepada rakyat negara kita tetapi juga kepada pelatih luar negeri negara jiran kita. Pelatih-pelatih itu telah diberi kursus pelajaran oleh Lembaga Penyelidikan dengan mendedahkan semua pelajaran khususnya rahsia teknologi getah kita Malaysia ini. Mereka mempelajari semua rahsia-rahsia teknologi getah kita dengan tiada mengeluarkan wang perbelanjaan yang banyak sedangkan kita mendapatkan rahsia-rahsia pelajaran teknologi itu dengan beberapa penyelidikan dan percubaan-percubaan yang memakan masa yang lama dan perbelanjaan yang banyak.

Jadi dari segi teknologi ini, saya berpendapat hendaklah kita buat macam Jepun, jangan kita beri pelajaran itu berleluasa sangat tetapi hendaklah kita hadkan, kerana akibatnya mereka telah mendapatkan pengetahuan itu, pengeluaran getahnya telah bermutu tinggi dan getahnya dapat menyaingi mutu getah kita dan harganya pula lebih murah daripada getah kita kerana negara tersebut perbelanjaan buruhnya rendah daripada negara kita ini. Ini tentulah merugikan seluruh industri getah negara kita, khususnya pekebun-pekebun kecil getah kita Malaysia.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah supaya menghadkan tidak semua rahsia penyelidikan teknologi getah kita diajarkan kepada pelatih-pelatih daripada luar negeri kerana sekarang ini kita tahu Amerika membeli getah asli kebanyakannya daripada Indonesia dan China membeli getah asli daripada Thailand. Jadi mereka itu tidak membeli getah kita kerana mungkinlah barangkali harga getah kita mahal.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Lembaga Penyelidikan Getah membuat penyelidikan yang lebih intensif lagi untuk mendapatkan pengeluaran getah bukan sahaja mutunya yang tinggi tetapi juga mendapatkan pengeluaran yang lebih. Kedua, melalui Dasar Pertanian Negara kita juga Kerajaan hendaklah mengawal had keluasan tanaman getah supaya jangan berkurangan daripada keluasan yang ada sekarang, kerana jika keluasan tanaman getah yang ada sekarang semakin berkurangan, maka industri-industri perkilangan getah juga akan banyak yang tutup dan ini secara langsung pendapatan negara kita terjejas dan rakyat kita juga akan terlibat sama mendapat kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sedikit pandangan saya itu, maka saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

4.05ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang yang meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaysia 1958 dan juga Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966, dan sambil itu pula mengambil kesempatan untuk memberi pandangan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengannya.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian yang berkenaan kerana telah memikirkan wajar pada ketika ini untuk mengemaskinikan Akta-akta tersebut yang sewajarnya dilihat dalam konteks suasana ekonomi negara dan juga ekonomi antarabangsa. Kita maklum bahawa Akta-akta berkenaan adalah mempunyai tumpuan khusus kepada keupayaan negara kita ini

membuat penyelidikan berkaitan dengan bidang-bidang getah dalam keadaan di mana kita dapati bahawa industri getah dalam keadaan yang boleh dikatakan serba salah ataupun dalam keadaan yang dilemma, di mana harga getah di peringkat antarabangsa ketara pada peringkat yang rendah walaupun ada masyarakat antarabangsa dan pihak Kerajaan untuk memperbaiki keadaan harga getah tersebut.

Sesudah melihat usaha mengemaskinikan Akta ini berdasarkan kepada keadaan di peringkat micro iaitu adanya masalah penawaran buruh di sektor getah yang kalau tidak dapat diatasi pada masa sekarang dan seterusnya mungkin akan mendedahkan industri getah kepada keadaan yang lebih merosot lagi. Seterusnya, saya juga melihat usaha meminda Ordinan ini dalam konteks masalah berterusnya kemiskinan di sektor pekebun kecil. Kita dapati bahawa di sektor tersebut peratus keluarga yang miskin bukannya berkurangan bahkan ianya terus bertambah kerana kumpulan yang dianggap kumpulan 'the core group', dengan izin, dan keluarga yang miskin agak begitu liat untuk ditembusi dan sambil itu pula kita menghadapi masalah harga getah yang agak rendah dan dengan itu juga menyebabkan jumlah ataupun peratus keluarga yang miskin makin lama makin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Institut Penyelidikan Getah dari segi sejarahnya adalah begitu membanggakan sekali. Ianya dikatakan telah ditubuhkan pada tahun 1925 yang bersumberkan kepada sumber kewangan cess yang dikutip daripada eksport getah dan ada angka yang mengatakan bahawa lebih kurang 0.3% yang dikutip itu adalah merupakan peruluhan daripada Keluaran Kasar Negara dan kalau kita lihat 0.3% yang digunakan khusus untuk penyelidikan getah daripada Keluaran Kasar Negara itu adalah satu jumlah yang besar untuk usaha penyelidikan di dalam sesebuah negara.

Kita maklum bahawa di negara-negara yang lain peratus yang diluluskan untuk membuat penyelidikan adalah lebih banyak 2% ataupun 3% daripada GDPnya, walhal untuk sektor getah di negara kita ini lebih kurang 0.3%.

Ini adalah satu cara yang paling banyak foresightnya dalam soal penyelidikan di dalam sesuatu bidang.

Kita juga maklum bahawa kalau kita melihat kembali sejarah Institut Penyelidikan Getah sama ada di peringkat MRDB atau peringkat RRI, maka sumbangannya adalah begitu membanggakan. Ada penyelidikan yang menunjukkan bahawa pulangan daripada penyelidikan getah ini kadarnya begitu tinggi. Apabila kita melihat kadar pulangan dan ditolak dengan kos untuk membuat penyelidikan tersebut ada kajian mengatakan bahawa pulangan ataupun kadar pulangan daripada penyelidikan getah adalah lebih kurang pada angka 24% hingga 25% dan buktinya adalah ketara.

Kalau kita melihat pada tahun-tahun yang lebih awal, dia punya sumbangan untuk meningkatkan daya pengeluaran adalah terbukti dan pada tahun 70an hinggalah kini usaha untuk meningkatkan daya pengeluaran adalah berterusan dan penyelidikan untuk memperbaiki nilai-nilai getah juga terus dijalankan sama ada dalam bentuk SMR yang didapati dalam tahun 1974 ataupun getah untuk membuat tayar ataupun klon-klon untuk digunakan supaya dapat meningkatkan daya pengeluaran pokok-pokok getah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melihat sumbangan RRI, berlandaskan kepada sejarahnya, saya ingin merujuk kepada pindaan berkaitan dengan soal tata tertib yang hendak dimasukkan di dalam Akta ini. Dalam soal ini saya ingin memberi pandangan bahawa RRI adalah satu badan berkanun yang mempunyai tugas khusus untuk membuat penyelidikan, sama ada penyelidikan dari segi fizikal, atau dari segi sosial atau dari segi ekonomi. Kita terpaksa melihat sesuatu institusi penyelidikan dan membezakan dengan sesuatu jabatan Kerajaan. Secara kebetulan, saya pernah berkhidmat di universiti selama lebih kurang 10 tahun dan berasa kesal kerana pihak tertentu telah membuat anggapan bahawa universiti itu adalah serupa dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

Oleh yang demikian kalau sekiranya dia melihat soal tata tertib ataupun soal 'terms of services' ianya terpaksa merujuk kepada apa

yang diperuntukkan untuk kakitangan Kerajaan di jabatan-jabatan Kerajaan. Ini adalah satu pendekatan yang agak silap. Kalau sekiranya pihak yang berkenaan di Superscale 'C' misalnya dianggap berhak ataupun wajar untuk menerima sebuah motokar 'Volvo' kerana ianya adalah di peringkat Superscale 'C', tidak bermakna bahawa seorang Professor yang di tanggagaji Superscale 'C' juga wajar diberi sebuah kereta 'Volvo'. Ini adalah satu nilai yang agak tidak tepat untuk masyarakat universiti dan tidak seharusnya dipaksakan kepada seorang Professor melalui peruntukan yang disediakan kepada pegawai Kerajaan di jabatan Kerajaan. Kerana yang dinilai bukanlah sebuah motokar itu. Yang lebih bernilai kepada seorang Professor atau seorang Penyelidik ialah kemudahan-kemudahan untuk beliau membuat penyelidikan dan seterusnya sumbangan beliau kepada masyarakat melalui penyelidikan beliau. Apa ertinya sebuah 'Volvo' kepada seorang Professor jika sekiranya kemudahan-kemudahan untuk membuat penyelidikan tidak disediakan. Kalau sekiranya seorang Professor tadi, dia bukan seorang yang memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan, beliau tidak mempunyai Secretary ataupun mempunyai Typist atau Pembantu membuat penyelidikan.

Oleh yang demikian, oleh kerana nilai itu telah dipaksa kepada masyarakat universiti, kita dapati sekarang Professor yang ada ingin untuk menjadi Ketua Jabatan kerana ia akan mendapat sebuah kereta 'Volvo'. Saya percaya kalau tidak diberikan pun pihak mereka tidak akan mendesak. Tetapi oleh kerana peruntukan itu ada, maka tujuannya untuk menyamakan di antara mereka di tanggagaji yang sama, maka kemudahan itu sekarang ini dirasakan di masyarakat universiti.

Di sini saya mencadangkan supaya dalam soal peruntukan yang diberikan kepada pihak Menteri dan seterusnya kepada pihak Pengawal dan juga Lembaga untuk soal tatatertib atau perkara-perkara yang berkaitan dengan 'terms of services', maka pihak yang berkenaan mesti mengambil kira, bahawa mereka adalah penyelidik. Berilah taraf yang sesuai kepada mereka. Saya percaya dalam soal kenaikan pangkat dan seterusnya tidak menimbulkan masalah jika sekiranya seseorang penyelidik itu diberi penghargaan berdasarkan kepada apa sumbangannya dari segi penyelidikan. Saya

percaya mereka tidak berebut-rebut untuk mendapat jawatan sebagai Ketua Jabatan. Yang dikehendaki adalah untuk diberi penilaian ataupun penghargaan dan dengan demikian, kalau sekiranya tidak ada sesuatu jawatan sebagai ketua atau apa jua pangkat, sekurangnya kita beri kemudahan kepada mereka untuk dinaikkan ke tahap gaji yang sejajar dengan sumbangan mereka dalam bidang penyelidikan.

Kita tidak hendak menghadapi masalah yang dihadapi oleh Institusi Penyelidikan yang lain seperti yang ada di negara kita ini, di mana adanya mentality birokrasi yang menyebabkan Institusi Penyelidikan tadi menyimpang dari tujuan asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal bidang kuasa yang diberikan kepada pihak Menteri dan seterusnya kepada Lembaga-lembaga yang berkenaan hendaklah diguna supaya marwah dan seterusnya peranan pihak Satis, Penyelidik dan seterusnya kakitangan yang menyokong mereka itu dapat dipelihara dan seterusnya dikembangkan khususnya di institusi-institusi seperti RRI atau di peringkat MRDB.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin seterusnya mengambil kesempatan di sini untuk menyanjung tinggi pindaan untuk Akta ini berkaitan dengan peruntukan di mana pihak RRI dapat bekerjasama dengan pihak universiti-universiti tempatan yang membuat penyelidikan dalam bidang yang berkenaan. Ini adalah satu langkah yang bijak. Kita dapati bahawa tidak semestinya kepakaran yang ada di RRI itu mencukupi ataupun tidak semestinya kepakaran yang ada di universiti-universiti itu tidak dapat digunakan untuk bidang getah walaupun pengkhususan mereka bukan dalam bidang getah. Saya berpendapat bahawa banyak keupayaan ahli-ahli Saintis dan Penyelidik di universiti yang sanggup bekerjasama dengan institusi-institusi seperti RRI ini. Saya harap bahawa dengan adanya kerjasama sebegini, maka keupayaan untuk membuat penyelidikan dalam bidang getah ini akan dapat diperkuatkan lagi.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang satu perkara lagi yang berkaitan dengan Akta ini. Saya percaya bahawa pihak MRDB khususnya dan seterusnya pihak RRI mempunyai

peranan yang agak begitu dekat sekali dengan soal harga getah antarabangsa. Satu, dua minggu kebelakangan ini banyak diperkatakan tentang kedudukan negara kita atau industri kita dengan Perjanjian Getah Antarabangsa. Sejauh mana kita sebagai sebuah negara yang mengeluarkan getah dapat faedah yang sewajarnya daripada perjanjian tersebut.

Kepakaran yang ada di MRDB, rasa saya, tiba pada peringkat untuk menasihatkan pihak-pihak yang berkenaan sejauh mana kita dapat mengubah keadaan yang terdesak ini, keadaan industri getah yang agak terdesak dari segi harga getah di peringkat antarabangsa.

Kita sedia maklum bahawa Perjanjian Getah Antarabangsa telah berupaya menstabilkan harga getah tetapi malangnya ditahap yang rendah. Menstabilkan di tahap yang rendah sebegitu rupa kita dapati bahawa harga tersebut adalah kurang daripada kos pengeluaran getah di negara kita.

Jadi, apakah maknanya kepada industri getah di negara kita ini jika sekiranya kita bersetuju dengan perjanjian di mana harga yang kita dapatkan adalah lebih rendah daripada kos yang kita tanggung untuk mengeluarkan getah tersebut. Tetapi malangnya kita dapati bahawa negara-negarajiran seperti Indonesia dan Thailand adalah pada tahap perkembangan di mana kos pengeluarannya masih lagi rendah dan kita terpaksa bertanding dengan negara-negara tersebut.

Satu masalah yang besar sekarang ini ialah bagaimanakah pihak yang berkenaan, terutama sekali pihak Kementerian Perusahaan Utama untuk mengubah semula Perjanjian Getah Antarabangsa ini supaya kita tidak menanggung beban yang berterusan semoga kita dapat membuat satu kerjasama yang lebih bererti dengan negara-negara seperti Indonesia dan Thailand untuk menggubal semula perjanjian tersebut, ataupun kalau kita hendak melihat tentang masalah ini dari segi kos pengeluaran maka kewajipan yang berat terpaksa diatasi dan dipikul oleh pihak RRI khususnya ialah sejauh mana kita dapat mengurangkan kos pengeluaran kita. Ataupun dengan cara meninggikan daya pengeluaran getah kita, terutama sekali dalam keadaan di mana penawaran

buruh makin lama makin sukar untuk didapatkan.

Saya diberitahu bahawa usaha seperti memperbaiki kecekapan pisau menoreh masih lagi di dalam proses untuk dihalusi. Saya juga diberitahu bahawa usaha untuk membuat satu cara menoreh yang lebih cekap atau dengan cara mengkhususkan kerja menoreh dengan kerja mengutip susu getah.

Jadi saya faham tentang masalah yang dihadapi dalam soal ini tetapi jika sekiranya kita meletakkan beban penyelidikan kepada pihak yang berkenaan untuk perancangan dan seterusnya perlaksanaan maka saya percaya pihak MRDB dan seterusnya RRI menumpukan tenaga penyelidikannya kepada aspek-aspek yang seperti saya nyatakan tadi.

Akhirnya, saya hendak menyentuh satu perkara lagi iaitu mengenai pindaan yang memberi peranan yang lebih nyata kepada pihak sektor pekebun kecil. Saya pernah mendengar dua tiga tahun yang lalu di mana ada pihak yang berkenaan dengan industri getah menyatakan bahawa RRI agar mendiskriminasi dari segi penyelidikan sebegitu rupa sehingga dia mementingkan pihak ladang-ladang yang besar. Yang bererti bahawa apa jua penyelidikan yang dapat diwujudkan daripada RRI adalah untuk digunakan secara langsung oleh pihak ladang-ladang besar. Mungkin perasaan ini benar ataupun mungkin tidak, mungkin ianya bukan sepatutnya disalahkan di peringkat RRI tetapi mungkin dapat diletakkan beban tersebut kepada pihak yang melaksanakan apa juga penemuan-penemuan yang didapati daripada RRI.

Sungguhpun begitu kita telah tiba di peringkat di mana pihak Kementerian sudah memberi peruntukan secara khusus terhadap peranan pekebun kecil dan selain daripada menumpukan perhatian mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan daya pengeluaran dan seterusnya mengatasi masalah kesukaran buruh untuk sektor industri getah ini, saya mengajurkan juga supaya pihak MRDB dan pihak RRI membuat tumpuan yang sewajarnya kepada masalah pekebun kecil, sekurang-kurangnya di peringkat penyelidikan. Adalah tidak wajar jika sekiranya kita meletakkan masalah pekebun kecil hanya kepada pihak RISDA

kerana saya percaya dengan kerjasama yang lebih erat antara RISDA yang sewajarnya melaksanakan penemuan-penemuan yang baik maka pihak RRI mestilah membuat penyelidikan yang bererti untuk kepentingan pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja beberapa pandangan yang dapat saya sampaikan mengenai Rang Undang-undang inL dan seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian dan dengan ini saya menyokong Akta untuk meminda Ordinan-ordinan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Maasom.

4.27 ptg

Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama, membahaskan Rang Undang-undang Berkanun Getah yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama di dalam Dewan ini.

Saya percaya tujuan membawa pindaan kepada Rang Undang-undang Berkanun Getah ini adalah satu tujuan yang baik, tujuan yang pihak Kerajaan sendiri telah memikirkan begitu lama sejak perusahaan getah ini ada di dalam negara kita. Maka tujuan membawa kepada pindaan Ordinan Kumpulanwang Getah Malaysia (Penyelidikan Kemajuan) 1958 dan Instituit Penyelidikan Getah 1966 adalah merupakan satu usaha Kerajaan untuk terus menjamin nasib getah, mutu getah, pemasaran getah, pekebun-pekebun kecil getah yang ada di dalam negara kita.

Pada hakikatnya setelah saya mendengar daripada apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini tadi ialah untuk mengukuhkan dan melicinkan lagi kedua-dua badan utama mengenai perusahaan getah negara kita ini dengan menambah seorang lagi wakil daripada pekebun-pekebun kecil getah dan menambahkan seorang pula daripada Sabah dan seorang daripada Sarawak. Kerana selain daripada Semenanjung, di Sabah dan Sarawak juga banyak kebun-kebun getah

sama ada pekebun-pekebun kecil ataupun ladang-ladang. Dengan ini terlihat bahawa Kerajaan memberikan satu keutamaan kepada rakyat yang benar-benar terlibat dengan perusahaan getah ini supaya masalah-masalahnya dan nasib hidupnya dari satu masa ke satu masa terus dapat diperhatikan dan dipertingkatkan. Maka usaha Kerajaan di dalam menyelesaikan masalah pengusaha getah di dalam negara ini saya ucapkan terima kasih dan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan pindaan-pindaan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang ada hubung kaitnya dengan getah dengan mereka yang ada kaitan langsung dengan getah, kerana getah merupakan satu perusahaan utama negara kita.

Oleh kerana saya datang daripada luar bandar, saya duduk di kawasan di mana petani-petani, pekebun-pekebun kecil getah, maka saya menganggap bahawa pekebun-pekebun kecil getah ini juga merupakan satu nadi utama dalam sektor pengeluaran getah negara kita sejak daripada berpuluh ataupun 100 tahun yang lampau, sejak getah ini diperkenalkan di dalam negara kita. Jadi getah merupakan perusahaan utama dan rakyat yang ada kena mengena dengan getah juga merupakan rakyat yang utama dalam negara kita.

Saya tidak akan menyentuh mengenai dengan tuanpunya-tuanpunya ladang yang besar-besar, yang saya tahu ialah masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Apa lagi jika kita melihat perkembangan-perkembangan jatuh bangunnya pekebun-pekebun kecil getah di dalam meneruskan hidup mereka yang semata-mata bergantung kepada getah.

Cerita getah ini, Tuan Yang di-Pertua, satu masa dahulu, orang yang berumur hampir 50 atau 50 tahun ke atas akan mengingat cerita bagaimana getah daripada Jambi diseludupkan ke sini, bagaimana getah tidak laku di zaman Jepun, getah tidak bertoreh. Di zaman Jepun orang menggunakan kasut daripada getah yang dibuat sendiri, kemudian apabila berlaku perang Korea, getah naik dengan harga yang tinggi \$2.50 satu kati, gaji guru normal pada masa itu, dan saya juga menjadi guru normal tahun 1953 gajinya \$40, sedangkan

getah \$2.50 sekati, orang yang menoreh getah 4 kati dapat \$10, dia act di depan cikgu, tetapi orang ini, penoreh-penoreh getah tinggalkan kebunnya, penoreh-penoreh getah simpan pisau menoreh getah menjadikan khazanah di rumah masing-masing, takung-takung getah sungguhpun sudah bertukar corak, katau dahulu takung-takung getah daripada tin minyak gas, kemudian diganti kepada tin aluminium, dan diganti pula melalui pusat kumpulan yang dianjurkan oleh RISDA dengan tong yang panjang, yang disekat-sekat, ini semua sekali merupakan usaha-usaha Kerajaan untuk menaikkan lagi taraf petani-petani, pekebun-pekebun kecil getah. Tetapi pada hari ini keadaan harga getah jatuh, maka tong aluminium entah ke mana, takung yang baik entah ke mana, cawan getah yang kalau dahulu tempurung, digantikan dengan cawan plastik pun entah ke mana, tinggal kesemuanya, inilah nasib pekebun-pekebun kecil getah, Tuan Yang di-Pertua.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya percaya dengan adanya pindaan ini di bawa ke dalam Dewan untuk diluluskan, akan memberi satu cahaya baru kepada pekebun-pekebun kecil di dalam meneruskan hidupnya, yang sentiasa bergantung kepada getah. Ini berlainan sekali, Tuan Yang di-Pertua, dengan pengusaha-pengusaha getah cara berladang kerana tuannya-tuannya ladang yang besar-besar, yang keluasanya beribu-ribu hektar ataupun tuannya-tuannya kebun getah yang keluasanya lebih daripada 10 hektar misalnya, kerana istilah pekebun kecil ini ialah orang yang mempunyai kebun di bawah 100 ekar kalau tidak salah saya sehingga sekarang masih kekal dengan cara itu. Mereka yang terlibat dengan perusahaan getah secara besar-besaran ini tidak merasakan sangat himpit-himpitan dan tekanan-tekanan yang berlaku terhadap sumber getah daripada masa ke semasa. Tetapi sepertimana yang saya katakan tadi, pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kebun getah di bawah paras 2 hektar dan penoreh-penoreh getah yang semata-mata memperagakan tulang empat keratnya dengan mengambil upah secara pawah atau bahagi dua dengan orang-orang kampung yang dianggap kaya, kerana ada kebun getah 10-15 ekar.

Orang kampung yang dianggap kaya, maka adalah orang-orang kampung yang menoreh membahagi dua untuk menyuap mulut keluarga, untuk mengisi periuk nasi anak isterinya, untuk perbelanjaan persekolahan anak-anaknya dan keperluan-keperluan yang lain.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terasa sangat peritnya, sekalipun sepertimana yang telah diterangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini beberapa kali bahawa paras kemiskinan di negara kita ini tidaklah begitu teruk, tidak begitu hebat seperti yang berlaku kepada rakyat beberapa buah negara sekarang ini. Tetapi pada hakikatnya kemiskinan di dalam negara kita ini, saya katakan kemiskinan ala Malaysia. Jadi kalau pendapatan \$70 atau \$100 satu bulan adalah miskin untuk mendapatkan perbelanjaan cukup bagi keluarga seorang pekebun kecil yang mempunyai 7 orang atau 8 orang anak. Sungguhpun perancang keluarga masuk juga ke kempen RISDA kepada pekebun-pekebun kecil, tetapi pekebun-pekebun kecil juga tetap masih mempunyai anak 7, 8 dan 10 orang. Jadi dengan pendapatan \$70 sehingga \$120 atau \$150 sebulan itu untuk menyara satu keluarga yang mempunyai anak 7, 8 atau 10 orang dengan makanannya, dengan pakaiannya dan persekolahan anak-anaknya dan dibandingkan dengan keadaan taraf hidup hari ini, dengan melambungnyanya nilai barang-barang keperluan sehari-hari. Kalau kita dahulu sekolah cukup dengan perbelanjaan 50,100 sehari kerana nasi lemak boleh dibeli dengan harga 50 dan kenyang dimakan untuk 4-5 jam sehingga balik tengahari, tetapi anak hari ini pergi sekolah dengan belanja 50 tidak dapat hendak membeli apa-apa, sedangkan makan yang dijual di kantin sekolah yang tidak mendatangkan khasiat itupun berat bagi setengah-setengah ibu bapa pekebun kecil untuk memberikan belanja kepada anaknya sekolah setiap hari. Sebab itu Kerajaan kita melancarkan satu projek yang dikatakan Amalan Makanan dan Pemakanan diberikan makanan kepada anak-anak petani-petani miskin di sekolah-sekolah luar bandar. Kerajaan sedar bahawa adanya anak-anak orang-orang kampung, anak-anak petani-petani kecil, pekebun-pekebun kecil ini pergi sekolah tidak sarapan, maka diadakan projek AMP (Amalan Makanan dan Pemakanan).

Saya berterima kasih dengan usaha ini dan kalau boleh usaha-usaha ini tidaklah semata-mata datang daripada tabung lain, untuk anak-anak pekebun-pekebun kecil atau duit yang diberikan kepada mee goreng, nasi lemak ataupun ondeh-ondeh untuk anak-anak pekebun-pekebun kecil ini daripada cukai ses getah, dikeluarkan daripada cukai ses getah yang dikenakan kepada petani-petani ini, sebab kalau kita dengar radio ada satu ruangan yang menyiarkan harga pasaran getah, sayapun tidak tahu hendak sebut, begitu, begini, begitu begini, cukai sesnya sekian. Jadi cukai ses ini ditarik berapa peratus daripada dikhususkan kepada anak-anak petani-petani kecil, pekebun-pekebun kecil getah, Ini dapat meringankan sedikit bebanan daripada Kementerian yang melaksanakan projek ini. Sekarang ini kita menyedari bahawa kejatuhan harga getah di pasaran dunia, setengah orang di kampung bercakap kerana harga getah kita ini yang menentukan pembeli, bukan penjual, kita yang punya getah, kita tidak tentukan harga, sebab itu kenyataan hari ini, kenyataan daripada Timbalan Yang di-Pertua Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia, Datuk Haji Ahmad Arshad, meminta supaya Kerajaan mengkaji semula perjanjian mengenai dengan getah ini dengan beberapa badan antarabangsa itu dikaji semula.

Maka saya juga berharap supaya Kerajaan kita mengambil kira cadangan daripada Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Getah itu untuk difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada setengah juta pekebun-pekebun kecil getah, ini saya kena membetulkan sedikit jawapan daripada Yang Berhormat Menteri semalam sewaktu kita membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, saya tak kata 500,000 atau setengah juta pekebun kecil tidak menerima konsep tanam semula, saya kata setengah juta atau 500,000 petani-petani kecil pekebun-pekebun getah ini belum kesemuanya merasai nikmat tanam semula dan ini diakui dalam jawapan itu bahawa rancangan penanaman semula ini baru terlaksana sebanyak 60 daripada setengah juta pekebun kecil. Jadi 40% daripada setengah juta, maknanya 200,000 lagi pekebun-pekebun kecil getah ini belum merasai nikmat bantuan

\$2,000 untuk tanam semula, terutama pekebun-pekebun kecil di daerah-daerah pedalaman di mana kampung-kampung yang kemudahan asasnya tak ada di Hulu Kelantan, di Manik Urai, di Dabong, di Jeli, di Merapoh, di Padang Tengku, tempat-tempat ini saya biasa pergi sebab pokok getahnya masih 3 pemeluk, ertinya getah yang ditanam 70-80 tahun dahulu.

Jadi, ini maksud saya semalam ialah sebahagian daripada 500,000 pekebun kecil belum merasai nikmat RISDA ini. Kerana apa? Tentu kajian sudah dibuat, saya percaya. Kajian sudah dibuat ialah kerana mereka ini paling senang cakupnya ialah tidak mahu mengubah sikap, ini jawapan kita, kerana petani pekebun kecil kita tak mahu mengubah sikap. Apakah benar mereka tak mahu mengubah sikap? Kalau kita buat temuduga ke kampung siapa tak hendak duit banyak? Kalau ada dua orang yang kata saya tak mahu duit, itu kita hantar ke Tampoi cepat-cepat atau hantar ke Tanjong Rambutan kalau ada orang kata tak mahu duit, sebab tujuan RISDA membuat itu, membuat ini, macam-macam projek ini ialah untuk menambahkan pendapatan pekebun kecil. Jadi kalau ada pekebun kecil yang kata tidak mahu menambahkan pendapatannya, ini sudah di luar dugaan sama sekali.

Jadi, apa yang saya fikirkan ialah kerana mereka ini kebunnya 2 ekar, 3 ekar, kebun pusaka yang ditinggalkan oleh orang tuanya 2 ekar, kemudian adik-beradiknya 10, hendak menanam semula kebun pusaka inipun satu masalah juga, hendak kena kumpul adik-beradik, hendak kena mengakui serah kepada si polan yang akan menerima cek bantuan. Ini yang menjadi cerita lambat orang kita di luar bandar ini hendak menerima konsep ini. Jadi kalau ada cara-cara yang baik, maknanya saya pohon kepada pihak agensi yang dipertanggungjawabkan mengenai dengan masalah ini supaya mencari jalan yang lebih mudah, maknanya dipermudahkan supaya setengah juta pekebun-pekebun kecil getah ini kesemuanya dapat merasai nikmat bantuan tanam semula getah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berkunjung ke satu daerah pedalaman di Batu

Pahat di mana sekitar kawasan itu kesemuanya daripada pekebun-pekebun kecil getah, sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar atau tidak bahawa getah di kampung yang dilawatnya itu di Parit Basri, di Parit Karjo, di Seri Medan di Batu Pahat itu bahawa getah itu tidak mahu membesar, 6 tahun lilitnya tetap juga sebesar paha. Kalau sebesar paha itupun sudah boleh juga ditoreh, kalau ikut peraturan sekarang ini kerana getah cantum, getah tanam dengan baka baik ini walau kecil pun susunanya banyak, tetapi getah di situ ialah kerana kawasan itu kawasannya sering tenggelam, sering dilanda banjir. Dalam satu tahun, 3 bulan kampung-kampung di sekitar Mukim Seri Medan di Parit Sulong itu ditenggelami oleh banjir. Jadi, kalau tanah di situ sudah tidak sesuai dengan tanam getah, beri sahajalah opsyen. Kalau kita beri can kepada orang telekom nanti hendak pilih bersarakah, hendak pilih kerja dengan swasta, kita beri pilihan kepada rakyat di situ, tanah tuan-tuan ini tepi sungai, selalu banjir, kami beri pilihan tanam getah atau kelapa sawit. Kalau tanam getah, getahnya kontot-kontot. Kalau tanam kelapa sawit kelapa sawitnya cepat membesar kerana tanah ini sesuai. Ini saya buktikan 3 batu atau 4 batu daripada kampung itu di persekitaran Tongkang Pecah Kampung Bindu, kebun getah sudah tidak ada lagi, semua sudah bertukar dengan kelapa sawit, kelapa sawitnya subur-subur serupa dengan rancangan tanah FELDA. Jadi, orang pun seronok, sebab itu sekarang banyak orang bertanam kelapa sawit.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, ladang-ladang besar dalam negara kita irii yang orang kenal dengan nama estet, banyak yang sudah tebang getahnya, tanam kelapa sawit. Saya contohkan satu daripadanya Tanah Merah Estate di Port Dickson, Negeri Sembilan Barat. Tanah Merah Estate ini luasnya daripada Pekan Lukut sampai Pekan Sepang, berapa jauh itu? 13 batu. Kemudian, di estet itu mempunyai seksyen-seksyennya yang orang kampung sana kenal sehingga ada 12 seksyen, 12 pengurus kecil, 'tuan kecil' kata orang kampung. Jadi, ini semua sudah tebang pokok getah, ganti kelapa sawit. Kemudian, kampung di sekeliling estet itu RISDA pertahankan kepada orang kampung tetap tanam

getah sedangkan orang kampung tengok estet sudah tebang getah, yang kita suruh tanam getah. Ini sebab saya mempertahankan nasib pekebun-pekebun kecil getah. Kalau dahulu ladang-ladang ini bertanam dengan getah dan juga ladang-ladang lain kalau kita berjalan daripada utara ke selatan negara kita ini, sama ada ladang-ladang yang dipunyai oleh kompeni-kompeni besar dalam negara ini banyak yang sudah tebang pokok getahnya, ganti dengan kelapa sawit. Jadi, kalau benar-benar getah ini merupakan sumber negara, hasil negara dan sekarang ini kita hendak membuat satu pindaan untuk hendak menyelamatkan masalah getah ini, maka saya minta supaya nasib rakyat yang bergantung kepada getah ini diperhatikan betul-betul dan saya percaya inipun usaha-usaha Kerajaan untuk hendak menyelamatkan nasib pekebun-pekebun kecil.

Tahun 1974 berlaku peristiwa tunjuk perasaan pekebun-pekebun kecil getah di Baling, Kedah. Kawasan Baling itu daripada Kuala Ketil sampai ke Air Panas, sempadan Betong/Negeri Thai, kebun getah pekebun kecil daerah pendalaman. Kalau kita perhatikan keadaan pekebun-pekebun kecil getah di kawasan itu amat sedih, menoreh daripada pukul 5.00 pagi sampai pukul 10.00 dapat 2 keping kerana mendaki bukit, menuruni lurah, pikul tong, balik hendak membeku getah, hendak memesin lagi, dapat 2 keping. 2 keping itu timbangnya 6 kati. Maka berlakulah peristiwa tahun 1974 tunjuk perasaan di Baling mengatakan tunjuk perasaan kerana kebuluran pekebun-pekebun kecil.

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, peristiwa tunjuk perasaan di Baling itu apabila saya tilik daripada kaca mata politik, itu adalah alat satu golongan tertentu dalam negara kita hendak menggunakan kaum tani ini, kaum pekebun kecil kerana ekorannya daripada tunjuk perasaan di Baling, berlaku juga tunjuk perasaan setingan-setingan di Johor Bahru. Ini permainan politik, satu golongan tertentu, ini saya sedar, tetapi hakikatnya bahawa memang nasib petani-petani atau pekebun-pekebun kecil di daerah-daerah yang saya sebutkan tadi di Padang Terap, di Sik, di Baling, di Keroh, Jalan Klian Intan sana, nasibnya memang teruk, di Hilir Perak sebahagiannya, di Hulu Selangor, di Kampung Sungai Gesir, Sungai Padi, Sungai Selisik, di Behrang, kemudian di sebelah Hulu

Langat sini, di sempadan Ulu Lui, sempadan dengan Negeri Sembilan, di Johor sana daerah-daerah yang di pendalaman lagi nasib petani-petani pekebun kecil yang jumlahnya setengah juta itu yang masih 40% belum menerima nikmat daripada rancangan dan projek RISDA inilah saya tekankan di dalam saya memberikan sokongan di dalam pindaan ini.

Ini saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya biasa pergi ke tempat-tempat seluruh pelusuk kampung-kampung dalam negara kita ini, berpuluh-puluh tahun sudah, bukan sehari dua, berpuluh tahun saya pergi kempen, saya pergi memberi ceramah, keluar masuk kampung, apabila tanya penduduk di sini apa hasil sumber? Tanam padi. Tanam padi kita pun teringatlah nanti masalah LPNnya kerana apabila kita singgah, apa hasilnya; kebun getah. Jadi teringatlah calung atau mangkuk getah yang sudah tidak berisi getah lagi.

Sungguhpun RISDA di dalam usaha-usahanya, saya tahu sebab saya pun beberapa kali diminta oleh RISDA dalam gerakan penerangannya memberi ceramah di kampung-kampung dengan kelompoknya, dengan asramanya, dengan RISDANYA, dengan Perkumpulan Wanitanya dan sebagainya, saya tahu usaha-usaha ini tetapi usaha-usaha ini pada saya, saya nampak terlalu lambat mencapai kepada maksud yang dikehendaki, maksud yang dituju. Ini ada juga sebab-sebabnya kerana selain daripada kelemahan, lambat penerimaan pekebun-pekebun kecil getah kita dengan konsep yang disarankan oleh RISDA ini, kalau di dalam mengumpul getah ini oleh MARDEC misalnya, dalam negeri kita ini dahulu ada beberapa tempat pusat-pusat mengumpul getah, misalnya seperti di Mero, Kelang sana mengumpul getah, sekarang oleh kerana orang di kawasan Mero, Bukit Kapar lebih suka tanam kelapa sawit, maka tebang pokok getah; Pusat Kelompok Getah MARDEC pun hidup segan mati tak mahu. Begitu juga dengan Pusat MARDEC di Rantau, Negeri Sembilan yang terbakar, tak tahu cerita hujung pangkalnya begitu juga. Kemudian berlakulah peristiwa-peristiwa yang menyedihkan yang tak patut saya sebut dalam Dewan ini; maknanya kelemahan-kelemahan daripada orang-orang RISDA sendiri yang menimbulkan kadang-kadang kebencian dan kemarahan rakyat. Jadi cubit

peha kanan, peha kiri kita sakit. Tepuk air di dulang, muka saya juga yang basah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah ini sungguhpun Yang Berhormat Menteri menganggap kecil tetapi bagi rakyat jembel, bagi rakyat kecil, ini besar, perkara-perkara seperti ini besar. Masalah kebun yang tak ditebang, kebun yang tak di tanam semula tetapi dalam rekod sana kata sudah ditebang, sudah ditanam semula, bantuannya lesap entah ke mana, berlaku. Kebun yang masih semak, lalang subur, bantuannya keluar juga, sampai bantuan yang keenam, tengok pokok getah tak ada. Ini berlaku. Ini maknanya salah dua-dua pihaklah. Yang punya kebun pun salah kerana hendakkan duit bantuan sahaja. Adakah perkara-perkara yang seperti ini akan dibiarkan begitu sahaja. Sungguhpun tindakan-tindakan mahkamah dibuat, dibawa ke mahkamah, dibicarakan, jatuh hukuman, sabit kesalahan, Kalau kita berpegang kepada selagi manusia ini bernama manusia, begitulah. Maknanya siapa yang tak cukup, tak puas, dia akan mencari jalan untuk memuaskan nafsunya sama ada dengan cara menipu, dengan cara mengkhianat tetapi nasib pekebun-pekebun kecil getah, nasib pekebun-pekebun kecil getah yang 40% daripadanya belum menerima nikmat ini.

Kemudian beberapa tahun dahulu, Tuan Yang di-Pertua, apabila dibuat kajian mengapa kebun-kebun getah daripada pekebun-pekebun kecil ini tidak mengeluarkan susu yang banyak, maka ini timbullah nyanyian bangau, oh bangau; oh pokok, oh pokok, kenapa tak keluar susu. Susu kata, susu oh susu, macam mana aku hendak keluar, kulit aku kering. Kulit, oh kulit, kenapa kering; macam mana aku tak kering; kau tak bubuh baja, kau sodok tiap-tiap hari. Baja, oh baja, kenapa kau tak datang; macam mana aku hendak datang; aku duduk bawah tangga. Jadi antara pokok dengan baja dengan tuan punya baja, yang menerima bantuan baja, yang memberi baja, ini ada pusingannya.

Kalau selama ini kita dengar cerita dan kita kadang-kadang pun marah juga dengan orang-orang kampung, sedangkan subsidi baja telah diberi tetapi tuan-tuan tidak bajakan kepada pokok, tuan-tuan bajakan kepada tangga sehingga tangga berlumut. Apa cara kita hendak

menyelamatkan masalah ini. Adakah hendak terus dengan kempen seperti itu. Orang yang dengar kempen tadi dia kata peduli apa. Baja, baja aku. Kau hendak cakap sepuluh jam cakaplah. Selepas itu dia jual, baja subsidi dijual dengan harga \$5 satu kampil, pokok getah tak berbaja juga, susu getah tak keluar juga.

Kadang-kadang ada pegawai RISDA yang berani, ini saya puji; ada pegawai RISDA yang bertanggungjawab ini memang dia berani, dia marah betul-betul, memang awak tak bertanggungjawab, awak ini lebih baik sedikit daripada yang di tepi jalan, katanya. Ada pegawai yang bertanggungjawab seperti itu. Itu maknanya dia bertanggungjawab kepada peranannya kerana dia ditugaskan dalam satu mukim. Kalau tak berjaya besok rekod untuk naik pangkat susah juga. Jadi dia kena buat kerja seperti itu. Orang kampung kata peduli apa. Kerajaan bagi saya baja, saya hendak jual, hendak curah ke tanahkah, saya hendak biarkan; itu saya punya fasallah. Banyak cakap aku report kepada BPR. Apabila sebut BPR masing-masing semua kecut.

Masalah susu tak mengalir tadi, Tuan Yang di-Pertua, satu masa dahulu pernah dikempenkan supaya rakyat menggunakan satu bahan kimia bagi menggalakkan pengeluaran susu. Maknanya disapukan dekat tapak turisan. Saya biasa memotong getah, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjadi guru dahulu, saya menoreh getah, saya biasa menanam getah, saya tahu mencantumkan getah, saya ada certificate cap 3 daun yang dikeluarkan oleh RISDA, saya berkursus, saya ada certificate itu, cap 3 daun, ertinya ada pengalaman mengenai tanam getah, mencantumkan getah, menjaga getah; yang saya tak ada pengalaman hendak naikkan harga getah. Ini Yang Berhormat Megat Junid kita ada pengalaman hendak naikkan harga getah. Insya-Allah harga getah akan naik selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahan kimia menggalakkan pengeluaran susu getah yang disapukan di tapak turisan tadi, tak tahulah sekarang ada lagi atau tidak benda ini, rupanya macam minyak grease, jadi apabila disapu ke tapak turisan, susu ini meliluh 24 jam, sampai penuh cawan yang besar, penuh baldi yang kecil. Cubalah kita fikir kalau susu itu keluar tak berhenti

akhirnya pokoknya mati. Jadi apabila kita tanya pokok, oh pokok, oh pokok, kena kau kuning. Macam mana aku tak kuning, susu aku keluar tak berhenti-henti. Susu, oh susu, kenapa kau keluar. Macam mana aku tak keluar, aku panas, aku disedut oleh kimia ini. Kimia, oh kimia, kenapa kau datang. RRIM dan RISDA suruh, katanya, sebab sudah dibuat di Sungai Buloh, disapu dekat tepi jalan. Kita pun pergi ke Sungai Buloh. Pada masa itu saya menoreh getah, dibawa satu bas pergi ke Sungai Buloh, tengok di sana pula macam mana. Jadi, di sini sekarang timbullah masalah.

Kata kita ini ada pakar-pakar yang tertentu mengenai dengan susu getah, hendak membanyakkan getah, begitu, begini. Manusia sekali lagi, selagi manusia ini bernama manusia, kesi-lapan itu tetap berlaku. Tetapi mengapa perkara yang seperti ini terlalu sangat dikedepankan kepada rakyat. Misalannya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Ghani tadi pisau memotong getah yang menggunakan alat bateri. Awal-awal sudah kempen, radio sudah siar, televisyen sudah siar, benda itu macam mana bentuknya.

Kemudian dengan benih yang sekarang ini dikatakan ada satu jenis benih yang 3% tahun sudah boleh mengeluarkan susu. Ini masih di Sungai Buloh, masih di Pusat Penyelidikan Getah. Orang kampung sudah tertunggu-tunggu mana benih, mana benih. Tempat saya bertanam getah ini di Chua, Port Dickson. Masa saya hendak tanam semula, saya kena beli benih melalui RISDA ini di Chembong, Rembau, Negri Sembilan. Benih di Chembong ini sudah dipotong tiga minggu, sungguhpun sudah dibubuh lilin di kanan kiri, dibubuh daun kering, dibungkus dengan guni tetapi apabila dikopek mata tunas, dilekatkan kepada pokok penanti - ini cerita tanam semula, itu certificate saya, mata tunas dikopek, dilekatkan ke pokok penanti, kita pun bungkus dengan tali guni - sekarang pakai plastik, tak hidup dia.

Apabila tidak hidup kita kenalah, tuan-tuan salah - awak menoreh ini, awak membuat mata tunas ini tengahari, mana boleh; dia kata. Sudah tengahari pula! Kita kenalah buat selepas kerja, Kesudahannya ceritanya tadi yang menerima nasib seperti nasib Pak Kadok ini tadi pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana nasib dengan seorang pekebun kecil yang hanya bergantung kepada hasil getah keringnya sebanyak tiga, empat kilo sehari, bagaimana? Inilah apa yang saya harapkan supaya PPPK ini atau Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil dalam RISDA, kemudian selain daripada itu, pusat ini di dalam gerak kempennya kepada masyarakat pekebun kecil ini menggalakkan orang supaya bertanam dengan tanaman tanaman selingan, selain daripada itu digalakkan pula supaya menterjak kambing-biri-biri, kemudian menternak ikan air tawar dan tanam sayur.

Ini kebun getah, lainlah kebun getah orang yang ada 50 - 60 hektar, orang yang ada 30 - 40 hektar kebun lain, kebun dia ada yang bukit, ada yang paya. Kalau kebun di kampung tanahnya datar seluas dua hektar, empat ekar hitung panjang kita di kampung-kampung dan geran tanah kita tiga ekar, empat ekar macam mana hendak tanam, hendak bela ikan air tawar, hendak bela kambing biri-biri.

Kalau boleh kambing biri-biri ini biarlah Jabatan Haiwan dia punya hallah, kalau kambing - kambing sahaja, kalau sayur-sayur, pertanian sahaja, hal getah, getah sahaja. Apabila getah bercampur dengan kambing jawabnya kambing berkejar di bawah pokok getah, apabila kambing berkejar di bawah pokok getah, kulit getah kopak, cawan getah tumpah, orang kampung marah, inilah encik suruh bela kambing. Ha, tengok bila bela kambing habis semuanya tumpah, habis kulit getah semua kopak, habis mata tunas semua diragut, habis pucuk muda semua diragut. Ini konsep bertindih, peranan ini sepatutnya diberhentikan.

Kalau kita yakin bahawa dengan mempunyai keluasan kebun yang tidak ekonomik seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sewaktu menjawab Ucapan Penangguhan mengenai kemiskinan di luar bandar, kawasan tanah yang tidak ekonomik ini maknanya dua ekar, tiga ekar, tidak ekonomik buat masa sekarang ini sebab peneroka FELDA yang di Ayer Itam, Johor sana yang diberi 8 ekar itupun apabila getah jatuh ini pendapatannya tinggal \$300. Apabila getah harga baik memang, Alhamdulillah, dapat \$800, bergaya betul dia. Apabila dapat \$300

menyumpahlah dia. Ini memang hal manusia selagi manusia bernama manusia.

Tuan Yang di-Pertua, peranan bertindih daripada agensi Kerajaan meminta, merayu belum sampai memaksa lagi, kita belum memaksa pekebun-pekebun kecil berbuat macam itu, merayu dan menggalakkan supaya ini difikirkan semula. Maknanya kalau kawasan itu getah yang memang semua setiap keping tanah di situ getah-getah tidak ada tempat kosong, tidak usah ceritalah hal lain - getah, getah sahaja. Kalau hendak beri dia menternak, beri dia padang ragut, beri satu kawasan lain. Tengok pula betul-betul, macam mana cara dia berternak, macam mana dia buat ternak kambing biri-biri, macam mana dia ternak kambing kacang, macam mana nanti dia ternak lembu, macam mana dia ternak selembu, cantuman daripada seladang dan lembu sehingga petani-petani di situ boleh mengeluarkan susu baharu, boleh mengeluarkan hasil daging yang cukup, kalau kita buka statistik atau perangkaan daripada keperluan daging dalam negara kita, kita tidak cukup, memang kita memerlukan daging. Kita hendak galakkan rakyat kita menternak secara besar-besaran. Ini semua merupakan satu konsep yang kalau cara itu rakyat tidak mahu terima, ini baru boleh kita katakan orang kita ini memang malas. Sekarang orang tidak kata orang kita malas, sebab takut kalau ada orang pergi ke kampung, memang kampung ini pemalas, kalau tidak naik penumbuk ke dahi tengoklah. Orang sekarang, pemimpin sekarang, kakitangan dan pegawai Kerajaan masuk ke kampung, dia tidak kata orang kampung malas. Dia kata, tuan-tuan kurang jimat menggunakan masa, tuan-tuan kurang bijaksana. Orang kampung apabila disebut kurang bijaksana, dia pun syoklah, ingat bijaksana itu samalah dengan keluar universiti, menara gading sebab sebut bijaksana, padahal kurang bijaksana itu serupalah dengan bodoh. Apabila dikatakan tuan-tuan kurang jimat menggunakan masa, maknanya samalah dengan pemalas tetapi bahasa itu halus, orang kampung dengar syok - dia dengar syok, langsung dia tidak kerja, kita telah bijaksana. Kita cuma kurang cermat sahaja guna masa, memang kurang cermat menggunakan masa.

Sekarang menoreh pukul 6.00 keluar dari rumah, pukul 9.00 balik duduk di warung, duduk di kedai kopi, setengahnya kalau telah

sampai suratkhbar, suratkhbar dia baca cerita perang Iraq dengan Iran, Kampuchea sampai lumat suratkhbar. Duduk sampai pukul 12.00 tengahari, hingga 1.00 petang, kemudian dia balik tidur sampai petang. Datang lagi balik ke kedai tadi main pula damna, padahal damna itu daripada tutup botol oren inipun, tengoklah 'bergasak' sehari semalam di situ. Ini masih berlaku.

Ini kita tidak hendak Salahkan dia pula. Kalau selama ini orang-orang ini tidak berlonggok di kedai kopi kerana di kampung tidak ada kedai kopi tetapi Kerajaan pula menggalkan membuka kedai-kedai kecil di kampung-kampung. Apabila ada kedai kecil di kampung-kampung, 'can' dialah. Ini bukan saya hendak salahkan sistem buat kedai di kampung, Kerajaan bukakan gerai tempat kita duduk minum kopi, beli barang runcit, menampal tayar basikal yang bocor. Kemudian mana yang pandai pula dia main orang kampung kata main macok, main mahjong. Dahulu main macok, main mahjong ini permainan orang suku Tionghualah, keturunan Tionghua, banyak orang Melayu sekarang yang di kampung-kampung yang main macok, main mahjong. Apabila balik pukul 2.00 pagi tidak sempat lagi lah besok hendak menoreh, sebab bangun kesiangan.

Tetapi kita tengok satu kaum lain pukul 2.00 pagi telah bawa motorsikal, basikal dengan tong-tong besar pergi ke kebun. Pukul 2.00 pagi, kita sudah jumpa lampu di bawah kebun getah, dicelah-celah pokok getah, pergilah ke Nilai, ke Batang Bena, dekat Pajang, dekat Mantin, dekat sebelah Tampin, kita tengok pula ada satu masyarakat bangsa keturunan dalam negara kita ini pukul 2.00 pagi sudah berada di bawah pokok getah. Pukul 7.00 pagi besok dia sudah berada di kebun sayur.

Kalau ini sahaja gambaran yang boleh kita sampaikan kepada masyarakat kita, kepada rakyat kita, kepada pekebun kecil, kalau orang ini mempunyai tanah empat ekar, tetapi boleh cara macam itu mengapa yang kita yang mempunyai empat ekar juga tidak boleh buat dengan cara yang macam itu. Konsep ini yang barangkali yang susah sangat sehingga Allahyarham Tun Razak terpaksa melancarkan berbagai-bagai usaha, berdikarilah, ubah sikaplah, revolusi hijaulah, macam-macam.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada hal-hal itu yang saya sebutkan tadi, maka saya memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri mengenai dengan cara-cara ataupun kebenaran menukarkan syarat tanaman daripada getah kepada kelapa sawit kerana ini berlaku di satu kawasan di Mukim 8, Batu Pahat, kawasan Seri Gading. Dahulu kawasan ini kawasan Parlimen Tun Hussein Onn. Sebelah kampung orang Melayu tidak boleh tukar syarat kepada kelapa sawit tetapi sebelah jalan itu, jalan kampung, ini bukan jalan raya, sebelah jalan tadi tanah itu dibolehkan tukar syarat kepada kelapa sawit, mengapa? Mengapa yang orang Melayu punya tidak boleh yang bukan Melayu boleh ditukar syarat daripada getah kepada kelapa sawit, kenapa ada pilih kasih? Kalau satu kampung itu, ini saya sebutkan Kampung Parit Rejau Sari namanya, satu lagi di Parit Yani.

Jadi kalau hendak disiasat, siasatlah. Saya tidak akan cakap secara rawak-rawak di dalam Dewan ini. Saya bertanggungjawab. Kalau sebelah kampung dibolehkan, mengapa sebelah kampung tak boleh? Jadi orang kampung bercakap, yalah sebab ditukar syarat itu bukan ada syarat, dia ada syarat nombor dua. Syarat nombor dua itu, faham-faham sahajalah. Apabila faham-faham sahajalah itu, maka besok beberapa bulan kemudian adalah yang kena cekup. Jadi apabila dia kena cekup, ini mesti orang perbuatan orang ini, yang tak dapat itu yang hantar petition, yang menghantar komplek, inilah busuk hati, semua ada 'phd' fitnah, hasad, dengki, tak boleh tengok orang senang sedikit, tak boleh tengok orang pakai kereta kilat sedikit, nak komplek, nak petition, hantar ke BPR, sedikit-sedikit BPR. Yang sebenarnya perkara ini adalah perkara yang menjadi lumrah dalam masyarakat kita di luar bandar, di kampung-kampung.

Dalam pindaan seksyen 15, memasukkan perenggan baru (ii) memberi bantuan kepada institusi pengajian tinggi di dalam mengajar dan melatih ahli-ahli teknologi tinggi getah. Ini memang sangat-sangat saya alu-alukan kerana sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak anak orang kampung, anak orang luar bandar, baik di Semenanjung, baik di Sabah, baik di Sarawak yang sudah belajar sampai ke

pusat pengajian tinggi, yang mana emak bapaknya adalah berpendapatan hasil daripada menoreh getah.

Jadi memang amat baik kalau bantuan kepada institusi pengajian tinggi ini dalam menentukannya satu kelompok daripada anak pekebun kecil getah ini supaya dia belajar setinggi-tingginya sehingga mahir dalam masalah getah. Jadi apabila dia keluar nanti membawa ijazah, dia balik kampung, dia pun bercerita, memang saya sekolah pun melalui hasil getah, saya pun 'anak getah', jadi saya akan kembali semula berkhidmat kepada masyarakat getah. Jadi ini semua bergetah, bergetah, bergetah.

Jadi barulah ada jaminan getah ini dapat benar-benar diyakini sebagai sumber pendapatan negara, orang-orang yang berhubung kait dengan getah ini penting dalam negara. Jadi kalau penting maka masalah hidupnya itu perlu kita pentingkan. Maka memperlihatkan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional di dalam mempertingkatkan lagi penyelidikan getah ini, saya mengharapkan supaya memang diutamakan khusus untuk anak-anak yang ketuar daripada kawasan-kawasan getah diberi keutamaan. Apabila wujudnya nanti sistem bantuan kepada institusi pengajian tinggi di dalam mengajar dan melatih mengenai dengan teknologi tinggi getah di dalam negara kita ini.

Jadi pindaan kepada seksyen 15A dan pindaan seksyen 16 ini memberikan kepada Lembaga ini supaya dapat lebih meluaskan lagi operasinya dan gerakannya untuk menyelamatkan getah, menyelamatkan orang-orang yang bersangkutan dengan getah. Saya alu-alukan dan saya ucapkan tahniah.

Pindaan seksyen 17A untuk membaiki lagi perjalanan Lembaga juga saya alu-alukan supaya Bersih, Cekap dan Amanah dan Kepimpinan Melalui Tauladan ini ada dalam Lembaga ini menjadi gambaran kepada rakyat.

Pindaan kepada seksyen 4, 6, 11 dan seksyen 12(1)(a) juga pindaan kepada seksyen 15(A) Akta RRIM ini adalah bertujuan untuk melicinkan lagi operasi Lembaga ini dan pindaan kepada seksyen 17(A) kepada Ordinan MRRDB ini juga adalah memperlihatkan usaha gigih Kerajaan di dalam hendak menyelamatkan masalah getah, mereka yang hidup

bergantung dengan getah, pekebun-pekebun kecil dan juga pekebun-pekebun besar yang ada hubungan dengan getah.

Kemudian masalah yang kedua selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pertukaran syarat, tadi saya sebutkan penukaran syarat tadi mengapa tanah kampung sebelah jalan ini boleh tukar, sebelah sini tak boleh tukar. Sekarang ini saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan, tukar syarat ladang-ladang besar, ladang-ladang besar getah kepada kelapasawit. Jadi kalau orang-orang kampung, orang yang ada kebun getah dua-tiga ekar hendak tukar syarat cukup susah kerana ada usaha-usaha kita hendak menyekat supaya getah ini jangan pupus, supaya getah ini jangan habis kerana kita bergantung kepada getah asli, dunia masih bergantung kepada getah asli keluaran Malaysia dan lain-lain negara sekeliling kita, tetapi kita juga merupakan pengeluar yang terbanyak.

Mengapakah kejadian-kejadian tukar syarat kepada ladang-ladang besar ini berlaku, berlaku secara besar-besaran? Jadi orang kampung, rakyat di luar bandar membuat andaian senang sahaja. Tengoklah estet semua sudah jadi ladang tanaman kelapasawit, yang kita masih bodoh-bodoh tunggu pokok getah. Pasal apa? Tanam kelapasawit tiga tahun sudah berbuah, kemudian kerja di kebun kelapasawit dalam sebulan hanya enam hari dan kerana dalam kebun kelapasawit ini satu bulan memetik tiga kali, memetik buah 1 haribulan, 10 haribulan dan 30 haribulan. Kemudian apabila enam bulan sekali disembur dengan racun, rumput rampainya, dia boleh rehat. Jadi masa yang 20 hari yang lain dia boleh guna untuk mencari usaha lain. Jadi pendapatan petani kecil yang ada bertanam kelapasawit dua hektar, empat-lima ekar itu sudah lumayan pada hari ini berbanding dengan golongan pekebun kecil getah tadi yang terpaksa bekerja setiap hari. Kalau hujan pula sudah gendala, tak boleh menoreh, kalau menoreh lepas hujan, kulit akan masam, torehan akan keluar cendawan, pokok akan mati.

Jadi orang tertarik, rakyat kampung, rakyat luar bandar, pekebun kecil getah tertarik bertanam kelapasawit. Jadi apakah yang kita hendak membuat pilihan, memberi pilihan kepada

rakyat itu tadi. Sebab gambarannya ada di hadapannya. Ladang-ladang bertanam kelapa-sawit.

Pihak kita disuruh bermati-matian mempertahankan getah, kemudian apabila harga getah turun, kita pun cakaplah di kampung: Tuan-tuan janganlah silap, harga getah jatuh ini kerana dunia sekarang dengan ketinggian pengajian sains dan teknologi, orang sudah menggunakan getah tiruan, jadi getah kita tidak laku, getah kita tidak banyak negara yang hendak beli dan stok simpanan getah negara-negara pembeli pun masih berlonggok-longgok. Sebab itulah getah ini jatuh harga. Jadi kalau simpanan stok di negara-negara pembeli itu besok berkurangan, insya Allah getah akan naik harga lagi. Apa nasihat saya pada tuan-tuan semua semasa harga getah jatuh ini, cubalah berusaha memperbagaikan tanaman-tanaman lain. Rakyat pun menerimalah, rakyat pun enggeh, rakyat pun mengangguk kepala.

Jadi apakah yang sebenarnya usaha-usaha kita untuk memperbagaikan penggunaan getah di dalam negara kita ini sendiri? Yang keluar dalam TV selain daripada tapak kasut dengan tayar, masak getah itulah, maknanya industri getah yang ada dalam negara kita. Kalau ada yang lain, alhamdulillah, kalau Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan kepada saya dalam Dewan ini apakah industri-industri besar yang ada dalam negara ini yang ada hubungan kait dengan getah yang dapat dijadikan bahan eksport kita ke luar negeri selain daripada getah kerintil.

Apa yang saya tahu sekarang ini getah kita dibawa keluar melalui sistem getah kerintil. Apabila getah kerintil, harganya tinggi, nombor satu. Sedangkan getah kerintil ini juga asalnya daripada getah kampung, getah seke- rap, getah beku, getah cair, tetapi apabila orang kampung jual getah di kedai, harga di sana ada lima peringkat. Orang kampung punya, orang kampung di Semenanjung, orang kampung di Sabah, orang kampung di Sarawak getah dia jatuh nombor empat. Mana yang ada rumah asap berkelompok boleh jual dapat harga nombor tiga. Itupun ditayang hendak tengok cahaya matahari, nampak cahaya atau tidak. Ini berlaku di kampung, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya tengok sendiri caranya macam itu.

Jadi sistem kita sekarang ini hanya ada getah kerintil dibawa keluar untuk dieksport. Jadi apa masalahnya sekarang ini kalau kita sendiri, maknanya Kerajaan kita atau ada pihak swasta untuk membangunkan industri getah kita ini supaya apabila dijadikan bahan eksport harganya tinggi, dengan sendirinya nilai pembelian getah hasil daripada pekebun-pekebun kecil getah ini akan tinggi.

Kemudian kalaulah contoh sewaktu kita membahaskan di dalam Akta Industri Berasaskan Kayu, ertinya kayu-kayu getah, pokok getah pun tidak terbuang. Kemudian tujuh, lapan tahun dahulu di Negeri Sembilan terutama sekali ladang-ladang getah menebang pokok getahnya dan kayu-kayu getah ini dibeli oleh satu kompeni daripada luar negeri dibawa ke Pelabuhan Kelang sana. Mengikut khabar dan cerita, kayu getah yang dipotong 6 kaki, 6 kaki itu diproses dijadikan debu, dijadikan dedak, kemudian dibawa ke kapal, dibawa ke Negeri Jepun. Kalau sampai orang Jepun boleh memberi batang kayu getah kita yang kita tidak gunakan itu, adakah maknanya penyiasatan kita, kajian dalam negara kita ini belum mampu sampai kepada mengkaji ke taraf itu.

Kalau belum mampu mengkaji sampai ke taraf itu, alangkah sayangnya kalau sekarang ini masih banyak lagi bahan-bahan itu terbuang dan terbiar begitu sahaja. Yang kita berharap supaya kayu-kayu getah orang yang berselerak dalam negara kita Semenanjung, Sabah dan Sarawak ini tidak terbiar begitu sahaja menjadi lapuk, menjadi tempat cendawan dan menjadi tempat kulat timbul selepas hujan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kalau orang hendak cari kayu getah memang sudah susah sebab sudah kurang sangat kebun getah sekarang. Orang terpaksa kalau hendak kenduri-kendara sekarang kena pergi cari dapur gas yang besar. Di kampung pun sekarang hendak cari kayu getah hendak buat kayu api, hendak buat masak nasi minyak, masak beriani pun susah.

Oleh itu, di dalam saya menyokong Akta ini untuk diluluskan sekali lagi saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat dengan masalah getah, masalah nasib pekebun-pekebun kecil getah supaya memainkan peranan yang lebih berkesan. Saya

berterima kasih kepada peranan-peranan agensi-agensi yang ada hubungannya dengan getah seperti RISDA, RRIM, MARDEC dan sebagainya yang sebanyak sedikit selama telah pun memberi nasihat, tunjukajar, bantuan kepada rakyat kepada petani-petani, pekebun kecil getah. Namun saya masih berharap supaya badan-badan ini, agensi-agensi ini akan terus melipatgandakan usahanya di dalam menentukan nasib hidup rakyat kita yang bergantung dengan getah. Kerana kita tidak mahu berterusan kebun-kebun getah ditinggalkan.

Sekarang ini saya tidak tahu kalau RISDA ada membuat kajian atau MARDEC atau agensi yang lain ada membuat kajian, berapa puluh ribu hektar tanah kebun getah kecil yang tidak ditoreh sekarang ini yang ditinggalkan begitu sahaja. Kalau ini ada angka-angka sepatutnya direnung mengapa kebun getah ditinggal, mengapa orang tidak mahu menoreh? Sehingga nanti kita terpaksa pula memanggil buruh menoreh getah daripada negara lain. Kalau ini juga berlaku, alangkah malangnya kita. Khabarnya padi akan menggunakan buruh daripada Bangladesh. Usahawan-usahawan pembinaan menggunakan buruh dari Indonesia, hendak mengetam padi di Jelapang padi Kedah menggunakan buruh mengetam padi daripada negeri Thai. Jadi, besok kalau kita tengok sudah begitu banyak kebun getah ditinggalkan tidak ditoreh kita terpaksa pula mengimport buruh daripada satu negara lain yang terpaksa diberi kursus untuk menoreh getah.

Mengapa keadaan ini berlaku dan kalau kajian telah dibuat jumlah keluasan sekian ribu, sekian puluh ribu hektar tanah getah yang ditinggalkan tidak ditoreh, tidak mengeluarkan hasil maka sepatutnya ada satu jawapan daripada pihak Kerajaan mengapa keadaan ini berlaku dan bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini akhirnya saya menyokong Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dan Akta Institut Pengajian Getah Malaysia 1966 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dengan ucapan semoga

kita sama diberi taufik dan hidayah di dalam melaksanakan rancangan untuk menyelamatkan hal getah yang-ada hubung kait dengan rakyat kita. Sekian, terima kasih.

5.26 ptg.

Tuan Nasir bin Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan bernama suatu Akta Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya bagi Penyelidikan dan Kemajuan 1958 dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966. Memang wajar penukaran ini dibuat dalam pindaan-pindaan kepada tajuk panjang seksyen 1, seksyen 7 dan bahagian-bahagian seksyen 15 dan 16 berhubung dengan penggantian perkataan 'The Federation' dengan perkataan 'Malaysia'.

Tuan Yang di-Pertua, dan begitu juga pindaan kepada seksyen 4 dan seksyen 3 Ordinan bertujuan membuat peruntukan bagi perlantikan wakil-wakil yang berasingan bagi Kerajaan-kerajaan Sabah dan Sarawak dalam Lembaga. Dan kalau kita perhatikan di perenggan B pindaan mengenai seksyen 15 Ordinan bermaksud memasukkan perenggan baru 2 ke dalam seksyen itu untuk memberi kuasa kepada Lembaga memberi bantuan kepada Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang mengajar dan melatih ahli-ahli teknologi getah asli sebagai satu daripada displinnya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini saya suka menarik perhatian beberapa perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini. Sebelum itu saya suka mengemukakan aspek keluasan tanah tanaman getah yang kita boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu tanaman getah estet dan tanaman getah pekebun kecil dan kalau kita membuat kajian statistiknya, keluasan tanah getah atas nama estet dan atas nama pekebun kecil, keluasan tanah getah estet semakin lama semakin berkurangan. Tetapi kalau kita perhatikan keluasan tanah pekebun-pekebun kecil semakin lama, semakin luas. Ini barangkali kita memberi suatu aspek yang tertentu keluasan tanah pekebun-pekebun kecil dari masa ke semasa yang bertambah luas. Ini berkemungkinan galkan daripada Kerajaan sendiri.

Atas itu, saya suka menarik perhatian di dalam Dewan ini berhubung dengan statistik keluasan tanah getah dari tahun 1960 hingga 1983 berkaitan dengan statistik keluasan tanah-tanah getah estet dan pekebun-pekebun kecil. Apabila kita dapat menentukan keluasan dari semasa ke semasa harus kita memikirkan apakah tanah-tanah getah yang berbentuk demikian keluasannya semakin lama semakin menurun dan keluasan tanah getah di satu bahagian pula semakin lama semakin luas. Dalam statistik yang kita terima untuk pengetahuan di Dewan ini dari tahun 1960 hingga tahun 1983 di sini saya menyarankan statistik keluasan dari segi keluasan hektar bagi estet-estet dahulu.

Misalannya dalam tahun 1960 keluasan tanaman getah estet bagi Semenanjung Malaysia 783,198 hektar dan dalam tahun 1961 luasnya 784,372 hektar. Untuk mengambil masa yang singkat biarlah saya membaca statistik ini secara melompat-lompat. Pada tahun 1965 keluasannya 752,632 hektar. Kemudian pada tahun 1968 menurun lagi pergi kepada 678,200 hektar. Pada tahun 1971 menurun lagi luasnya 631,600 hektar, dan tahun 1974 menurun juga telah menjadi seluas 574,200 hektar. Tahun 1977 luasnya menurun juga kepada 538,900 hektar dan pada tahun 1980 luasnya sudah pergi kepada 491,600 hektar, dan pada tahun 1983 sudah pergi kepada 452,800 hektar. Di sini cuba kita mengambil perhatian terutama sekali kepada Kementerian yang berkenaan dari segi statistik yang kita terima dari tahun 1960 hingga 1983 dari 783,198 hektar pada tahun 1960 tetapi pada tahun 1983 telah menjadi kepada 452,800 hektar.

Di sini kita boleh mengambil kesimpulan pengurangan penanaman getah di estet-estet telah menjangkau kepada 41%. Dari segi ini barangkali pihak Kerajaan patut mengambil kira dan mengambil perhatian mengapakah tanah-tanah getah estet semakin lama semakin berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apabila kita meneliti pula keluasan tanah pekebun kecil di Semenanjung Malaysia ini semakin lama semakin meningkat. Misalannya pada tahun 1960 luasnya cuma 765,992 hektar dan pada tahun 1965 sudah pergi kepada 1,002,667 hektar.

Pada tahun 1968 1,055,500 hektar, pada tahun 1971 1,806,500 hektar dan pada tahun 1983 sudah menjadi 1,230,350 hektar.

Daripada statistik yang kita terima ini kita boleh membuat satu kesimpulan penanaman getah di estet telah berkurangan dari semasa ke semasa tetapi penanaman pekebun-pekebun kecil telah meningkat daripada 765,992 hektar telah pergi kepada 1,230,350 hektar. Di sini cuma saya menarik perhatian di Dewan ini kalau kita meneliti kepada estet-estet seperti Sime Darby, Guthrie dan sebagainya sekarang mereka telah menebang getah-getah mereka dari semasa ke semasa dan mereka menanam kelapa sawit. Dalam hakikat ini saya berkeyakinan prestasi penanaman pokok kelapa sawit di masa-masa akan datang agak lebih baik pendapatannya dengan menanam pokok getah.

Di sini cuma saya mengambil perhatian kebelakangan ini dan pada masa-masa yang lalu walau apapun bentuk bantuan galakan yang diberikan oleh pihak Kerajaan memberikan kepada pekebun-pekebun kecil sama ada subsidi dan sebagainya, kalaulah pekebun-pekebun kecil itu mempunyai tanah ladang getah mereka tiga empat atau lima enam ekar maka kita menganggap kehidupan mereka adalah satu tahap kepada kemiskinan. Dan dengan cara yang demikian, perkara yang penting sekali untuk diambil perhatian oleh Kerajaan pengurangan tanaman getah di estet sekarang perlu dijaga oleh Kerajaan. Kalaulah misalannya Kerajaan tidak menjaga pengurangan tanaman getah kepada tanaman kelapa sawit oleh estet-estet berkemungkinan di satu masa akan datang semua estet-estet telah menanam kelapa sawit. Dengan ini saya merasai pihak Kerajaan perlu mengkaji ataupun dapat banciaan daripada estet-estet yang hendak mengubah tanaman getah mereka ke tanaman kelapa sawit. Kerajaan perlu membuat satu peraturan yang tertentu atau menghadkan misalannya tiap-tiap estet yang hendak menanam semula atau menanam kelapa sawit tidak melebihi 50% daripada keluasan tanah estetnya ataupun tidak melebihi daripada 60% atau sebagainya apa yang difikirkan oleh Kerajaan. Jadi, dengan masalah ini saya merasa tidaklah kita mengatakan getah yang wujud ataupun yang ada di negara kita ini tidak dibebankan kepada-

pekebun-pekebun kecil dan ini tidak menimbulkan masalah kepada negara kita di masa-masa akan datang berkemungkinan harga getah turun, berkemungkinan harga kelapa sawit turun.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya mengambil perhatian berhubung dengan pekebun-pekebun kecil pada kebiasaannya pekebun-pekebun kecil yang luas tanaman getah mereka agak tidak melebihi daripada 10 ekar dan apa yang saya perkatakan tadi kehidupan mereka, kita boleh menekankan dalam tahap kemiskinan, sekarang telah sampai masanya Kerajaan perlu menentukan kepada pekebun-pekebun kecil harus memberi galakan kepada tanaman mereka yang dapat memudahkan sekiranya kalau pekebun-pekebun kecil hendak menanam semula daripada tanaman getah kepada kelapa sawit. Dan sebagaimana yang diterangkan oleh seorang daripada rakan kita di Dewan ini kita berasa hairan bagaimana kita tidak mengambil perhatian yang serius sekali kepada penukaran estet tanaman getah kepada kelapa sawit tetapi kita masih menggalakkan lagi pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula tanah mereka kepada tanaman getah juga.

Satu skim yang kita tahu berhubung dengan Kredit Sara Hidup yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan yang biasanya memberikan bantuan Kredit Sara Hidup ini kepada pekebun-pekebun kecil yang hendak menanam semula getah kepada tanaman mereka. Apa yang kita ketahui Kredit Sara Hidup ini pada mulanya diberi \$ 100 kepada satu keluarga dan sekarang telah menurun kepada \$60 kepada satu keluarga. Daripada asas-asas ini kita boleh gunakan kepada pekebun-pekebun kecil yang hendak menukarkan tanaman mereka daripada tanaman getah kepada kelapa sawit. Jadi galakan-galakan ini maka perlu Kerajaan mengadakan satu agensi yang memberi galakan kepada pekebun-pekebun kecil yang hendak mengubah tanaman mereka daripada getah kepada kelapa sawit dan oleh sebab bantuan Kredit Sara Hidup ini apa yang diketahui Kerajaan memberi bantuan bulanan sebanyak \$60 ataupun \$ 100 kepada satu keluarga. Jadi dalam hakikat ini sama ada keluarga itu menanam getah 4 ekar, 5 ekar ataupun 8 ekar maka bantuannya sama.

Di sini saya menyarankan kepada pihak yang berkenaan, kita boleh mewujudkan Kredit Sara Hidup ini tetapi kita mesti ubahsuaikan daripada memberi kepada keluarga tetapi memberi kepada keluarga bercasaskan kepada luas tanah yang dikerjakan. Misalannya, kalau ada pekebun-pekebun kecil yang hendak menanam kelapa sawit, misalan 4 ekar, mungkin tidak sama dengan keluasan yang satu keluarga yang menanam sebanyak 8 ekar. Di sini saya menekankan wujud Kredit Sara Hidup ini perlu dikekalkan tetapi diubahsuaikan berbentuk daripada keluasan-keluasan tanah, daripada bantuan yang sedikit sampailah kepada 10 ekar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menyentuh juga berhubung dengan harga getah Malaysia ini dan kadang-kadang harga getah Malaysia sampai tahap yang sangat rendah dan apa yang kita ketahui sekarang setengah-setengah pekebun-pekebun kecil tidak mahu menoreh getah mereka kerana apa yang kita ketahui katanya walaupun mereka menoreh getah, dapat 5 atau 6 kilo misalannya, harga satu kilo agak \$1 lebih dan berkemungkinan kalau yang tuannya getah itu tidak berdaya hendak menoreh getah, mereka menyuruh kepada orang lain, biasanya bahagi dua. Jika orang yang hendak mengerjakan potongan getah itu tidak mahu, akhirnya sebahagian daripada tanah-tanah getah telah terbenkakai, tidak dapat dilaksanakan.

Dalam masalah penentuan harga getah ini, kita ketahui dalam masalah bentuk harga getah, kita telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan International Natural Rubber Organisation. Ini meliputi daripada negara Malaysia, Indonesia, Thailand dan sebagainya, termasuk negara pengguna, Amerika, Jepun dan sebagainya. Dalam bentuk ini badan yang ditubuhkan atas nama Badan Pengeluar Getah dan Badan Pengguna Getah dan badan ini menentukan harga getah, mustahil pengguna-pengguna hendak meletakkan harga getah yang tinggi.

Memandangkan hakikat badan ini, atau nama ringkasnya INRO, maka saya merasai badan ini tidak dapat mencapai kehendak harga getah yang patut atau sesuai bagi negara-

kita. Dan juga badan ini agak berkuasa menentukan, kalau misalnya satu tahap harga getah menurun maka badan ini dapat menentukan supaya mengadakan stokpail bagi badan yang mengelolakan harga getah ini.

Selain daripada itu dalam masalah menentukan harga getah, satu lagi badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan, iaitu Association of Natural Rubber Producing Countries. Ini befhubung dengan negara-negara yang mengeluarkan getah terdiri daripada Malaysia, Thailand, Indonesia dan sebagainya. Apa yang kita sedar dalam masalah negara-negara yang mengeluarkan getah ini, kadang-kadang tidak mendapat satu kata sepakat di antara negara-negara pengeluar getah. Dalam hal ini kita memikirkan berkemungkinan negara Indonesia dan Thailand perbelanjaan mereka mengeluarkan getah itu tidak begitu tinggi sebagaimana di negara Malaysia ini, jadi mereka tidaklah begitu hairan kalau hendak menjual getah mereka dengan harga yang murah dan berkemungkinan negara-negara luar yang hendak membeli getah diberi dengan secara kredit, misal sampai 3 bulan ataupun 6 bulan, tentulah negara-negara yang hendak membeli getah ini membeli dari negara-negara yang saya katakan tadi. Tetapi pada kebiasaan kita negara Malaysia ini mungkin diberi dalam tempoh 21 hari dan sebagainya.

Jadi dalam masalah badan-badan yang ditubuhkan, dua badan yang saya terangkan tadi, tidak dapat memberi suatu kuasa menentukan harga getah. Itulah yang menyebabkan harga getah kita, kita tidak dapat menentukan berapakah harga getah yang sepatutnya dibeli oleh negara-negara lain. Walau macam manapun, sama ada kita sedar atau tidak, kita harus menitikberatkan satu di antaranya. Negara Malaysia sendiri mesti mengadakan stokpail sendiri seperti yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, misalnya dalam tahun 1974 di waktu itu harga getah menurun dan Kerajaan juga telah melaksanakan dalam tahun 1975 dan begitu juga tahun 1981 dan 1982 Kerajaan Malaysia sendiri mengadakan stokpail getahnya di waktu harga getah turun.

Jadi dengan ini saya cuma mengharapkan kepada Kerajaan sama ada pelaksanaan ini dapat dilaksanakan dan memandangkan harga

getah sekarang ini telah menurun maka Kerajaan mesti melaksanakan stokpail sendiri. Bila sampai harga getah meningkat naik, barulah kita dapat menjual getah kita ke luar negeri. Ini dapat kita menampung kesusahan rakyat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menyentuh sedikit sahaja lagi berhubung dengan badan-badan yang ada kaitannya dengan pengeluaran getah. Misalnya badan yang dinamakan RISDA, ini agak menitikberatkan dalam masalah pekebun-pekebun kecil dan satu lagi dalam badan yang dinamakan FELDA, juga dalam masalah menentukan pengeluaran getah dan satu lagi dalam badan yang dinamakan PELCRA, barangkali FELCRA ini memusatkan dari tanah-tanah yang terbiar untuk menanam getah dan sebagainya. Selain daripada itu misal satu badan yang dipanggil MARDEC dan MARDEC ini pada kebiasaannya yang kita tahu dia tidak ada tanah getah yang tertentu tetapi mengharapkan getah daripada pekebun-pekebun kecil.

Dari segi badan-badan yang saya jelaskan tadi, seperti RISDA, PELDA, FELCRA, MARDEC dan sebagainya, badan-badan ini mengusahakan aktiviti mereka kadang-kadang aktiviti mereka bertindih antara satu sama lain. Misalnya kalau kita perhatikan peranan RISDA, RISDA juga membuat peranan untuk memasarkan getah Malaysia. Dan kalau kita perhatikan daripada segi badan yang dinamakan FELDA, FELDA juga mengambil perhatian untuk memasarkan Getah Malaysia. Barangkali ada lagi beberapa aktiviti yang sama ini khususnya daripada RISDA dan FELDA yang sama-sama memasarkan getah; apakah tidak Kerajaan mewujudkan satu badan yang khusus untuk pemasaran getah Malaysia ke luar negeri. Kalau Kerajaan dapat mewujudkan satu badan khusus untuk memasarkan getah ke luar negeri, maka kita percaya dari masa ke semasa kepakaran pemasaran getah Negara Malaysia ini akan meningkat dari masa ke semasa.

Selain daripada itu dalam masalah bentuk yang saya katakan tadi badan yang dinamakan MARDEC, dan MARDEC ini kita tahu terletak di bawah Kementerian Perusahaan Utama, kemudian RISDA terletak di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Dalam badan ini sama ada MARDEC ataupun RISDA kedua-duanya adalah menitikberatkan kepada pengeluaran getah dan sebagainya, maksudnya dalam aktiviti-aktiviti getah, sama ada pasaran, sama ada menambahkan hasil dan sebagainya. Berasaskan kepada pandangan saya, oleh sebab MARDEC ini terletak di bawah Kementerian Perusahaan Utama dan RISDA di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, maka apakah tidak elok badan yang sama ini diletakkan di bawah satu Kementerian yang sama. Itu tidak kiralah sama ada MARDEC dan RISDA mi hendak diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama dan sebagainya terpulanglah kepada Kerajaan. Tetapi di sini saya memikirkan atau mencadangkan supaya badan-badan yang berbentuk pengeluaran getah ini dapat diletakkan di bawah satu Kementerian yang sama, maka satu peraturan, arahan dan kerja dapat dilaksanakan dalam bentuk yang kemas.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah yang dapat saya sampaikan di Dewan ini dan dengan ini saya menyokong penuh Akta yang dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbaian Menteri menjawab.

5.54 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas minta yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan turut serta dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini. Suka-cita di sini saya akan menjawab segala teguran dan ulasan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan sekiranya ada terdapat perkara-perkara yang tidak disentuh, saya akan mengambil ingatan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan serta mengambil tindakan yang wajar bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang daripada kawasan luar bandar, ramai pula yang mengaku tahu tentang selok belok hal getah dan ada yang pernah menjadi penoreh getah. Saya sebagai Timbalan Menteri yang bertanggungjawab di atas perkara ini juga adalah seorang bekas penoreh getah

di antara tahun 1956 - 1962. Jadi apa yang diperkatakan adalah saya ketahui dengan sejas-jelasnya.

Memandangkan apa yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap pindaan Akta ini adalah saranan yang bertindih dan hampir serupa terutama tentang kemiskinan, penderitaan dan kesusahan pekebun-pekebun kecil. Izinkan saya menjawab secara keseluruhan. Bagaimanapun saya akan sentuh sesuatu yang tertentu apabila saranan itu atas tajuk-tajuk yang tertentu.

Saya benar-benar mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat saudara Jaafar Harun, Yang Berhormat Abdul Ghani Othman, Yang Berhormat Haji Shaharom Maasom dan juga Yang Berhormat Nasir Manap. Saya sangat tertarik hati kepada saranan yang dibawa oleh Tuan Haji Shaharom Maasom yang telahpun membincangkan tentang sejarah getah pada mula dan akhirnya dan juga kegemilangan harga getah musim peperangan Korea sehingga ada Guru-guru yang dipermainkan oleh orang kampung, bahawa janganlah hendak tunjuk lagak di kampung ini, gaji Guru hanya getah sekrup sahaja boleh bayar.

Saya masih lagi ingat bagaimana orang kampung saya bila pergi ke bandar Ipoh hendak tengok wayang, charter dua teksi tetapi hendak pakai seorang sahaja, dia duduk di teksi yang depan. Sampai ke Ipoh di panggong Rex tengok dua teksi berhenti, tanya apa sebab pakai dua teksi, dia kata, 'takut teksi yang depan ini pancet'. Begitu sekalinya kemewahan harga getah pada masa yang lampau. Tetapi masalahnya pada masa yang lampau memang ramai orang mengerjakan industri getah, kerana pada masa itu tiada kelapa sawit, tiada koko, tiada industri. Sebaliknya Sekolah Menengah Melayu pun tidak ada. Siapa sahaja yang terkandas daripada Sekolah Rendah Melayu yang tidak dapat jadi Guru, tidak dapat jadi Peon, tidak dapat jadi Polis, tidak dapat jadi Driver maka pokok getahlah disembah. Tetapi hari ini sebab sistem pelajaran kita berbeza selepas tahun 1962, Sekolah Menengah Melayu bertambah seperti mana bertambahnya cendawan selepas hujan, maka peningkatan pelajaran anak-anak sudah berbeza, industri dibuka di sana sini, kelapa sawit wujud sampai 1.2 juta ekar, koko

juga wujud di bawah-bawah pokok kelapa dan juga secara estet, maka pilihan anak-anak muda dan pilihan rakyat sudah tertumpu kepada industri-industri yang lebih memberi pendapatan yang lebih lumayan. Bagaimanapun atas kesedaran yang menimpa industri getah, kesedaran terhadap penderitaan rakyat, kekurangan buruh, kos buruh yang tinggi, kos hidup yang tinggi dan kepentingan maju mundurnya ekonomi negara, maka Akta ini perlu dipinda. Kementerian Perusahaan Utama sungguh mengambil berat atas masalah ini dan bersedia untuk memikul tanggungjawab tersebut.

Dalam masalah penderitaan industri ini, pihak Kementerian Perusahaan Utama telah mengadakan perbincangan yang terperinci dengan badan-badan berkanun yang bersangkutan paut dengan perkembangan industri getah asli seperti MRRDB, RRIM dan MARDEC. Kementerian Perusahaan Utama mahukan semua pegawai yang terlibat mempertingkatkan lagi prestasi bekerja, prestasi penyelidikan dan prestasi daya usaha mereka untuk menolong masalah yang menimpa industri getah. Selepas itu pihak Kementerian Perusahaan Utama telah mengadakan perbincangan secara hati ke hati, secara berasingan dengan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil dan juga Persatuan Penanam-penanam Getah. Dalam kedua-dua perbincangan ini, pihak Kementerian Perusahaan Utama telah dapat berpeluang bertukar-tukar fikiran disamping mengetahui dengan jelas akan masalah-masalah mereka serta pihak-pihak mereka dapat memajukan panduan ke arah memperbaiki masalah yang dihadapi oleh industri getah.

Dari semua perjumpaan ini diharapkan Kementerian Perusahaan Utama akan dapat membuat rumusan dan kertas kerja untuk dibentangkan ke Kabinet termasuklah masalah penukaran estet-estet getah kepada kelapa sawit yang telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Shaharom yang juga telah dipertekankan lagi oleh Yang Berhormat saudara Nasir Manap.

Kerajaan sedar bahawa estet-estet sedang giat menukarkan tanaman getah kepada tanaman kelapa sawit untuk menjamin kesetabilan ekonomi negara supaya tidak hanya bergantung kepada satu atau dua barangan utama

sahaja. Kerajaan sedang mengkaji dengan terperinci untuk menggubal dasar bagi menentukan perkembangan yang seimbang dalam sektor barangan utama seperti getah, koko dan kelapa sawit dengan mengambil kira kesesuaian tanah, keuntungan yang boleh diperolehi serta masa hadapan komoditi tersebut. Ini juga akan dibawa ke Kabinet untuk diperbincangkan.

Sebentar tadi Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun dan juga Tuan Abdul Ghani telah menitikberatkan tentang penyelidikan. Ada beberapa penyelidikan yang telah dilakukan oleh agensi-agensinya terutama RRIM:

- (1) menjalankan penyelidikan dan kemajuan mengenai getah;
- (2) menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai penggunaan getah asli;
- (3) menjalankan kajian bagi mendapatkan maklumat mengenai getah tiruan dan lain-lain sumber bahan asli yang boleh memperkukuhkan lagi kedudukan persaingan getah asli di pasaran dengan getah tiruan yang lain;
- (4) menjalankan penyelidikan bersamasama dengan agensi-agensinya lain yang berkaitan untuk memperbaiki pemrosesan dan pemasaran getah asli serta untuk memodenkan industri getah asli di negara ini.
- (5) menjalankan penyelidikan biji getah untuk mendapatkan minyak telah dijalankan. Hampas biji getah ini digunakan untuk makanan haiwan. Penggunaan minyak dari biji getah mempunyai pasaran yang terhad kerana penggunaannya dalam perusahaan cat.

Penyelidikan kayu getah dipertingkatkan dengan wujudnya apa yang dikatakan FRI yang baru sahaja diluluskan pada sesi Parlimen yang lepas dan saya fikir dalam masa 3 bulan tidaklah dapat FRI menandingi kemajuan teknologi Jepun sehingga dapat menukar kayu getah kepada habuk yang begitu halus. Bagaimanapun kita akan menjalankan kajian yang teliti dan diharapkan keluaran perabot kita yang pada tahun lepas telah mendapat

lebihkurang \$30juta akan meningkat atau berlipatganda pada tahun setelah FRI ditukarkan kepada badan berkanun.

Penyelidikan kayu getah dipertingkatkan dengan usaha bersama beberapa institusi seperti institusi perhutanan, UPM, SIRIM, Lembaga Kayu Malaysia, USM dan juga LJTM. Tentang kayu getah pula cottage industry atau industri kampung akan cuba hendak menggalakkan supaya daun getah ini boleh diusahakan untuk menghasilkan bunga yang begitu cantik yang terdapat hari ini banyak terjual di pusat-pusat KARYANEKA.

Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap tentang kemiskinan ini dan penderitaan yang telah dipertekankan oleh Yang Berhormat Profesor Abdul Ghani kita tadi kita tahu oleh kerana taraf hidup rakyat Malaysia adalah tinggi dibandingkan dengan pendapatan per kapita negara. Pendapatan dari industri getah tidak benar-benar dapat menampung hidup harian rakyat. Jika kita lihat per kapita negara Brunei adalah 8 kali ganda dari Malaysia. Tetapi taraf hidup rakyat di antara dua negara tidak jauh berbeza. Taraf hidup, kehendak hidup, keperluan hidup tidak berbeza dengan rakyat Brunei walaupun Brunei 8 kali ganda per kapita dari Malaysia.

Begitu juga per kapita di negara-negara Scandinavia adalah lebih kurang 4-5 kali ganda daripada negara Malaysia. Tetapi taraf hidup rakyat Malaysia dengan rakyat-rakyat di Scandinavia mungkin 50% sahaja perbezaannya - setengah; pada hal per kapita pendapatannya adalah 4 atau 5 kali ganda dengan cara hidup, pembawaan hidup, taraf hidup, kehendak hidup, nafsu hidup inilah maka pendapatan daripada industri getah tidak boleh menampung kehendak taraf hidup rakyat. Dengan itu agensi-agensi getah asli Malaysia juga Kementerian-kementerian yang bersangkutan sedang mengkaji dan meneliti untuk memudahkan pekebun-pekebun kecil juga mengurangkan masa mereka di dalam industri getah seharian seperti mungkin hanya cara menjual susu dan membuat getah buku yang mana masa mereka kalau dahulu buat getah keping, turun pukul 6.00 pagi menoreh, balik rumah minum susu, turun bawa tong, angkat susu, takung, pijak, lepas pijak mesin, lepas itu cuci tangan sampai sejam

baru hilang segala getah-getah yang lekat pada kuku, kalau tidak, tidak sah hendak menunaikan sembahyang. Pada pukul 2.00 baru habis.

Pada hari ini kemungkinan satu penyelidikan akan dibuat agar pekebun-pekebun kecil akan menghabiskan masa mungkin setakat pukul 10.00 sahaja dengan mengeluarkan susu ataupun buat getah buku. Selepas itu masa yang berlebihan itu akan dipergunakan seperti mana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom kalau orang lain boleh buat mengapa kita tidak boleh buat. Iaitu dengan membuat kerja-kerja lain seperti menternak ayam itik, ikan air tawar, membela kambing atau lembu di tempat tanah terbiar yang begitu banyak di kawasan-kawasan kampung terutama di kawasan pilihanraya saya di Hilir Perak. Saya minta maaf kepada Tuan Haji Shahrom tidak pernah ada tunjuk perasaan fasal getah. Tidak ada. Banyak tanah-tanah terbiar boleh dipergunakan untuk menambah pendapatan orang-orang kampung. Begitu juga dengan wujudnya industri-industri kampung di kawasan-kawasan luar bandar dapat menampung pekebun-pekebun kecil untuk bekerja dan menambah pendapatan mereka.

Saya fikir sikap yang mempelbagaikan kerja ini atau tindih menindih kerja ini harus digalakkan kerana perkara ini telah lama diamalkan oleh datuk nenek moyang kita yang merupakan pekebun getah yang rajin dulu. Memang kalau penoreh getah yang tidak bijak menggunakan masa sahaja yang duduk di kedai kopi selepas menoreh getah. Tetapi kebanyakan pekebun kecil adalah rajin. Selepas sahaja mereka habis menoreh getah sebelah petang pergi ke dusun ataupun menanam jagung, padi ataupun limau. Arwah bapa saya dulu menanam limau begitu banyak di sebelah petang untuk menambah pendapatan. Jadi, untuk tindih menindih ini saya ingat adalah bersesuaian kerana ini telah lama diperlakukan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang harga getah yang telahpun dibangkitkan tadi dan juga peranan INRO yang telah dipertekankan, Kementerian sentiasa mengawasi peranan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dalam menstabilkan harga getah asli dan setakat mana perjanjian tersebut memberi manfaat kepada negara.

Dalam hal ini sukacita dimaklumkan bahawa perjanjian ini telah dapat mempertahankan harga getah dan juga menahan kejatuhan harga ke paras yang lebih rendah lagi. Walau bagaimanapun peranan perjanjian ini adalah terhadap disebabkan keadaan ekonomi dunia yang belum begitu pulih yang bukan sahaja mempengaruhi harga getah tetapi juga bahan-bahan utama yang lain.

Keadaan harga getah semakin teruk berikutan dari bekalan yang berlebihan dari negara-negara lain. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada perjanjian ini sudah tentu harga getah berada di paras yang lebih rendah lagi. Kalau sekiranya kita mansuhkan perjanjian ini atau INRO tidak lagi berfungsi. Kita tahu kos pengeluaran getah negara kita adalah tinggi dibandingkan dengan Indonesia, Thailand dan juga Sri Lanka. Kalau harga getah boleh ditentukan sewenang-wenangnya oleh pengeluar, berkemungkinan bahawa getah Malaysia akan tidak laku, tidak diberi orang lain oleh kerana dunia atau negara-negara pengguna boleh mendapatkan harga yang murah daripada negara-negara yang mengeluarkannya secara murah. Ditambah pula Indonesia memberikan kredit 180 hari dengan 6% faedah sahaja. Jadi negara-negara yang dahulunya oleh kerana adanya paras harga yang ditentukan oleh Perjanjian Getah Antarabangsa sudi untuk membeli getah daripada Malaysia, tetapi kalau secara bebas kemungkinan getah kita akan diketepikan dan negara-negara pengguna akan terus membeli getah pada negara-negara yang boleh menawarkan harga yang lebih murah daripada kita.

Apa akan jadi pada industri getah sekiranya perjanjian seperti ini tidak dibuat? Tetapi dengan adanya perjanjian seperti ini, maka harga itu dapat ditentukan dan tidaklah negara-negara lain yang mengeluarkan getah secara murah ini dapat menjual getah mereka dengan sewenang-wenangnya. Ini perlulah kita fikirkan dengan semasak-masaknya kerana ahli perniagaan kita hanya boleh memberi kredit 21 hari; mereka memberi kredit 180 hari dan mungkin akan menambahkan kepada 360 hari hutang beli barang dengan faedah 6%. Siapa yang tidak mahu beli barang kepada sebuah negara yang menawarkan demikian, kita akan menjadi mangsa.

MARDEC pula dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Melaka ini tadi. Kalau kita kata RISDA, KELCRA dan FELDA bersangkutan dengan penanaman, ada ladang, ada kebun getahnya, tetapi MARDEC semata-mata mengendalikan tentang pengeluaran. Dengan adanya MARDEC dapat menentukan harga pasaran tempatan ke satu paras yang mana orang tengah tidak dapat hendak kelencong atau hendak bohong kepada pekebun-pekebun kecil. Kita telah membuat kajian bahawa MARDEC telah dapat menyelamatkan sekurang-kurangnya \$50 bagi seorang pekebun kecil setahun. Jadi kalau sekiranya ada 600,000 pekebun kecil, bermakna MARDEC telah dapat menyelamatkan \$300 juta setahun daripada jatuh ke tangan orang tengah, dari segi penipuan harga getah. Ini patut disadari dan MARDEC juga merupakan satu jentera pemasaran antarabangsa dan di mana sahaja lawatan-lawatan ke luar negeri yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, pegawai-pegawai MARDEC turut serta dalam lawatan-lawatan ini untuk menentukan bahawa pasaran getah asli kita akan berkembang di seluruh dunia, dan satu stor getah kita yang dipunyai oleh MARDEC ada di Yugoslavia. Setiap masa 16,000 tan disediakan untuk dibekalkan kepada mana-mana negara Eropah Barat atau Eropah Timur juga negara-negara Mediterranean untuk membeli getah kita di sana, ini peranan MARDEC dibanding dengan RISDA, FELCRA dan juga FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani juga telah membangkitkan tentang tata tertib bekerja sebagai kakitangan. Pihak KPU (Kementerian Perusahaan Utama) akan mengambil ingatan atas segala saranan Yang Berhormat dan KPU akan cuba seberapa daya untuk memahami citarasa dan keperluan sebuah badan penyelidikan terutama dari segi world view and taste dengan izin, ahli-ahli penyelidik.

Mengenai kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi, ini memang diperlukan sangat supaya institusi-institusi pengajian tinggi mengambil berat tentang hal perkembangan penyelidikan getah ini. Tentang penyelidikan RRI hanya untuk ladang besar dan

tidak kepada pekebun-pekebun kecil, saya ingat ini tidaklah berapa tepat kerana Kementerian memberi perhatian berat terhadap kepentingan pekebun kecil dalam usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan oleh IPGM. Pada masa ini kami menitikberatkan pemindahan teknologi dengan secepat mungkin kepada sektor pekebun kecil.

Satu Jawatankuasa Pemindahan Teknologi Kebangsaan yang dianggotai oleh IPGM, RISDA, Kesatuan-kesatuan Pekebun-pekebun Kecil dan lain-lain badan telah ditubuhkan pada tahun 1982 untuk membolehkan setiap pekebun kecil menikmati hasil penyelidikan dengan seberapa segera. Kejayaan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa ini adalah memuaskan, misalnya klon-klon baru yang dihasilkan di IPGM boleh diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil pada masa yang sama klon-klon tersebut didapati oleh sektor perladangan.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom mengenai tukar syarat tanah ini, saya minta maaf, ini adalah hak mutlak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri mempunyai cara-cara mereka masing-masing, jadi tidak dapatlah Kementerian ini menyentuh tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat saya hendak menyentuh keseluruhannya, dengan itu saya lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil berat membincangkan atas Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6,20 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya pada masa ini adalah bertanggungjawab sepenuhnya di dalam melaksanakan segala program-program pembinaan dan penyelenggaraan kerja-kerja bangunan-bangunan, jalan-jalan, jambatan-jambatan dan lapangan terbang-lapangan terbang Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan No.2 1983 tentang fungsi-fungsi dan tanggungjawab Kementerian saya. Bagaimanapun, Ordinan Jalan Persekutuan 1959 telah tidak memberi kuasa untuk Kementerian saya mengisytiharkan mana-mana jalan, jambatan, feri atau lain-lain cara perhubungan negeri sebagai jalan Jambatan, feri atau lain-lain cara perhubungan Persekutuan.

Buat masa ini Kementerian saya melaksanakan segala prosidur-prosidur untuk mengisytiharkan jalan-jalan Persekutuan ini yang mengandungi di antara lain, langkah-langkah perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan penyediaan surat deraf pengisytiharan hinggalah ke peringkat peng wartaannya. Walau bagaimanapun, Menteri Pengangkutan

perlu menandatangani pengisytiharan itu kerana Ordinan ini masih lagi di bawah tanggungjawabnya sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 2 Ordinan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Ordinan Jalan Persekutuan 1959 yang saya cadangkan ini adalah bertujuan memudahkan lagi prosidur dan pelaksanaan pengisytiharan jalan-jalan Persekutuan di masa hadapan.

Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985 ini bertujuan membatalkan seksyen 2 yang mengandungi tafsiran bagi perkataan 'Minister' dan ini adalah untuk memudahkan pentadbiran Ordinan supaya mana-mana Menteri yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan pengisytiharan mana-mana jalan, jambatan, feri atau lain-lain cara perhubungan di mana-mana Negeri sebagai jalan Persekutuan hanya perlu diisytiharkan di dalam perintah yang akan dibuat dalam Akta Tugas-tugas Menteri 1969 dan akan secara automatik menjadi Menteri yang berkenaan bagi maksud Ordinan ini. Perundingan dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengenai pemindahan tanggungjawab ini telah pun dibuat dan beliau telah memersetujui dengan cadangan itu.

Secara ringkas isi kandungan Fasal yang tersebut di dalam Rang Undang-undang ini dan saya berharap dan berkeyakinan bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini akan dapat melicinkan dan memudahkan pengisytiharan mana-mana jalan, jambatan, feri dan lain-lain cara perhubungan Persekutuan. Dengan ini saya mencadangkan Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.25 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama membahaskan Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ini dibuat ialah untuk membolehkan Menteri mengisytiharkan mana-mana jalan, jambatan, feri dan lain-lain cara perhubungan di mana-mana negeri sebagai jalan Persekutuan atau feri dan jambatan Persekutuan. Saya amat menyokong pindaan ini kerana telah sampai masanya usaha-usaha ini dilaksanakan kerana dengan adanya kuasa yang diberi kepada Menteri dapatlah dengan lebih mudah Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan rancangan-rancangan dan program-program menyambung, membuat, membaiki, mengawasi mana-mana jalan, feri, jambatan Persekutuan untuk kepentingan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mencapai kemerdekaan dan setelah rancangan pembangunan dilancarkan, kita lihat dan kita sendiri merasakan dan kita sendiri telah menggunakan semua jalan, jambatan, feri di seluruh negara hingga kalau kita fikirkan, kita renung semula sebelum kita mengadakan rancangan-rancangan membuat jambatan-jambatan yang merintang di Semenanjung ini sahaja misalannya, daripada Kuala Lumpur hingga ke Kota Bharu terpaksa memakan masa sehingga satu hari satu malam, tetapi dengan adanya jambatan-jambatan yang dibina menggantikan feri-feri ini masa yang satu hari satu malam itu kita selamat sampai dalam tempoh 7 ataupun 8 jam sahaja. Begitu juga jika sekiranya kita ke selatan atau ke utara di Semenanjung ini jalanraya-jalanraya yang dibina begitu baik untuk kepentingan dan muslihat rakyat, untuk kegunaan negara, adalah menunjukkan bahawa ini adalah satu usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan kesenangan kepada rakyat di dalam masalah perhubungan.

Perhubungan adalah penting, maka perhubungan yang baik di antara satu tempat ke satu tempat adalah penting. Perhubungan yang baik, jalan, feri dan jambatan memerlukan

belanja yang banyak, memerlukan peruntukan yang banyak. Untuk mengadakan lebuh raya misalannya, untuk membuat jambatan misalannya, untuk menaikkan gred jalan daripada jalan-jalan kecil kepada jalan besar dan ditambah pula keluasannya memerlukan belanja yang banyak. Jadi ini semua memerlukan kepada satu kuasa peruntukan yang perlu kita sokong dan perlu kita luluskan untuk muslihat orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya projek-projek pembangunan baru yang wujud di seluruh negeri dan negara, memang banyak pemandangan-pemandangan indah yang dapat kita lihat untuk membuka mata orang ramai, membuka mata rakyat bahawa kita memerlukan kepada pembangunan perhubungan yang lebih pesat. Apabila perhubungan lebih pesat dan lebih mudah menyebabkan pelabur-pelabur asing sanggup datang ke negara kita untuk melabur dan menanam modal kerana salah satu daripada kemudahan asas pelabur-pelabur asing datang menanam modal mendirikan

kilang-kilang besar ialah dengan adanya perhubungan yang baik, cepat pengangkutan untuk sampai kepada satu-satu destinasi yang dituju.

Jadi, apa yang ada di dalam masalah saya bercakap membahaskan Ordinan Jalan Persekutuan 1959 ini ialah saya meminta dan saya cuba menyebut satu dua perkara yang terlintas di dalam fikiran saya kerana selama ini rakyat menggunakan jalanraya, rakyat tidak tahu sama ada jalan itu jalan Persekutuankah, jalan Negerikah kerana di dalam masyarakat kita ini ada 4 kategori jalan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 1hb. Ogos, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.